Dari jurusan leksis, laras bahasa ilmu dan teknologi itu memerlukan leksikon—yang kita sebut istilah keilmuan—yang harus memenuhi syarat berikut: (1) tidak mengandung ketaksamaan, (2) dapat membedakan perincian konsep, dan (3) dapat melambangkan konsep yang abstrak dan generik (Havranek 1964). Sejak **Komisi Istilah** di Indonesia diresmikan pada tahun 1950 dan bekerja hingga tahun 1967, oleh kira-kira dua puluh seksinya telah dihasilkan sekitar tiga ratus ribu istilah. Secara kuantitatif jumlah

itu layak mendapat pujian, tetapi secara kualitatif masih perlu dikaji lebih lanjut kegunaannya bagi keperluan dewasa ini. Dapat dicatat tiga jenis keluhan yang ditujukan terhadap komisi itu. Pertama, susunan anggotanya dianggap kurang representatif karena ada anggota yang tidak dikenal sebagai pengembang ilmu yang aktif atau yang keahliannya disangsikan. Kedua, tata cara kerjanya tidak menunjukkan sasaran yang jelas, baik mengenai cakupan corak istilahnya maupun mengenai kelompok calon pemakainya. Ketiga, hasil komisi itu yang diterbitkan baik dalam bentuk daftar istilah sebagai lampiran majalah maupun dalam bentuk buku kecil-kecil, tidak disebarkan secara luas lewat pasar buku (Teeuw 1961:70—73).

Untunglah bahwa **Panitia Pengembangan Bahasa Indonesia** (1972), yang sejak tahun 1979 bernama **Panitia Kerja Sama Kebahasaan Indonesia-Malaysia**, mengambil alih tugas **Komisi Istilah** dengan menempuh jalan baru. Pada tahun 1975 dapat diterbitkan *Pedoman Umum Pembentukan Istilah* yang meletakkan dasar yang kuat untuk menyusun istilah dengan cara yang bersistem. Panduan itu mengambil banyak manfaat dari anjuran **International Organisation for Standardisation (UNESCO)** yang termuat dalam bukunya *Vocabulary of Terminology*. Selanjutnya pada tahun 1978 disusun rencana kerja sepuluh tahun dengan menetapkan prioritas pada ilmu-ilmu dasar yang sudah mulai diajarkan pada taraf pendidikan dasar dan menengah. Di samping itu, cabang ilmu yang sudah dimulai pengembangan peristilahannya tetap diberi perhatian. Pihak pengembang bahasa di Indonesia dan Malaysia (sejak 1984 Brunei Darussalam turut juga) atas kerja samanya di dalam **Majelis Bahasa Indonesia Malaysia** dalam perundingannya pada tahun itu mengambil putusan asas yang sangat penting. Kedua pihak berpendapat bahwa pengembangan peristilahan secara bersistem hanya akan tercapai jika ditetapkan strategi baru berdasarkan klasifikasi ilmu dan taksonomi tiap cabang ilmu. Selang beberapa tahun terkembanglah suatu rancangan yang tahap-tahapnya dapat diuraikan di bawah ini.

Pengembangan peristilahan yang dikelola pada taraf nasional sepatutnya diselenggarakan dengan mengikuti langkah yang berikut: (1) klasifikasi ilmu, (2) taksonomi cabang ilmu, (3) penentuan kelompok sasaran, (4) penentuan cakupan kumpulan istilah, (5) perumusan definisi dan penetapan istilah padanan, (6) penyelarasan definisi dan istilah padanan, dan (7) penerbitan daftar istilah dan

kamus cabang ilmu.

Klasifikasi ilmu dapat disusun berdasarkan keperluan yang nyata dirasakan oleh kalangan profesi bagi pemeliharaan dan pengembangan ilmu. Karena itu, seperti diutarakan di atas, kelompok ilmu dasar, yakni matematika, fisika, biologi, dan kimia, harus menjadi titik tolak bagi cabang ilmu eksakta yang lain, seperti bidang kedokteran, yang memanfaatkan keempat ilmu itu. Banyak cabang teknologi memprasyaratkan pula pengetahuan tentang ilmu dasar itu. Kelompok kedua meliputi ilmu pengetahuan sosial, seperti ekonomi dan sosiologi, yang makin lama makin banyak menggunakan teknik analisis ilmu eksakta. Kelompok ketiga mencakupi ilmu pengetahuan budaya, seperti ilmu bahasa dan susastra, yang tidak saja merupakan unsur kebudayaan, tetapi juga sarana pengungkap kebudayaan itu. Keperluan masa depan agaknya dapat diduga lewat informasi yang diperoleh dari golongan yang bersangkutan tentang minat dan kepentingan yang diperkirakan sendiri untuk masa lima sampai sepuluh tahun yang akan datang.

Taksonomi cabang ilmu yang menghasilkan gambaran strukturnya mutlak diperlukan karena kita tidak mungkin mengerjakan semua cabang ilmu dengan serentak. Cabang ilmu dengan segala ranting-rantingnya, yang menunjukkan hierarki pertalian konsep, akan menuntun kita dalam penentuan awal pekerjaan dan urutan kegiatan selanjutnya. Adanya taksonomi itu selanjutnya memungkinkan kita menetapkan tahap-tahap penyelesaian kumpulan istilah sehingga dapat direncanakan dengan jelas batas akhir waktu panitia kerja yang bersangkutan. Hal itu tentu berkaitan dengan dana yang perlu disediakan.

Penentuan kelompok sasaran berkenaan dengan calon pemakai di kalangan masyarakat. Prioritas dewasa ini memang diberikan kepada golongan pemakai di perguruan tinggi karena golongan itulah yang dianggap paling banyak memerlukan istilah ilmu pengetahuan. Tetapi, kita tidak boleh melupakan kalangan perusahaan dan perdagangan yang dapat merupakan penunjang dan penyebar istilah dalam bahasa kebangsaan yang ampuh.

Penentuan cakupan kumpulan istilah, yang didasarkan pada taksonomi yang disebutkan di atas, berpedoman pada jenis kelompok sasaran. Panjang pendeknya daftar istilah dan besar

kecilnya kamus bidang ilmu bergantung pada masuk tidaknya konsep yang berbeda-beda taraf kespesifikannya. Yang penting bagi tiap daftar dan kamus ialah kekomprehensifannya, artinya kumpulan itu harus selalu memberikan gambaran yang menyeluruhi ranting, cabang, atau bidang ilmu yang dicakupinya. Komprehensif tidak perlu berarti sama dengan lengkap atau komplet yang tidak ada rumpangnya. Anggapan di antara beberapa kalangan pembentuk istilah bahwa pengumpulan istilah harus dimulai dengan istilah umum dan kemudian dialihkan ke bidang yang lebih khusus hanya dapat dipertahankan jika memang ada kelompok sasaran yang memerlukan daftar istilah yang umum. Anggapan itu juga menggambarkan wawasan yang tidak menyeluruhi struktur bidang ilmu secara bersistem karena tidak menetapkan batas di antara cabang-cabang bidang sehingga hierarki peristilahan tidak jelas. Pengumpulan istilah dengan cara itu tidak dapat ditentukan saat akhirnya dan tidak pernah akan komprehensif.

Secara ideal penetapan istilah padanan dalam pengembangan terminologi dilakukan setelah perumusan definisi konsep selesai dikerjakan. Berdasarkan pemahaman konsep yang benar itulah dapat dipertimbangkan berbagai pilihan istilah padanan yang tepat sehingga pilihan yang salah dapat dihindari. Contoh salah pilih di Indonesia ialah *dengar pendapat* untuk *hearing* (dalam parlemen), dan *perkara yang belum dapat disepakati* untuk *crucial point*, *airworthiness* dipadankan dengan *kelayakan udara*.

Khusus dalam peristilahan, kaidah tata bahasa harus diterapkan dengan rasional dan taat asas. Kita harus dapat membedakan antara *Air dapat diklorini supaya kuman dimusnahkan* dan *Benzen yang diklorinkan menghasilkan klorobenzen*. Contoh ketaktaatasasan yang dapat diajukan ialah pemakaian istilah *pengadilan* di Indonesia yang tidak mengacu ke 'proses mengadili', tetapi ke 'badan yang mengadili perkara'. Pemakaian istilah seperti itu juga mengakibatkan tidak adanya kesejajaran nama karena di samping *pengadilan negeri* 'court of the first instance' ada *mahkamah agung* 'supreme court' yang kedua-duanya mengacu ke konsep lembaga kehakiman. Seandainya *pengadilan negeri* diubah menjadi *mahkamah pertama* atau *mahkamah rendah*, maka garis hierarki dan hubungan organisatoris kedua badan itu akan menjadi lebih jelas. Kita selanjutnya dapat mengkhususkan bentuk

pengadilan untuk 'proses mengadili' sehingga tercapai paradigma morfologis yang teratur sebagaimana *pemeriksaan* mengacu ke 'proses memeriksa'. Hal yang penting dalam pengembangan istilah ialah prinsip ketaatan dan bukan pemertahanan keaslian kosa kata bahasa. Dengan kata lain, walaupun sistem bahasa itu akan jadi kompleks dan rumit, di antara unsur-unsurnya harus tetap terjaga koherensi dan keselarasan.

Penyelarasan definisi dan istilah padanan dalam cabang ilmu yang berkaitan diperlukan agar antara istilah bahasa Inggris, yang biasanya menjadi pangkal pemilihan, dan istilah padanan jangan dibiarkan ada bentuk yang bertelingkah. Bagaimanapun, proses pembentukan itu, khusus di bidang peristilahan, bertujuan tercapainya keseragaman bentuk dan keseragaman pemahaman. Dapat dibayangkan apa yang terjadi jika setiap pengarang mengajukan istilahnya sendiri. Akan ada proliferasi istilah yang bersaing yang justru tidak diharapkan dalam proses pembakuan. Jika sudah terjadi persaingan, istilah yang akhirnya dibakukan lewat penyelarasan akan tetap sukar diterima oleh perekacipta (*inventor*) yang istilahnya disisihkan. Ia akan mengajukan alasan bahwa istilahnya sudah tersebar luas dalam berbagai karangan, termasuk karangan ahli lain yang menjadi penganutnya. Contohnya di Indonesia ialah istilah padanan *acak*, *rawak*, dan *rambang* yang mengacu ke konsep *random* dalam bahasa Inggris di bidang statistik.

Langkah berikut ialah penerbitan daftar istilah dan kamus bidang ilmu, serta penyalurannya ke pasar buku sehingga dapat dijual secara bebas. Jika penyebaran terbitan itu dasarnya 'pengiriman atas permintaan' semata-mata, maka tidak dapat diharapkan istilah yang sudah dibakukan akan cepat dipakai di dalam keahlian, buku pelajaran, dan diskusi profesional. Penerbitan daftar istilah yang tidak bersifat komprehensif, betapapun kecil cakupannya, di dalam surat kabar atau majalah hampir tidak ada gunanya. Kumpulan istilah yang disebarkan secara berangsur-angsur lewat media cetak atau media pandang-dengar, seperti radio dan televisi, jarang akan dicari kembali sebab tidak tersedia sebagai kumpulan yang utuh pada waktu diperlukan oleh penutur bahasa (Moeliono 1989).

Kamus, yang butir masukannya disertai definisi, mengatasi

kegunaan daftar istilah karena konsep yang dilambangkan oleh istilah itu memperoleh tafsiran yang baku pula sehingga kemungkinan salah pakai dapat dikurangi. Kamus bidang ilmu yang baku merupakan sumber informasi yang sangat berharga bagi pengarang buku untuk tingkat pendidikan. Tambahan lagi, ketiadaan kamus seperti itu dewasa ini sangat dirasakan oleh para penerjemah yang profesinya mengalihkan teks ilmiah dan teknik dari bahasa asing. Masalah yang bertalian dengan kosa kata dalam usaha penerjemahan tidak terletak di dalam pemadaan kata umum, melainkan di dalam pemadaan istilah khusus. Kelengkapan bahasa kita di bidang ejaan, morfologi, dan sintaksis memadai untuk menjadi bahasa sasaran di dalam proses penerjemahan. Lain halnya dengan leksikon khusus justru karena peristilahan Indonesia belum banyak yang dibakukan, atau jika sudah dibakukan kurang luas tersebar dalam bentuk kamus. Akhirnya dapat disimpulkan bahwa ketiadaan kamus bidang ilmu yang membuka peluang untuk pembiakan istilah yang merebak, seperti yang dikemukakan di atas, merupakan salah satu penyebab derasnya arus destandardisasi bahasa.

Pustaka Acuan

- Ferguson, C.A. 1962. The Language Factor in National Development. Di dalam *Study of the Role of Second Language in Asia, Africa, and Latin-America*. Suntingan F.A. Rice. hlm. 8—14. Washington: Center for Applied Linguistics.
- . 1968. Language Development. Di dalam *Language Problem in Developing Nations*. Suntingan J.A. Fishman, C.A. Ferguson, dan J. Das Gupta. hlm. 27—35. New York: Wiley.
- dan Anwar S. Dil. 1979. Universals of Language Planning in National Development. Di dalam *Language and Society: Anthropological Issues*. Suntingan W.C. McCormack dan S.A. Wurm. hlm. 693—701. The Hague: Mouton.
- Havranek, B. 1964. The Functional Differentiation of the Standard Language. Di dalam *A Prague School Reader on Esthetics, Literary Structure and Style*. Suntingan P.L. Garvin. hlm. 3—16. Washington: Georgetown University Press.

- Moeliono, A.M. 1985. *Pengembangan dan Pembinaan Bahasa: Ancangan Alternatif di dalam Perencanaan Bahasa*. Jakarta: Djambatan.
- . 1989. *Kembara Bahasa: Kumpulan Karangan Tersebar*. Jakarta: Gramedia.
- Neustupny, J. 1980. Language Reforms in Japan. Di dalam *Encyclopedia of Japan*. Tokyo: Kodansha.
- Salim, Z. 1977. The Growth of the Indonesian Language: The Trend toward Indo-Saxonization. Di dalam *Indonesian Quarterly* 2: hlm. 74—93.
- Teeuw, A. 1961. *A Critical Survey of Studies on Malay and Bahasa Indonesia*. The Hague: Martinus Nijhoff.



RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

1. Sidang : I
2. Hari/tanggal : Senin, 18 Maret 1996
3. Pukul : 10.30–11.30
4. Penyaji Makalah : Prof. Dr. Anton M. Moeliono
5. Judul Makalah : Pembakuan Istilah dalam Pemodernan Bahasa
6. Pemandu : Prof. Dr. Soenjono Dardjowidjojo
7. Sekretaris : Dr. Bakhrum Yunus
8. Pencatat : Drs. Atmazaki, M.Pd.

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Prof. Abdulkadir Muhamad, S.H., Universitas Lampung

Masyarakat cenderung menggunakan bahasa Inggris sekurang-kurangnya menyelipkan kata bahasa Inggris ketika ia menyampaikan pikiran dalam bahasa Indonesia. Apakah itu pertanda masyarakat kurang yakin bahwa bahasa Indonesia bisa menjadi bahasa yang cendekia? Atau, karena mereka kurang menghargai bahasa Indonesia sebagai bahasa nasional.

- b. **Jawaban**

Kecenderungan masyarakat menggunakan bahasa Inggris ketika ia menyampaikan pikiran dalam bahasa Indonesia karena membanjirnya konsep-konsep baru yang dalam waktu bersamaan belum ada padanannya dalam bahasa Indonesia. Konsep baru dapat diserap, tetapi konsep dan gagasan itu perlu dicarikan padanannya dalam bahasa Indonesia. Misalnya, *sky scraper* atau *highland building* yang dipadankan menjadi *pencakar langit*. Di dalam budaya Melayu, konsep dan gagasan *pencakar langit* itu belum ada, yang ada adalah *rumah panggung*. Jadi, konsep baru yang berasal dari bahasa asing kita terjemahkan dan

kita carikan padanannya ke dalam bahasa Indonesia sehingga apa yang kita lakukan menjayakan bahasa kebangsaan. Hal itu akan lebih baik daripada kita menyerap mentah-mentah konsep yang berasal dari bahasa asing (bahasa Inggris).

Di Indonesia tingkat kemahiran berbahasa Indonesia atau Melayu tidak sama. Hal itu menyebabkan masih ada konsep-konsep baru dari bahasa asing yang diserap mentah-mentah, misalnya, *marger* atau *merger* karena mereka tidak sampai pada gagasan *peleburan*.

2. a. **Penanya:** Drs. M. Ono Bachtiar, Universitas Bengkulu

Penyingkatan kata dalam bahasa Indonesia sangat membingungkan. ABRI, misalnya, merupakan singkatan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia, tetapi disingkat lagi menjadi A dalam AMD (ABRI Masuk Desa). Demikian juga dengan Depdikbud, yang mempunyai bentuk singkatan lain yaitu P dan K. Bagaimana pandangan Bapak tentang singkatan-singkatan itu?

b. **Jawaban**

Soal Dikbud ini ada cerita yang lucu. Dahulu, di Biro Keuangan dan Perundang-undangan, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, ada pejabat yang bernama Budi Harjo. Sehari-hari dia dipanggil **Bud**. Prof. Dr. Nugroho Noto Susanto, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, pada waktu itu menciptakan akronim **Depdikbud** menjadi **Dikbud**. Sehubungan dengan itu, Pak Budi Harjo sering bercanda pada temannya, kalau saya adalah **Mas Bud**-nya sedangkan Pak Nugroho adalah **Dik Bud**-nya. Oleh karena itu, meskipun kita tidak mungkin membuat kaidah penyusunan akronim, tetapi jika singkatan dan akronim tidak dibakukan maka terjadi perkembangbiakan singkatan dan akronim sehingga perlu diciptakan kamus singkatan dan akronim Indonesia untuk memahami berbagai singkatan itu. Di Malaysia dan Brunei Darussalam mungkin belum terbit, tetapi di Indonesia ada juga kamus singkatan dan akronim yang memuat

1000—1500 singkatan dan akronim. Jadi, singkatan atau akronim harus dibakukan. Jika masing-masing mengerti **tgl** berarti **tanggal** dan **dll** berarti **dan lain-lain** karena singkatan itu telah dibakukan. Apabila setiap orang bebas menyusun singkatan akibatnya muncul AMD, Dikbud, P dan K, dan ABRI.

3. a. **Penanya:** Dr. Abdul Ghani Asyik, M.A., Universitas Syiah Kuala

Ada keluhan dari masyarakat bahwa istilah yang berasal dari bahasa asing (terutama bahasa Inggris) diganti dengan istilah dari bahasa Sanskerta dan Jawa kuno sehingga istilah tersebut sulit dimengerti. Mengapa tidak digunakan istilah dari bahasa Inggris saja yang penulisannya disesuaikan dengan ejaan bahasa Indonesia?

- b. **Jawaban**

Hal itu untuk menunjukkan kepada dunia bahwa bangsa Indonesia bukan bangsa yang bodoh, bangsa kemarin sore, bangsa ingusan, tetapi keturunan bangsa yang sudah mapan berabad-abad. Penggunaan bahasa Sanskerta dan Jawa kuno juga menunjukkan ketuaan bangsa Indonesia. Hal itu tidak peduli apakah generasi muda mengerti atau tidak mengerti istilah itu. Namun demikian, agar bangsa Indonesia tetap bersatu, jangan ada dominasi salah satu suku. Semua kekuatan harus diakomodasikan, misalnya, penggunaan ungkapan "Sasono Langen Budoyo" di Taman Mini Indonesia Indah (TMII) sebaiknya dituliskan "Sasana Langen Budaya".

4. a. **Penanya:** Dr. S.S.P Pandjaitan, Universitas Lampung

Dalam kondisi apa Pak Anton menggunakan padanan "jika ... maka" di dalam paragraf pertama (kalimat pertama) pada makalah Bapak?

- b. **Jawaban**

Hal itu pengaruh bahasa Inggris. Kalangan wartawan

banyak menggunakan pola bahasa Inggris seperti itu sewaktu mengutip ucapan tokoh asing dan menerjemahkannya ke dalam bahasa Indonesia. Di dalam komposisi, kita juga sering menggunakan pola Inggris sehingga logika Barat berpengaruh pada logika bangsa kita. Jika di dalam bahasa Melayu lama hubungan **sebab-akibat**, kesejajaran **subordinasi-koordinasi**, hipotaksis itu tidak tampak lewat konjungsi, maka dapat ditunjukkan secara historis bahwa konjungsi Indonesia berasal dari bahasa Arab atau bahasa Sanskerta, misalnya, **sebab** bahasa Arab, **karena** bahasa Sanskerta, dan **ketika** bahasa Sanskerta.

II

BAHASA MELAYU DALAM MEMBINA MINDA KREATIF DAN DOMINAN

Abdulah Hassan
*USM, Pulau Pinang
Malaysia*

Bahasa Melayu, Bahasa Indonesia dan Bahasa Kebangsaan

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara Malaysia dan Brunei Darussalam. Bahasa Melayu juga merupakan asas bahasa Indonesia yang menjadi bahasa kebangsaan Indonesia. Di samping itu, bahasa Melayu mempunyai jumlah penutur asli yang signifikan di Singapura, Filipina, dan Thailand.

Bahasa Kebangsaan ialah bahasa yang digunakan untuk mengendalikan pentadbiran kerajaan dan menyampaikan pendidikan kepada rakyat. Umumnya, negara-negara baru merdeka daripada penjajah, memilih bahasa peribumi untuk menjadi bahasa kebangsaan (Brunei, Indonesia, Malaysia). Ada juga negara yang mengekalkan bahasa penjajah sebagai bahasa rasmi untuk tujuan pentadbiran dan pendidikan (India, Sri Lanka, Pakistan, Filipina).

Korelasi antara Bahasa dan Perkembangan Ekonomi

Ada korelasi di antara bahasa yang digunakan oleh sesebuah negara untuk menyampaikan pendidikan dengan tahap kemajuan ekonomi yang dicapainya. Untuk melihat korelasi ini, marilah kita meneliti tiga kumpulan negara berikut menurut tahap kemajuan ekonominya.

1. Negara-Negara Ekonomi Maju

Negara-negara ekonomi maju ialah Inggeris, Perancis, Switzerland, Belanda, Belgium, Denmark, Sweden, Norway, Itali, Sepanyol, Portugal, Amerika Syarikat, Canada, Jepun, Korea, Taiwan, Australia dan New Zealand. Semua negara ini

menggunakan bahasa peribumi masing-masing sebagai bahasa kebangsaan atau rasmi untuk menyampaikan pendidikan.

2. Negara-Negara Ekonomi Membangun

Negara-negara yang sedang membangun yang akan segera mencapai taraf negara ekonomi maju ialah Korea, Cina, Taiwan, Hong Kong, Thailand, Indonesia dan Malaysia. Negara-negara ini mengalami perkembangan ekonomi melebihi 8% setiap tahun untuk tujuh tahun berturut-turut. Semua negara ini menggunakan bahasa peribumi sebagai bahasa kebangsaan atau rasmi untuk menyampaikan pendidikan.

3. Negara-Negara Ekonomi Mundur

Negara-negara yang mengalami sedikit perkembangan ekonomi, malah ada yang masih di bawah paras kemiskinan, ialah India, Pakistan, Sri Lanka, Nepal, Sikim, Filipina, Myanamar, Ghana, Kenya, Nigeria, Uganda, Jamaica, Fiji, Papua New Guinea, Argentina, Colombia, Guiana, Perancis, Bolivia, Surinam, Paraguay, Guatemala, Honduras, Peru, Chile, Brazil, Ecuador, Venezuela, Panama, Nicaragua, Cuba, Comoro, Malakasi, Mozambique, Sahara Sepanyol, Utara Volta, Volta, Dalhomey, Sierra Leone, Liberia, Mauritania, Senegal, Gambia, Guinea, Tanzania, Chad, Mali, Niger, Ivory Coast, Togo, Gabon, Cameroon, Angola, Zaire, Central Afrika, Costa Rica, Botswana, Zimbabwe, Uruguay, Paraguay, dan Mexico. Negara-negara ini masih meminjam bahasa penjajah (Inggeris, Perancis, Sepanyol, Portugis) untuk menyampaikan pendidikan.

Tiga kelompok negara di atas menunjukkan bahawa negara yang menggunakan bahasa kebangsaan sendiri untuk menyampaikan pendidikan berjaya mencapai perkembangan ekonomi yang tinggi. Kelompok pertama, tergolong kepada negara maju dan kelompok kedua tergolong kepada negara yang sedang membangun menjadi maju. Kelompok ketiga menggunakan bahasa penjajah sama ada Inggeris, Sepanyol atau Portugis, untuk menyampaikan pendidikan. Ekonomi negara-negara ini tidak membangun. Oleh

sebab itu, kita dapat melihat korelasi antara bahasa yang digunakan untuk menyampaikan pendidikan kepada rakyat dengan pencapaian ekonomi negara.

Kertas kerja ini akan membincangkan teori pengembangan ilmu. Teori ini mengatakan ada korelasi antara ilmu dan kemajuan ekonomi. Korelasi ini adalah hubungan sebab akibat. Bagaimana fenomena ini berlaku? Dua perkara berlaku. Pertama, bahasa kebangsaan peribumi dapat menyampaikan pendidikan dengan berkesan. Oleh sebab itu, rakyat mendapat ilmu. Bahasa kebangsaan sendiri difahami oleh rakyat dan dapat meruntuhkan tembok bahasa yang menghalang mereka daripada mendapat pendidikan. Kedua, di samping itu, rakyat yang menerima pendidikan melalui bahasa kebangsaannya sendiri dapat mengekalkan keaslian mindanya. Minda asli sesuatu bangsa itu mampu menghasilkan idea-idea kreatif. Minda asli yang kreatif itu mampu mengolah semula ilmu yang dipelajarinya untuk mencipta teknologi, alat dan cara untuk menyelesaikan masalah dalam masyarakatnya. Teknologi inilah yang meningkatkan taraf hidup mereka.

Bahasa Kebangsaan Meruntuhkan Tembok Bahasa

Ada bukti yang menunjukkan bahawa mengajar ilmu melalui bahasa kebangsaan peribumi adalah lebih berkesan. Kita dapat melihat beberapa penyelidikan yang dilakukan untuk menyokong teori ini.

Dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-5 di Johor Bahru pada 21–23 November 1995, sebuah laporan penyelidikan mengenai perkara ini dikemukakan. Che Ann Abdul Ghani dan Nora Mohamed Nor dari Universiti Pertanian Malaysia, membentangkan kertas kerja bertajuk "Global Comprehension of the Text Through Translation Method". Kertas ini melaporkan sebuah penyelidikan yang dijalankan di kalangan pelajar Universiti Pertanian Malaysia. Dua kumpulan pelajar diberi kuliah mengenai sains logam dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Semua pelajar ini mempunyai penguasaan bahasa Inggeris yang setaraf. Penguasaan Bahasa Melayu mereka juga setaraf.

Kemudian mereka diberi ujian kefahaman. Bahan kuliah yang disampaikan dalam bahasa-bahasa Melayu diuji menggunakan teks

kefahaman dalam bahasa Melayu. Dan, bahan kuliah dalam bahasa Inggeris diuji menggunakan teks kefahaman dalam bahasa Inggeris. Jawapan yang diterima dalam bahasa Melayu menunjukkan pelajar dapat memahami isi kuliah. Jawapan ditulis dengan menggunakan ungkapan ayat yang panjang dan gramatis. Jawapannya lebih canggih. Ujian bahan kuliah berbahasa Inggeris menunjukkan bahawa pelajar tidak memahami isi kuliah. Jawapan mereka terdiri daripada perkataan-perkataan yang terpisah, dan tidak merupakan frasa dan ayat yang lengkap dan gramatis.

Laporan yang membuat tuntutan serupa didapati daripada seorang pensyarah di Universiti Brunei Darussalam, apabila beliau meneliti akibat kesan bahasa pengantar di sekolah rendah di Brunei. Dapatannya dilaporkan dalam kertas kerja yang disampaikan dalam persidangan Bahasa Melayu Sedunia, di Kuala Lumpur, pada 21-26 Ogos 1995. Beliau melaporkan bahawa, Brunei menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar matematik dan sains di sekolah rendah. Beberapa tahun lalu, bahasa pengantar itu ditukar kepada bahasa Inggeris. Akibatnya prestasi pelajar dalam matematik dan sains menurun. Beliau juga meminta perkara ini dikaji semula supaya kerajaannya mengembalikan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk semua matapelajaran di dalam sistem pendidikan negaranya.

Pada zaman pemerintahan Inggeris, pendidikan menengah dan tinggi di Malaysia disampaikan melalui bahasa Inggeris. Untuk mendapat pendidikan, rakyat perlu menguasai bahasa Inggeris. Oleh sebab kemudahan mengajar bahasa Inggeris lebih lengkap dibandar maka bahasa Inggeris dapat dipelajari dengan berkesan di sekolah-sekolah bandar. Ia tidak dapat dikuasai oleh pelajar-pelajar dari luar bandar kerana kemudahan seperti guru, makmal dan suasana tidak membantu. Majoriti pelajar luar bandar ini adalah Melayu. Ini menyebabkan hanya sebilangan kecil pelajar Melayu yang dapat mempelajari bahasa Inggeris. Usaha mengajar seluruh rakyat sebuah bahasa kedua merupakan suatu langkah yang sukar dicapai, lebih-lebih lagi dalam sebuah negara besar. Bahasa Inggeris menjadi tembok yang menghalang mereka mendapat pendidikan. Setelah mencapai kemerdekaan, dasar pendidikan baru dibentuk dan dilaksanakan. Pendidikan disampaikan melalui bahasa Melayu. Ini membolehkan ramai pelajar Melayu mendapat pendidikan. Pada masa ini peratus pelajar Melayu yang masuk ke universiti ialah

sekitar 60%. Jumlah ini adalah besar berbanding dengan 12% pada zaman selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, apabila bahasa Inggeris masih digunakan. Bahasa Inggeris tidak lagi menjadi tembok yang menghalang pelajar Melayu mendapat pendidikan.

Bahasa Kebangsaan Meruntuhkan Kepungan Ilmu

Apabila bahasa kebangsaan sendiri digunakan untuk menyampaikan ilmu, maka tembok bahasa dapat diruntuhkan. Hanya apabila tembok bahasa ini runtuh, barulah kepongungan ilmu musnah. Ilmu dapat merebak di kalangan rakyat. Rakyat yang berilmu dapat mencipta idea-idea kreatif untuk membina teknologi yang membangunkan ekonomi negara.

Bagaimanakah gejala kepongungan ilmu dimusnahkan? Ini berlaku di Eropah dan Jepun. Marilah kita melihat bagaimana ini berlaku di Eropah.

Apabila Rom menakluki Eropah, kuasa gereja Katholik turut menguasai Eropah. Bahasa gereja Katholik Rom ialah Latin. Pada zaman itu kaum gereja merupakan yang berilmu. Oleh sebab kaum gereja menggunakan bahasa Latin, maka bahasa Latin menjadi bahasa ilmu di seluruh Eropah. Bagaimanakah bahasa Latin itu mengepung ilmu? Kita dapat melihat gejala ini berlaku di Eropah pada Zaman Pertengahan. Saya akan mengemukakan dua contoh.

Pertama, ada ilmu sains biologi yang telah diketahui pada Zaman Pertengahan. Tetapi ilmu itu tidak dapat digunakan untuk menghasilkan teknologi dalam bidang perubatan. Hanbury Brown, dalam bukunya, *The Wisdom of Science: Its Relevance to Culture and Religion* (1986) memberi beberapa contoh. Umpamanya, sejak kurun ke-16 lagi, ilmu mengenai bakteria dan kitaran darah telah diketahui oleh saintis. Walau bagaimanapun ilmu ini ditulis dan diajarkan dalam bahasa Latin. Oleh sebab bahasa Latin tidak difahami oleh rakyat, maka ilmu itu tidak sampai kepada mereka. Ilmu itu terkepung dalam bahasa Latin. Ilmu terkepung di kalangan ilmuwan yang berbahasa Latin. Mereka menganggap ilmu itu untuk pengetahuan peribadi saja dan tidak perlu dikongsi dengan rakyat yang tidak mengetahui bahasa Latin. Akibatnya, ilmu tersebut tidak dapat dimanfaatkan untuk memajukan bidang ilmu perubatan.

Contoh kedua dapat dilihat daripada apa yang berlaku kepada ilmu yang ditemui oleh Isaac Newton. Dalam buku *Isaac Newton*, (1991), Michael White menceritakan bagaimana penemuan Newton yang tertulis dalam bahasa Latin tidak dapat dimanfaatkan oleh penutur bahasa Inggeris. Newton telah menulis buku *Philosophiae Naturalis Principia Mathematica* dalam bahasa Latin pada tahun 1686. Buku itu dibentangkan dan dibahaskan di *Royal Science Society of London*. Ahli sains mengagumi dapatan yang terkandung di dalamnya. Selepas itu, buku itu ditutup dan ilmu di dalamnya terkepung. Hanya setelah 200 selepas Newton meninggal, barulah buku itu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Barulah ilmu dalam *Principia Mathematica* ini dipelajari oleh rakyat. Ilmu itu banyak menjadi dasar kepada banyak ciptaan yang membantu kehidupan kita pada hari ini kerana ia mengandungi asas kejuruteraan moden yang digunakan di dalam banyak barangan yang kita gunakan, daripada lampu motokar yang kita pandu pada waktu malam, membawa kepada hukum fizik dalam membina bangunan pencakar langit, hinggalah kepada pembinaan dan pelayaran kapal angkasa.

Hanya apabila ilmu disampaikan di dalam bahasa rakyat dalam bahasa yang difahami oleh mereka, barulah ia dapat difahami dan dimanfaatkan. Selama 2,000 tahun Eropah mengetahui banyak ilmu sains. Tetapi, oleh sebab ilmu itu tidak sampai kepada rakyat yang tidak mengerti bahasa Latin, Eropah tinggal dalam Zaman Gelap.

Implikasi terhadap Perancangan Bahasa Melayu

Bahasa Melayu sudah mempunyai prasarana yang lengkap untuk mengungkapkan ilmu tinggi. Perancangan ejaan, sebutan, istilah, kamus dan nahu yang dijalankan selama tiga puluh tahun yang lalu, telah memperlengkap bahasa Melayu bagi menangani keperluan mengungkapkan ilmu. Melalui bahasa Melayu, kita mampu menyampaikan ilmu asas kepada rakyat. Tetapi, usaha masih perlu dijalankan untuk membawa ilmu masuk ke dalam bahasa Melayu. Ilmu itu ialah maklumat yang diproses. Ini adalah zaman maklumat. Bangsa yang menguasai maklumat akan berkuasa.

Pada masa ini ilmu masih terkepung dalam bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Jepun dll. Kita perlulah memusnahkan kepungan ilmu. Ini ialah tugas yang lebih besar perlu dihadapi oleh perancang

bahasa. Tugas perancang bahasa, bukan sekadar menyusun ejaan, sebutan, istilah, kamus dan nahu. Ini semuanya adalah alat saja. Perancang bahasa hendaklah menyedari bahawa alat-alat itu ialah untuk membawa masuk ilmu ke dalam bahasa Melayu. Ejaan, sebutan, istilah, kamus dan nahu, bukan produk akhirnya. Oleh sebab itu perancang bahasa tidak harus terperangkap dengan usaha membentuk dan memperbaiki alat-alat sahaja. Ini samalah ibaratnya dengan peladang yang ditugaskan menanam ubi, tetapi dia tidak habis-habis mengasah parang dan cangkul.

Teori perancangan bahasa yang diajukan oleh Haugen (1959), Eastman (1983), Ferguson (1968), Karam (1970) dan Rubin & Jernudd (1971) hanya mengajak kita berusaha setakat ini saja. Perancangan korpus bahasa selesai apabila ejaan, sebutan, nahu, istilah dan kamus selesai ditangani. Mereka tidak terlibat dalam merencanakan bahasa sebenar (melainkan Haugen yang merencanakan pembangunan sastera Norway selepas merencanakan ejaan, sebutan dan nahu). Mereka hanya meneliti beberapa kasus negara-negara dan membuat model perancangan bahasa. Pokoknya bahasa itu dirancang untuk membolehkan ia mempunyai prasarana yang lengkap untuk menyalurkan maklumat yang diperlukan untuk pembinaan negara. Sekiranya kita berperang kepada teori-teori sarjana Barat ini, kita akan terus membina dan memperbaiki ejaan, sebutan, nahu, istilah dan kamus. Sejak 1972 kita merancang ejaan dan istilah, kita sudah membina asas prasarana bahasa yang cukup. Sekarang bahasa Melayu sudah mampu untuk menjadi wahana ilmu dan teknologi.

Tugas kita sekarang ialah mengimport ilmu ke dalam bahasa Melayu. Sekiranya tidak, ilmu tetap terkepung dalam bahasa asing. Kita tidak seharusnya menumpukan seluruh masa dan tenaga untuk terus memperbaiki ejaan, tatabahasa dan mencipta istilah lagi. Istilah asas sudah mencukupi. Yang lain dapat dicipta dan diperkembang serentak dengan usaha mengungkapkan ilmu.

Pada masa ini ada dua teori mengimport ilmu. Teori pertama, mengatakan ilmu dapat diimport secara langsung. Kita belajar bahasa asing dan menimba ilmu melalui bahasa asing. Ramai pemimpin yang memegang teori ini. Mereka akan mengatakan, dalam bahasa Inggeris itu terdapat banyak ilmu, maka untuk mendapat ilmu kita hendaklah menggunakan bahasa Inggeris

sebagai bahasa pengantar pendidikan. Kaedah ini mempunyai dua kelemahan. Kita tidak dapat mengajarkan bahasa asing dengan berkesan kepada seluruh rakyat. Di samping itu, melalui bahasa asing itu, kita akan membawa masuk idea-idea yang bercanggah dengan hasrat kebangsaan kita sendiri. Gejala ini akan dibincangkan dalam bahagian idea dan masyarakat.

Teori kedua, ialah kaedah tidak langsung. Ini ialah kaedah terjemahan. Kaedah inilah yang digunakan oleh sarjana Islam dalam abad ke-11 dan 12. Ilmu daripada India, Farsi dan Yunani diterjemah ke dalam bahasa Arab. Inilah yang membangunkan tradisi ilmu di zaman pemerintahan Islam Baghdad, melalui Baitul Hikmah, sebuah institusi terjemahan. Hanya setelah terjemahan berlaku, maka barulah ilmu berkembang. Sejarah yang sama berlaku di Eropah. Apabila negara-negara Eropah terbentuk, ahli gereja seperti Kelvin dan Martin Luther memberontak menentang kuasa Katholik Rom. Salah satu perjuangan mereka ialah meruntuhkan monopoli bahasa Latin. Dengan itu bahasa tempatan digunakan di gereja dan juga di universiti. Ilmu diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman, Inggeris, Perancis, dll. Selepas itu, barulah ilmu dapat dicapai oleh semua rakyat. Rakyat yang terpelajar inilah yang mencetuskan revolusi industri di Eropah. Kasus Jepun juga begitu, dan akan dibincangkan di bawah.

Tugas kita membina ilmu hendaklah bermula daripada terjemahan. Sudah banyak buku terjemahan di Indonesia dan Malaysia dilakukan. Sudah banyak juga buku ilmu dituliskan dalam kedua-dua bahasa. Tetapi, lebih banyak masih diperlukan. Saya yakin sinergi sumber tenaga sarjana dan ahli teknologi daripada negar-negara yang menggunakan bahasa Melayu ini akan melipatgandakan produktiviti penulisan ilmu kita. Ada 300 juta manusia penutur bahasa Melayu. Tugas ini perlu bermula dari sekarang.

Keperluan menterjemah dan menuliskan ilmu ini mempunyai implikasi besar kepada kita semua. Tugas asas perancang asas korpus bahasa untuk memperlengkap ejaan, sebutan, nahu, istilah dan kamus sudah selesai. Hanya hal-hal nahu, istilah dan kamus khusus yang perlu diteruskan, serentak dengan pembinaan ilmu. Kita tidak dapat membuat pendirian bahawa istilah mesti dicipta semuanya sebelum ilmu diterjemahkan. Senarai istilah tidak akan

pernah lengkap. Ilmu baru akan timbul. Ilmu lama akan bercambah. Pendidikan akan sama dengan mengajar bayang-bayang. Ilmu dapat diterjemahkan oleh ahli bidang sambil mencipta istilah yang belum ada. Banyak istilah dalam bidang agama dan berfikir yang dicipta oleh ahli bidang sambil mencipta istilah. Malah ada wajarnya kaedah ini. Ahli bidang mencipta istilah dalam konteks bahasa. Oleh sebab itu, penggunaan dan ketepatan istilah terjamin.

Mengekalkan Minda Asli dan Kreativiti

Apabila pendidikan disampaikan dalam bahasa kebangsaan sendiri kita dapat mengekalkan keaslian minda kita. Kita dapat melihat bahawa negara-negara yang berbuat demikian mempunyai minda yang kreatif untuk mencipta alat-alat dan kaedah untuk memperbaiki kehidupan mereka. Kita dapat melihat Jepun. Jepun menerima pendidikan Barat. Jepun meniru Barat. Tetapi, Jepun masih Jepun. Dari segi budaya ia masih Jepun. Pentadbirannya, perdagangannya, sains dan teknologinya antara yang terbaik di dunia. Inilah jatidiri Jepun. Ia timbul daripada keaslian mindanya.

Penyampaian pendidikan melalui bahasa kebangsaan sendiri telah mengekalkan minda asli yang kreatif dan jatidiri sesuatu bangsa.

Bahasa Jepun Mengekalkan Minda Asli yang Kreatif

Hingga 500 tahun dulu, bahasa Jepun tidak pun mempunyai sastera. Yang ada hanya lagu-lagu rakyat. Ilmu terkepung dalam bahasa Cina. Pendidikan disampaikan melalui bahasa Cina. Rakyatnya terasing daripada ilmu kerana tidak memahami bahasa Cina. Pada tahun 1856 Commodore Perry datang dan memaksa Jepun membuka pintunya kepada dunia. Jepun perlu membuat perubahan. Jepun mesti belajar dari Barat, menandingi Barat, dan mengalahkan Barat dalam permainannya sendiri. Bagaimanakah pemimpin Jepun membina generasi moden? Pemimpin Jepun yang memulakan pembaruan pada Zaman Meiji, Yukichi Fuzukawa, berkata Jepun hendaklah belajar dari Barat untuk maju. Count Okuma dalam laporannya mengenai perkembangan pendidikan Jepun dalam *Japan by Japanese* (1924) mengatakan pemimpinnya maka Jepun kekal Jepun untuk Jepun. Jepun mahu belajar dari

Barat, tetapi mahu mengekalkan kebebasan belajar ilmu pengetahuan. Mereka mementingkan kemandirian ilmu. Bebas menurut kerangka minda Jepun. Dengan demikian Jepun mengekalkan keaslian minda mereka.

Untuk menyampaikan ilmu kepada rakyatnya, Meiji memilih bahasa yang paling luas digunakan. Jepun mempunyai empat peringkat bahasa: bahasa bangsawan, bahasa perwira, bahasa pedagang, dan bahasa petani (dan wanita). Meiji memilih bahasa petani untuk menyampaikan ilmu, sebab bahasa itulah yang paling luas penyebarannya.

Jepun juga menghadapi masalah guru, bahasa pengantar, dan istilah. Pengalaman Jepun sama saja dengan pengalaman Malaysia sekarang. Kita boleh belajar daripada Jepun. Selepas Jepun menerima dan melaksanakan pendidikan Barat, ramai pelajar dihantar ke Eropah dan Amerika untuk belajar dan membawa balik ilmu. Oleh sebab kekurangan tenaga pengajar, pada mulanya ramai pensyarah Amerika dan Eropah diambil bertugas di universiti-universiti Jepun. Tetapi, sedikit demi sedikit mereka digantikan oleh pensyarah Jepun yang pulang dari Eropah dan Amerika tadi. Pada mulanya 80% pensyarahnya terdiri daripada ekspatriat, tetapi pada tahun 1904 bilangannya menjadi hanya sekitar 30%. Sekarang hampir tiada.

Bahasa Jepun masa itu tidak mempunyai sistem ejaan sendiri, ia hanya menggunakan ejaan huruf kanji (Cina) iaitu sistem ejaan Cina. Oleh sebab itu Jepun membentuk sistem ejaannya sendiri, huruf hiragana untuk perkataan-perkataan Jepun dan katakana untuk perkataan-perkataan pinjaman daripada bahasa asing. Huruf kanji masih dikekalkan. Apabila timbul masalah sebutan, Jepun memutuskan supaya sebutan menurut sebutan penutur bahasa petani digunakan. Oleh sebab itu, tidak timbul kesukaran belajar dan menggunakan bahasa Jepun dalam bidang ilmu.

Mereka juga pernah mencuba menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengantar. Mereka mengajarkan ilmu medan perang dalam bahasa Rusia, undang-undang dan falsafah dalam bahasa Perancis, kejuruteraan dan sains dalam bahasa Jerman, dan kemanusiaan dalam bahasa Inggeris. Amalan ini dihentikan kerana pendidikan tidak sampai dengan sempurna.

Jepun telah mementingkan menguasai ilmu dengan bebas

menurut kerangkanya sendiri. Jepun juga telah menggunakan bahasanya sendiri untuk menyampaikan ilmu supaya dikuasai oleh semua rakyat. Buku-buku teks dan rujukan diterjemahkan untuk kepentingan pelajar.

Pada hari ini kita dapat melihat bagaimana Jepun telah menyerap pendidikan Barat sepenuhnya, tetapi keaslian mindanya masih kekal. Kita melihat kreativitinya meningkat. Mereka menyerap ilmu barat, tetapi berhasil mencipta barangan Jepun, televisyen Jepun, kamera Jepun, kereta Jepun, jam kuartza Jepun, dll. Kita dapat melihat betapa mereka menjadi kreatif kerana tidak terkepong dalam minda budaya lain. Minda Jepun menjadi dominan. Minda Jepun dapat menggunakan ilmu sains untuk membina barangan yang diperlukan. Mereka telah berjaya belajar ilmu dari Barat, kemudian mereka mengungkapkan semula ilmu itu menurut acuan Jepun bagi menyelesaikan masalah mereka sendiri, menurut keperluan mereka sendiri. Mereka berhasil mengambil ciri-ciri moden dari Barat dan membawa masuk ciri-ciri itu dalam masyarakat Jepun supaya Jepun menjadi manusia moden. Mereka tidak mengadaptasi segala-galanya, bahasa, budaya dan ciri-ciri barat untuk menjadi manusia moden.

Dari Barat mereka belajar ilmu sains. Kemudian, mereka mengolah semula ilmu ini untuk keperluan hidup mereka. Contohnya, daripada sains haba dan logam, asas, Jepun mencipta periuk nasi automatik. Mereka menyesuaikan ilmu dari barat bagi memperbaiki kehidupan masyarakat Jepun. Bangsa Asia lain yang memakan nasi ramai, seperti India, Bangladesh, Pakistan, dan Sri Lanka. Tetapi, oleh sebab mereka menerima pendidikan dalam bahasa asing, minda mereka tidak asli, dan kreativiti mereka tidak timbul walaupun negara-negara ini mempunyai banyak ilmuwan. Minda Jepun masih asli. Dengan ilmu yang dipelajari dari Barat, mereka mengolah semuanya untuk menyelesaikan masalah kehidupan mereka.

Jepun belajar teknologi Barat yang menggunakan traktor untuk membajak ladang, mereka ungkapkan semula teknologi itu menjadi traktor kubota untuk keperluan sawahnya. Mereka belajar tentang enjin penjana elektrik yang mampu mengeluarkan berjuta megawatt tenaga, mereka ungkapkan semula teknologi itu menjadi penjana elektrik bimbit yang dapat dibawa ke mana-mana. Dan

banyak lagi. Mereka mendapat kekayaan daripada ciptaan mereka. Barangan yang dicipta oleh Jepun itu tidak pun menggunakan ilmu dan teknologi tinggi seperti pengetahuan sains untuk mencipta periuk nasi automatik. Tetapi, hasilnya mendatangkan kekayaan kepada negaranya. Mereka meminjam dan membeli teknologi Barat, kemudian diungkapkan semula menjadi teknologi Jepun.

Mereka pelajar ilmu dengan bebas, tidak mengikut kerangka minda bahasa asing. Dengan itu mereka mengekalkan keaslian dan kreativiti mindanya.

Thailand juga menyampaikan pendidikannya dalam bahasa kebangsaan, dan minda orang Thai kekal asli dan kreatif. Begitu juga Indonesia, Korea, Cina, Taiwan, dan Hong Kong. Malah seluruh rantau Asia-Pasifik mengalami perkembangan ekonomi pesat. Inilah juga kawasan yang menggunakan bahasa kebangsaan dalam pendidikan. Negara-negara yang menggunakan bahasa asing untuk menyampaikan pendidikan tidak dapat menyaingi kepesatan perkembangan ekonomi bangsa-bangsa yang mindanya asli. Minda mereka lebih kreatif untuk menjana idea bagi menyelesaikan masalah mereka sendiri.

Korelasi antara pendidikan yang disampaikan melalui bahasa kebangsaan sendiri dengan kejayaan ekonomi adalah suatu bukti yang nyata. Ia adalah hubungan sebab akibat. Pendidikan yang disampaikan melalui bahasa kebangsaan sendiri telah dapat membina Rakyat yang berpendidikan. Rakyat yang berpendidikan ini mengembangkan ekonomi negara. Bukti ini sudah cukup. Inilah dasar bahasa yang akan dapat menentukan survival kita dalam abad ke-21.

Kita masih perlu mengimport ilmu ke dalam bahasa Melayu, sama seperti yang dilakukan oleh Jepun. Tugas ini perlu kita beri perhatian bersama. Gabungan tenaga dan usaha akan memperbanyak produktiviti dan mempercepat penyebaran ilmu.

Bahasa Kebangsaan dan Jatidiri

Malik Bennabi ialah seorang tokoh sejarah dan sosiologi yang terkenal pada abad ini. Beliau banyak menulis tentang kesan penjajahan linguistik yang berlaku selepas tamatnya penjajahan politik di negara-negara Islam. Menurut beliau, kebanyakan negara-

negara bekas tanah jajahan Eropah terus mengekalkan bahasa penjajah masing-masing, sehingga mewujudkan gejala bilingualisme di kalangan elit intelektual, politik dan pentadbiran negara-negara itu.

Di dalam bukunya **Masalah Idea Dalam Dunia Islam** beliau mengatakan "... bilingualisme akan mencipta kesan-kesan yang sangat bertentangan dengan kebudayaan kebangsaan." Secara ringkasnya Malik Bennabi mengatakan penggunaan bahasa-bahasa bekas penjajah di kalangan masyarakat-masyarakat Islam telah mencipta gejala-gejala baru yang bersifat struktural dalam minda dan budaya masyarakat-masyarakat Islam, iaitu terciptanya idea-idea yang asing kepada budaya peribumi. Menurut beliau gejala bilingualisme mengenakan pengaruhnya kepada elit intelektual masyarakat Islam melalui bahasa pengantar universiti. Pada peringkat tersebut idea-idea asing diimport dengan tepat seperti yang dilakukan oleh Ali Abdul Razik, bekas penuntut Al-azhar yang kemudian melanjutkan pengajian di Universiti Oxford. Melalui karyanya "Islam Dan Prinsip-Prinsip Pemerintahan" Razik mengatakan Islam hanyalah suatu ajaran agama, spiritual dan moral, dan ia tidak ada kaitan dengan soal-soal politik dan pemerintahan. Memang demikianlah idea Barat yang sebenar, dan begitulah ia diterjemahkan dengan tepat oleh Razik dan diimport ke dalam dunia pemikiran Islam.

Menurut Malik Bennabi lagi, idea-idea di dunia ini boleh dibahagikan kepada dua jenis. Pertama ialah **idea-idea induk** yang diwarisi oleh satu generasi daripada generasi yang terdahulu, kedua ialah **idea-idea praktikal**, yang diciptakan oleh tiap-tiap generasi untuk menangani situasi-situasi khusus pada zamannya sahaja. Idea-idea induk adalah teras aktiviti masyarakat dan ia terkandung dalam sistem etikanya, manakala idea-idea praktikal terkandung di dalam teknik-tekniknya. Idea-idea induk memberi panduan-panduan terhadap proses penciptaan idea-idea praktikal.

Menurut beliau lagi, dalam sesebuah masyarakat, terdapat idea-idea yang mentransformasi manusia, dan terdapat idea-idea yang mentransformasi objek-objek. Idea-idea yang mentransformasi manusia ialah idea-idea induk, manakala idea-idea yang mentransformasi objek-objek, iaitu benda-benda ialah idea-idea praktikal.

Di dalam sesetengah masyarakat Islam, bilingualisme mencipta

perpecahan yang luas dan mendalam. Perpecahan itu berlaku di semua peringkat, atas, pertengahan dan bawah. Di dalam masyarakat-masyarakat itu terdapat dua elit, satu elit berbahasa penjajah dan satu elit berbahasa peribumi. Di peringkat bawah terdapat dua masyarakat yang juga menuturkan dua bahasa yang berbeza, satu bahasa penjajah dan satu bahasa peribumi, dan keduanya tidak dapat hadir bersama dalam satu budaya.

Menurut Malik Bennabi, apabila kita mengucapkan pemikiran-pemikiran kita dengan menggunakan bahasa asing, pemikiran kita itu boleh menjadi buta budaya sendiri, malah ada kalanya boleh mengkhianatinya. Jatidiri kita juga akan luput. Jatidiri kita adalah penting untuk survival.

Survival Bangsa-bangsa yang Menuturkan Bahasa Melayu

Rantau Asia-Pasifik ini mengalami perkembangan ekonomi yang mengagumkan. Dalam dunia yang penuh persaingan ini bangsa yang menuturkan bahasa Melayu mesti menentukan dominasi mindanya. Bangsa-bangsa berbahasa Melayu perlu mengekalkan jatidiri dan keaslian minda yang kreatif untuk menjana idea-idea yang dapat menentukan survivalnya.

Perkembangan Ekonomi Asia-Pasifik

Pada abad ke-19 pusat kuasa ekonomi dunia ialah Eropah. Pada abad ke-20 Eropah dan Amerika Utara menjadi pusat kuasa ekonomi dunia. Pada abad ke-21, rantau Asia-Pasifik muncul sebagai pusat kuasa ekonomi dunia menyertai kedudukan Eropah dan Amerika Utara.

Menurut laporan Bank Dunia pada tahun 1993, perkembangan ekonomi negara-negara Asia-Pasifik melebihi 8% setiap tahun bagi tujuh tahun berturut-turut. Perkembangan ekonomi itu membawa pendapatan yang bertambah kepada rakyatnya.

Pada tahun 1960 Amerika Utara mewakili 37% Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia, sedangkan Jepun dan Asia Timur hanya mewakili hanya 4%. Pada tahun 1994 Amerika Utara dan Asia Pasifik masing-masing mewakili 24% KDNK dunia. Dalam tahun-tahun 90-an lebih 50% pertumbuhan ekonomi dunia

berlaku di Asia-Pasifik. Ini menyebabkan ekonomi Eropah, Amerika Utara semakin mengecil, manakala ekonomi Asia-Pasifik semakin membesar. Rantau Asia-Pasifik yang terdiri daripada negara-negara Cina, Taiwan, Korea Selatan, Jepun, Indonesia, Thailand, Malaysia, Singapura dan Indo-Cina adalah kawasan yang paling dinamik di dunia. Pertambahan pendapatan penduduknya meningkat dengan cepat. Manakala Britain memerlukan 58 tahun (sejak 1870) untuk menggandakan pengeluaran ekonomi bagi setiap orang, dan Amerika Utara memerlukan 47 tahun (sejak 1839), Jepun hanya mengambil masa 33 tahun (sejak 1880), Indonesia 17 tahun, Korea Selatan 11 tahun, dan Cina hanya 10 tahun (K. Mahbubani). Ahli-ahli ekonomi meramalkan setiap orang rakyat Asia-Pasifik, akan menikmati pertambahan pendapatan dua atau tiga kali ganda dalam jangka hayat mereka, kecuali Filipina.

Penyampaian ilmu melalui bahasa kebangsaan telah membolehkan gejala itu berlaku.

Bahasa Kebangsaan dan Gejala Globalisasi

Dalam melaksanakan langkah-langkah begini kita berdepan pula isu globalisasi. Seolah-olah, dengan menggunakan bahasa kebangsaan sendiri kita akan terasing daripada dunia yang global, oleh sebab itu, ada pemimpin yang mahu pendidikan negara dilaksanakan dalam sebuah bahasa global bagi memudahkan globalisasi.

Dalam hal ini sering diberi gambaran bahawa kita memerlukan bahasa Inggeris atau bahasa asing untuk menghadapi globalisasi. Ini memang tepat. Kita perlu menguasai bahasa-bahasa asing untuk berhubungan dengan negara-negara lain dalam perdagangan. Tetapi ini tidak ada kaitan dengan bahasa pengantar untuk menyampaikan ilmu. Menggunakan bahasa global untuk pendidikan belum menjamin kita menjadi global. Dalam majalah Fortune bulan Ogos 1995, terdapat penerangan korporat multinasional. Daripada 500 buah korporat multinasional, 2889 terdiri dari korporat yang datang dari negara-negara yang menggunakan bahasa kebangsaan mereka sendiri sebagai bahasa pengantar, dan bukannya bahasa Inggeris, daripadanya dari negara Jepun.

Korporat multinasional yang terbesar ialah Mitsubishi. Ia

mempunyai ladang lembu di Australia, kilang tembaga dan kayu di Kanada, kilang kereta di Afrika dll. Tetapi, Jepun tidak pula mengubah bahasa pengantarnya kepada sebuah bahasa asing yang global untuk memudahkan mereka menjadi global. Mereka mencipta teknologi yang akan diniagakan di pentas global. Kemudian mereka belajar bahasa masyarakat itu yang menjadikan mereka global.

Masyarakat Berbahasa Melayu dan Idea

Mengikut Malik Bennabi, sesuatu bangsa gagal membangun bukan kerana ia tidak memiliki sumber-sumber pembangunan seperti tanah dan sumber alam, tetapi sebaliknya kerana bangsa itu ia tidak mempunyai banyak idea. Faktor kekurangan idea berlaku apabila bangsa itu tidak berupaya menggunakan sumber-sumber yang ada padanya, dan tidak berupaya pula mencipta sumber-sumber baru. Kekurangan idea juga tergambar pada cara-cara bagaimana sesuatu bangsa itu menyatakan masalah-masalah yang dihadapinya, atau malah pada cara bagaimana ia tidak berupaya langsung untuk menyatakan apakah masalah-masalah tersebut, dan ini berlaku apabila bangsa tersebut hilang daya kreatif untuk menangani masalah-masalah ini.

Sesuatu bangsa tidak berupaya mencipta banyak idea apabila daya kreativitinya pupus. Idea-idea adalah alat untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh bangsa itu dari masa ke masa. Cara ia menyatakan masalah menentukan bagaimana masalah itu dapat atau tidak dapat diselesaikan. Tanpa kreativiti, cara masalah itu dinyatakan pun tidak kreatif, oleh itu masalah tersebut tidak dapat diselesaikan secara kreatif. Kegagalan itu menyebabkan bangsa itu hilang semangat untuk terus berdaya usaha bagi mencari penyelesaiannya. Padahal kemajuan sesuatu bangsa ditentukan oleh berapa banyak masalah yang berjaya diselesaikan oleh bangsa tersebut.

Bangsa-bangsa berbahasa Melayu mestilah kreatif dalam menjana idea-idea untuk menghasilkan ilmu dan teknologi bagi menjamin kedudukannya di samping bangsa-bangsa Asia yang maju ini.

Cabaran Bahasa Asia-Pasifik Menjelang Abad ke-21

Dari segi bahasa, rantau Asia-Pasifik dikongsi oleh empat bangsa dan bahasa utama: Cina, Jepun, Korea dan Melayu. Bahasa Cina mempunyai dua kekuatan, iaitu dari segi jumlah manusianya, dan jaringan perniagaan antara komuniti Cina diaspora di semua pusat ekonomi rantau ini iaitu Beijing, Hong Kong, Taipei, Singapura, Jakarta, Bangkok, Kuala Lumpur, Manila dan Taiwan. Bahasa Jepun dan Korea mempunyai kekuatan pada bahasa sains dan teknologinya dan mendominasi sektor pembuatan.

Dalam rantau ini, di manakah kekuatan bangsa-bangsa berbahasa Melayu dalam masyarakat Asia-Pasifik yang bakal memainkan peranan penting dalam ekonomi dunia abad ke-21? Kekuatan bangsa-bangsa berbahasa Melayu ada pada dua perkara: pertama pada bilangan manusianya yang berjumlah hampir 300 juta, dan kedua pada potensi bangsa Melayu itu sendiri. Dengan itu aspek kritikal survival bangsa Melayu ialah pada perjuangan pembinaan bangsa Melayu itu sendiri.

Melalui sistem pendidikan kebangsaan, kita akan membangunkan manusia berbahasa Melayu menjadi pewaris yang aktif untuk mewarnai masa depannya. Dengan ilmu dan teknologinya dia mesti berkuasa memimpin masyarakatnya sendiri dan bersaing dengan kaum-kaum lain yang mengongsi rantau geografi ini. Manusia berbahasa Melayu mesti menguasai sains dan teknologi dalam bidang-bidang industri supaya dapat mencipta teknologi sendiri untuk menentukan kedudukannya dalam skenario ekonomi serantaudan sedunia.

Kejayaan ini bergantung kepada kejayaan sistem pendidikan kebangsaan masing-masing menyampaikan ilmu kepada seluruh rakyat. Ini hanya akan dapat dilakukan secara berkesan melalui bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sebagai bahasa pengantar. Penggunaan bahasa Melayu akan menimbulkan kesan yang dirancang. Pertama, ia akan mewujudkan wabak ilmu yang berasaskan sumber dan isu-isu peribumi. Kedua, ia akan mengekalkan minda asli bangsa-bangsa berbahasa Melayu. Ketiga, ia akan membolehkan minda asli bangsa-bangsa berbahasa Melayu berkreaitiviti dan mencipta alat-alat baru, proses-proses baru, bahan-bahan baru, hasil-hasil tanaman baru, teknik-teknik baru, dan apa-apa saja yang akan kita kenali sebagai teknologi sendiri. Dengan itu

kita akan menentukan kedudukan kita dalam rantau Asia-Pasifik dan dunia abad ke-21 sebagai bangsa yang dan bermaruah.

Dalam ucapan pembukaan Kongres Bahasa Melayu Sedunia (21 Ogos 1995) di Kuala Lumpur, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Anwar Ibrahim, memberi amaran bahawa tamadun sesuatu bangsa hanya terbina melalui bahasanya sendiri. Ia tidak mungkin dibina melalui bahasa orang lain. Mereka yang berangan-angan untuk membangunkan tamadun melalui bahasa asing itu adalah elitis yang mahu peneruskan kepentingannya saja. Mereka ini tercabit akar umbinya dan hanyut dalam gelombang globalisasi.

Gagasan ini diperkukuh oleh konsep Kotkin yang mengatakan dunia akan datang dikuasai oleh mereka yang mempunyai lima ciri, iaitu: jatidiri etnik yang kuat, jaringan kerjasama, keterbukaan terhadap perubahan, menguasai ilmu dan teknologi, dan merantau (diaspora). Bangsa yang tidak mempunyai jatidiri yang kuat, tidak menguasai ilmu dan teknologi, tidak akan dapat menguasai ekonomi dunia.

Agenda untuk Membina Iptek dalam Bahasa Melayu

Oleh sebab itu MABBIM hendaklah menjadi prasarana kepada pembinaan bahasa serantau demi kepentingan bangsa-bangsa yang menuturkan bahasa Indonesia dan Melayu. Ia perlu melihat tugas yang lebih besar daripada yang dijalankannya sekarang. Menggunakan bahasa kebangsaan masing-masing kita telah meruntuhkan tembok bahasa. Kini rakyat terbanyak dapat mencapai ilmu. Tugas kita sekarang ialah memusnahkan kepungan ilmu, oleh bahasa-bahasa asing. Bahasa Indonesia dan Melayu perlu membina IPTEK sendiri.

1. Menjadi peramal, pemikir dan perancang perkembangan masa depan bahasa Melayu.
2. Menjadi pemungkin bagi kerjasama antara badan-badan pemerintah dan swasta bagi perkembangan bahasa Melayu.
3. Menjadi badan penasihat kepada perancangan dan penggubahan dasar-dasar yang menyentuh kepentingan perkembangan bahasa Melayu.

4. Mempromosi pertukaran dan penghantaran maklumat bahasa secara sistematik dan efisien.
5. Merancang kerjasama strategik di dalam perancangan penyelidikan dan pembangunan teknologi berbahasa Melayu dalam bidang-bidang kritikal seperti komputer dan telekomunikasi.
6. Mempromosi kegiatan penyebaran bahan-bahan penerbitan bercetak, elektronik filem dan video dalam bahasa Melayu.
7. Mengenal pasti halangan-halangan kepada perkembangan bahasa Melayu dan mencari penyelesaian.
8. Mendorong permuafakatan dan aktiviti-aktiviti kebahasaan.
9. Merancang tema-tema penyelidikan dan pembangunan yang kritikal kepada perkembangan bahasa Melayu dan mendorong komitmen kepadanya.
10. Merancang produk-produk baru yang membantu perkembangan bahasa Melayu.
11. Meningkatkan kerjasama industri penerbitan di antara negara-negara anggota.
12. Meningkatkan kerjasama industri penterjemahan di antara negara-negara anggota.
13. Meningkatkan kerjasama pendidikan dan kebudayaan di antara negara-negara anggota, dari pertukaran pelajar dan pengajar.

Bacaan Tambahan

Abdullah Hassan, *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

Abdullah Hassan, *Language Planning in Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Abdullah Hassan, *Language Planning and National Unity and Identity in Malaysia*, kertas disampaikan dalam Indonesian Studies Summer Institute, Universiti California, Berkeley, Ogos 1979.

- Abdullah Hassan, *Fungsi Dinamik Bahasa Melayu dalam Menyampaikan Ilmu*, kertas disampaikan dalam Seminar MABBIM, Ipoh, Mac 1995.
- Abdullah Hassan, *Isu-Isu Mengenai Fungsi Bahasa Melayu*, kertas disampaikan dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia, Kuala Lumpur, Ogos 1995.
- Abdullah Hassan, *Membina Minda Melayu Melalui Bahasa Ibunda*, kertas disampaikan dalam Seminar Antarabangsa Minda Melayu: Menilai Diri Mencapai Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 26–27 Oktober 1995.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd., *Antara Bahasa dan Ekonomi*, makalah dalam Utusan Malaysia, 12 September 1995.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd., *Cabaran Pembangunan Manusia dan Teknologi dalam Dunia Global dan Asia-Pasifik*, Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad Ke-21, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 7–9 November 1995.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd., *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengantar Ilmu*, MASSA, Bil 6, Tahun 1, 21 Oktober 1995.
- Ainon Mohd., *Minda Mat Jenin Lawan Minda Melayu Tradisional Lawan Minda Melayu Kontemporer*, Seminar Antarabangsa Minda Melayu: Menilai Diri Mencapai Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 26–27 Oktober 1995.
- Ainon Mohd., *Bahasa Asing Membesarkan Jurang Bandar-Desa*, Utusan Malaysia, Januari 1985.
- Ainon Mohd., *Masalah Bahasa Asing Sebagai Bahasa Nasional*, Utusan Malaysia, 2 Julai 1985.
- Asaratnam, S., *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970.
- Asmah Omar, *Language Planning for Unity and Efficiency*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1979.
- Brown, H., *The Wisdom of Science: Its Relevance to Culture & Religion*. Cambridge University Press, Cambridge, 1986.
- Coulmans, F., *With Forked Tongues: What are National Language Good For?*, Singapore: Karoma Publisher, Inc., 1988.

- Edwards, J.R. *Language Society and Identity*. London: Basil Blackwell, 1985.
- Mahbubani, K., 'Cara Pasifik' dalam *Pemikir*, Jul-Sep 1995.
- Mangantar Simanjunatk, *Pengutamaan Bahasa Melayu Dalam Semua Bidang Termasuk Sains Dan Teknologi Menjamin Potensinya Sebagai Bahasa Ilmu Dan Bahasa Supranasional Di Samping Menjamin Pembangunan Negara Yang Maksimum*, Kongres Melayu Sedunia, Kuala Lumpur, Ogos 1995.
- Nakosteen, Mehdi, *History of Islamic Origins of Western Education*.
- Naidu, Ratna, *The Communal Edge to Plural Societies*, Ghaziabad: Vikas Publishing House, 1980.
- Noss, R.B., *Higher Education Development in Southeast Asia*, UNESCO Report, vo. 111, part 2, 1967.
- Okuma Count, 'Pendidikan' dalam *Japan by Japanese*, 1924.
- Postlethwaite, N.T. and Thomas, M., eds., *Schooling in the ASEAN Region*, New York: Pergamon Press, 1980.
- Ramanathan, K., *Politik Dalam Pendidikan Bahasa, 1930-1971*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985.
- Rubin, J. and Jernudd, B., eds., *Can Language be Planned?*, Honolulu: University of Hawaii Press, 1971.
- Siddique, S., 'The Asian Diaspora', *Pemikir*, Jul-Sep 1995.
- Somers-Heidhues, M.F., 'University Education in Indonesia and Malaysia in Rothermund, D. and Simon, J., eds., *Education and Integration of Ethnic Minorities*, New York: St. Martin Press, 1986.
- Solomon, J.S., *The Development of Bilingual Education in Malaysia*, Kuala Lumpur: Pelandok Publications, 1988.
- Watson, J.K.P., 'Cultural Pluralism, Nation-Building and Educational Policies in Chris Kennedy, *Language Planning and Language Education*, London: Georger Allen & Unwin, 1983.
- White, M. *Issac Newton*, Exley Publications Ltd., Watford, 1991.

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

1. Sidang : II
2. Hari/tanggal : Senin, 18 Maret 1996
3. Pukul : 11.30–12.30
4. Penyaji Makalah : Prof. Abdullah Hassan
5. Judul Makalah : Bahasa Melayu dalam Membina Minda Kreatif dan Dominan
6. Pemandu : Drs. Andi Mappi Sammeng
7. Sekretaris : Drs. Suwadji
8. Pencatat : Dra. An Fauziah Rozani, M.A.

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Prof. Dr. Amran Halim, Universitas Sriwijaya

Memang betul bahwa kemajuan Jepang dengan kebebasan mindanya itu terkait erat dengan penggunaan bahasanya sendiri. Namun demikian, kalau dibandingkan surat kabar Jepang tahun 1940-an dengan surat kabar Jepang sekarang dan keadaan di Tokyo tahun 1970-an dan di Tokyo sekarang, akan ditemukan perbedaan yang sangat mencolok. Di Jepang ada tiga huruf, yaitu, (1) huruf kanji, yang turun dari Cina, (2) hiragana, yang digunakan untuk menuliskan unsur-unsur terbitan morfologis, seperti akhiran dan awalan, dan (3) katakana, yang digunakan untuk menerbitkan unsur-unsur serapan dari bahasa-bahasa lain. Kalau kita perhatikan, surat kabar Jepang selama beberapa tahun sesudah Perang Dunia ke-2, penggunaan huruf katakana sangat terbatas. Kalau kita lihat surat kabar sekarang, penggunaan huruf katakana jauh lebih banyak. Di Tokyo yang dikenal antara lain dengan *ginzanya* itu, nama toko ditulis dengan huruf katakana. Itu artinya, nama toko itu diserap dari bahasa lain, seperti, *Siroko Sutoko*. Dalam bahasa Jepang ada kata *sutra* dan ada kata untuk *toko*, tetapi yang dipakai justru *Siroko Sutoko Shop Store*. Di Jepang restoran *Kentucky Fried Chicken (KFC)* atau *Mc Donald's* popularitasnya sangat tinggi —terutama di kalangan generasi muda —sehingga sebagian

orang tua Jepang khawatir dengan ketidakmampuan generasi muda ini dalam memakai supit, memakai *chop stick* sebagai alat makan karena mereka memilih pakai tangan gaya KFC atau garpu dan pisau gaya Amerika atau Eropa. Dengan kata lain, mereka mengkhawatirkan menurunnya gradasi penghargaan terhadap budaya sendiri. Yang ingin saya tanyakan, apakah ini pada saatnya nanti, entah tahun 2050, akan memperlihatkan bahwa kebebasan minda Jepang itu akan menurun?

b. **Jawaban**

Saya tidak dapat meramalkan apakah tahun 2050 nanti di Jepang akan terjadi perubahan minda. Saluran lain untuk membawa masuk ide asing ini ke dalam budaya Jepang, misalnya, untuk muda-mudi Jepang adalah lagu rap. Budaya populer dari Amerika itu juga mudah masuk dan mempengaruhi budaya Jepang. Namun demikian, pada dasarnya mereka tidak berubah dan masih menganggap orang Jepang.

2. a. **Penanya:** Dr. Diemroh Ihsan, Universitas Sriwijaya

Bapak Abdullah Hassan tadi telah menjelaskan dan membagi negara menjadi tiga bagian, yaitu (1) negara ekonomi maju, (2) negara ekonomi membangun, dan (3) negara ekonomi mundur. Apakah negara-negara itu menggunakan bahasa pribumi sebagai bahasa kebangsaan untuk menyampaikan pendidikan dan kemajuan ekonomi mereka?

Penggunaan kata *mundur* dalam negara *ekonomi mundur* apakah sudah tepat? Apakah tidak lebih baik kalau kita pakai istilah *negara ekonomi berkembang* karena kata *mundur* itu akan bermakna 'selalu mundur' dan 'ia tidak pernah maju'.

Apakah benar bahwa ada korelasi antara bahasa yang digunakan untuk menyampaikan pendidikan kepada rakyat dan pencapaian ekonomi negara tersebut? Di negara Singapura bahasa yang digunakan adalah bahasa Inggris, tetapi kenyataannya negara tersebut tergolong negara maju.

Malaysia termasuk negara yang "membangun" dan "negara mundur". Mengapa begitu!

b. **Jawaban**

Berdasarkan buku *Economic Fact Book* 1993, saya melihat bahwa perkapita negara-negara yang menggunakan bahasanya sendiri untuk pengantar pendidikan pertumbuhan ekonominya cukup tinggi. Jadi, memang ada korelasi antara bahasa yang digunakan dengan pencapaian ekonomi negara tersebut. Apabila mereka meminjam bahasa penjajah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, terlihat di situ bahwa prestasi ekonominya tidaklah setinggi negara-negara yang menggunakan bahasanya sendiri seperti Jepang, Korea, Hongkong. Hongkong tidak menggunakan bahasa Inggris untuk bahasa ekonomi, tetapi menggunakan bahasa Hokian atau Kanton.

Hal tersebut adalah salah satu masalah dari komunikasi. Apabila kita menggunakan kata adjektif ini memang bisa di depan. Saya setuju dengan Saudara digunakan istilah **berkembang** karena dapat mudah dimengerti.

Mengenai kasus Singapura, saya mencoba menjelaskan bahwa Singapura ini agak aneh karena dia terletak di dalam satu kelompok negara yang pesat perkembangan ekonominya. Perlu diketahui bahwa Singapura memanfaatkan negara-negara jiran dalam aktivitas ekonominya. Negara-negara jiran itu menggunakan bahasa sendiri. Kalau tidak ada unsur-unsur itu saya khawatir juga. Perlu diketahui pula bahwa sifat Singapura itu sendiri adalah sebuah kota. Kuala Lumpur sendiri sebagai sebuah kota sebenarnya berkomunikasi dengan bahasa Inggris dalam perniagaan. Hal itu adalah salah satu ciri kota. Di Jakarta juga banyak bisnis yang digunakan dalam bahasa Inggris. Jadi, untuk sebuah *city* dan negara *city*, untuk Singapura hal ini dapat berlaku.

Malaysia dalam kelompok **mundur** itu sebenarnya adalah *Malagasi*. Jadi, hal itu merupakan salah ketik.

III

PERANAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM PERKEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN DAN TEKNOLOGI (MERUJUK KEPADA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM)*

Haji Jalil Haji Mail
Universiti Brunei Darussalam

1.0 Pendahuluan

Menurut tinjauan sejarah bahawa bahasa Melayu (BM) pernah menjadi bahasa perantaraan atau "lingua franca" di rantau Nusantara ini dan sekaligus menjadi bahasa antarabangsa. Ciri keantarabangsaan BM itu dapat dilihat apabila pelaut Eropah mula berkenalan dengan BM pada akhir abad keenam belas dan pada masa itu BM bukan sahaja dijumpai di Aceh, Melaka, Patani dan Brunei, bahkan di Vietnam, Manila, Ternate dan India. (Collins, 1995: 684)

Kegemilangan BM sebagai bahasa ilmu secara nyata memuncak pada zaman kebesaran kerajaan Aceh dalam abad ke-17 apabila muncul pemikir-pemikir Melayu yang menghidupkan tradisi ilmu dengan menggunakan BM dalam tulisan-tulisan mereka dan di antara tokoh-tokoh ulung yang bertanggungjawab meningkatkan BM sebagai bahasa ilmu ialah Hamzah Fansuri; Syamsuddin Pasai; Abdul Rauf Singkil dan Nuruddin Al-Raniri. Dalam perkembangan seterusnya, BM sebagai bahasa ilmu tersebar luas ke daerah-daerah lain di Nusantara seperti Palembang, Banjarmasin, Pattani dan Riau dengan munculnya tokoh-tokoh pemikir (Awang Sariyan, 1994:50). Pada akhir abad ketujuh belas kelompok penutur ini bertambah dengan adanya penutur BM baru

* Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Sempena Sidang Ke-35 MABBIM, 18—19 Mac 1996, Hotel Sedona, Padang, Indonesia.

iaitu yang berketurunan Jepun, Belanda, Irian, Arab, Itali, Portugis dan Jerman. (Collins, 1995: 684)

Sejak dari perkembangan awal ini sejarah BM di peringkat antarabangsa tidak pudar dalam edaran zaman. BM berwibawa sebagai bahasa kebangsaan di empat buah negara; dituturkan juga sebagai bahasa minoriti di empat benua dan dipelajari bukan sahaja di Asia Tenggara tetapi di puluhan universiti di Eropah, Australia, New Zealand, Amerika Utara dan Asia Utara. Ini menjadi bukti keantarbangsaan BM. (Ismail, 1985, dipetik dari Collins, 1995: 684)

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, jumlah penduduknya pada tahun 1994 dianggarkan 284.500 orang, dari perangkaan ini jumlah terbesar mengikut bangsa ialah Melayu berjumlah 190.600 orang (67,0%); Cina 43.800 orang (15,4%), Puak asli lain 17.200 orang (6,0%) dan lain-lain bangsa 32.900 orang (11,6%) (Brunei Darussalam Statistical Yearbook, 1994). Ini menggambarkan bahawa jumlah penutur BM adalah besar. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa pembudayaan BM sebagai bahasa ilmu belum dapat dikatakan seratus peratus, namun sesuai dengan sifat bahasa itu sendiri iaitu dinamis, maka usaha-usaha yang berunsurkan dinamis juga telah dan sentiasa dilaksanakan dan dipertingkatkan. (Awg. Mohd. amin Awg. Haji Sirat, 1993: 2).

Banyak bukti telah ditonjolkan bahawa BM mempunyai peranan yang amat penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Dalam kertas kerja ini, fokus perbincangan akan ditumpukan kepada perkembangan penggunaan BM dalam berbagai bidang serta peranannya di Universiti Brunei Darussalam dalam tempoh satu dekad penubuhan universiti (1985–1995). Penulis tidak berhasrat untuk melihat mutu BM yang digunakan. Dengan demikian kertas kerja ini lebih bersifat laporan yang penulis percaya dapat dikongsikan bersama sebagai bahan pengetahuan dan renungan.

2.0 Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam

Sejarah kemunculan dan pemakaian BM di Negara Brunei Darussalam tidaklah diketahui bila bermulanya. Walau bagaimanapun berdasarkan catatan sejarah, BM memang telah lama digunakan di Negara Brunei Darussalam terutamanya dalam hubungan

perdagangan dalam negeri dengan negeri-negeri yang berdekatan, dalam adat istiadat dan juga dalam kehidupan seharian di kalangan pendudukan tempatan.

BM telah didaulatkan sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam sejak pemasyhuran Perlembagaan Negeri Brunei pada 29 September 1959 seperti terkandung dalam Bab 82 (1) yang menyatakan:

*"Bahasa rasmi negeri ini ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan huruf yang ditentukan oleh undang-undang bertulis"*¹

Sebelum Perlembagaan tersebut di atas dimasyhurkan pada tahun 1959, media massa telah memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan penggunaan BM sebagai bahasa utama dan sekaligus menjadikannya sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam. Pemakaian BM dalam media cetak sudah bermula sejak tahun 1953, iaitu apabila akhbar "Salam" mula diterbitkan. Kemudian pada tahun 1957 Radio Brunei telah ditubuhkan dengan menggunakan BM pada sepanjang pemancarannya. (Habibah Haji Metusin 1988: 112)

Untuk melaksanakan peruntukan Perlembagaan tersebut kerajaan telah mempertingkatkan usaha agar BM dapat digunakan sepenuhnya dalam semua bidang kehidupan. Dalam bidang pentadbiran sejak awal tahun 1960, pihak kerajaan telahpun menekankan penggunaan BM sebagai bahasa rasmi negara ini. Sebagai langkah permulaan pada 16 Februari 1960, Setiausaha Kerajaan melalui Surat Keliling No. 8/1960 menghendaki supaya ketua-ketua pejabat menentukan bahawa surat menyurat dan minit-minit mesyuarat di antara dan di dalam pejabat dibuat dalam bahasa Melayu. Surat keliling ini juga menetapkan bahawa bahasa Melayu hendaklah digunakan pada papan-papan pemberitahuan dan papan-papan yang mengandungi nama-nama pejabat. Pegawai-pegawai juga dimestikan untuk menggunakan gelaran jawatan mereka di dalam bahasa Melayu (Pg Zabaidah Pg Kamaluddin, 1987: 6).

¹Perlembagaan negeri Brunei 1959 : 23

Bagi memastikan penggunaan BM sentiasa berterusan, kerajaan dari masa ke masa mengingatkan jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan melalui surat keliling supaya mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan. Ini jelas menunjukkan betapa kerajaan mengambil berat terhadap penggunaan BM di kalangan jabatan dan pegawai kerajaan sebagai contoh teladan kepada orang ramai. Sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara, BM digunakan dalam urusan-urusan dan keadaan-keadaan rasmi seperti dalam persidangan, mesyuarat, minit, memorandum, surat keliling, ucapan-ucapan, akhbar rasmi kerajaan iaitu Pelita Brunei dan BM juga digunakan oleh pembaca rancangan, berita dan dalam rancangan-rancangan radio dan televisyen Brunei.

Bagi memenuhi hasrat Perlembagaan ini pada tahun 1960, satu badan bebas yang diberi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah dibentuk. DBP bertanggungjawab kepada kerajaan untuk memeriksa perkara-perkara yang berhubung dengan perkembangan dan pelaksanaan BM, di samping memainkan peranan penting dalam meningkatkan pemakaian BM kepada semua lapisan masyarakat di negara ini. Usaha-usaha seperti ini sentiasa diteruskan dan dipertingkatkan oleh DBP dan aktiviti-aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan serta penerbitan telah berjalan secara terarah.

Kerajaan tidak bersendirian dalam usaha mempertingkatkan penggunaan BM ini. Pihak lain juga merasa bertanggungjawab mengenainya. Dalam tahun 1962 sebuah persatuan yang dinamakan "**Asterawani**" telah ditubuhkan. Di antara tujuan utama penubuhan inialah **"memperluas dan mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu, kegiatan-kegiatan kesusasteraan dan kebudayaan Melayu, sesuai dengan kepentingan-kepentingan nasional"**. Persatuan ini bergiat aktif dalam mencapai tujuan penubuhannya seperti menganjurkan forum; bengkel; pertemuan serantau; peraduan penulisan dan seumpamanya.

Dalam bidang pendidikan, kedudukan BM dalam persekolahan dapat dilihat melalui pengenalan sistem sekolah dalam tahun 1906 (Fatimah Haji Mohd Husin, 1985: 56 dipetik dari Rahmah Hj Yaakub, 1988: 13).

Pengenalan sekolah ini merupakan satu era baru dalam perkembangan bahasa dan bangsa Melayu kerana hubungan bahasa dan pendidikan adalah berkait rapat dalam pembentukan perasaan

yang melambangkan hasrat kebangsaan. Semangat untuk mendaulatkan BM dalam pendidikan juga dapat dilihat dari Laporan Pelajaran Aminuddin Baki/Paul Chang yang mengkaji dasar pelajaran Brunei. Laporan ini memperjelaskan salah satu tujuan dasar pelajaran:

"Menjadikan/menggunakan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) sebagai bahasa pengantar di semua sekolah di negeri ini".²

Kementerian Pendidikan sebagai sebuah kementerian kerajaan yang bertanggungjawab menjalankan dasar dan sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan yang aktif dalam meningkatkan taraf penggunaan BM di semua peringkat persekolahan dengan mewajibkan mata pelajaran BM. Dasar ini diperkuat dengan pernyataan yang terdapat dalam Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972, seperti berikut:

(a) Dasar 1: *"Untuk menjadikan secepat mungkin Bahasa Melayu bahasa pengantar dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan sesuai dengan kehendak Perlembagaan".³*

Melalui sistem Pendidikan Negara, Kementerian Pendidikan telah mewajibkan semua murid dan penuntut dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah atas mempelajari mata pelajaran BM. Di samping itu, kelulusan dalam mata pelajaran BM adalah menjadi syarat utama bagi mendapatkan sijil bagi peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Sekolah Rendah (Primary Certificate of Education), Sijil Rendah Pelajaran Brunei (Brunei Junior Certificate of Education) dan Sijil Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level General Certificate of Education). Untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi, sama ada di dalam atau di luar negeri, kepujian (credit) dalam mata pelajaran BM adalah

²Dato Dr. Haji Ahmad Haji Jumat, 1992: 9

³YB POKADDSU (Dr) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1982: 1

menjadi salah satu syarat bagi penganugerahan dermasiswa.

Selain menjadi bahasa rasmi negara, mempunyai pengetahuan BM yang baik juga dijadikan syarat utama untuk mendapatkan taraf kerakyatan yang sah. Hal ini diperjelaskan seperti yang terkandung di dalam surat-surat Perlembagaan 1959 No: E.4: 5(5) di bawah syarat-syarat taraf kebangsaan Brunei 1961 (Perlembagaan Negeri Brunei, 1959: 115--135).

Kedudukan BM juga dikaitkan dengan falsafah Negara Brunei Darussalam iaitu "Melayu Islam Beraja (MIB)". Falsafah MIB mempunyai kaitan yang amat rapat dengan BM kerana bahasa itu adalah asas yang amat penting untuk mendukung MIB, sebagai salah satu usaha mengukuhkan ketahanan nasional dan sebagai mekanisme yang signifikan dalam menonjolkan identiti Melayu. Ini diperjelaskan lagi dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Baginda yang ke-44 pada 21 Julai 1990 di Daerah Belait:

Dari tiga rangkaian kata: "Melayu Islam Beraja" terdapat unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya dari Melayu itu, ialah bahasanya. Siapa pun tidak boleh menyangkal, bahawa bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti".

Ini jelas memperlihatkan keperihatinan Baginda sebagai ketua negara dan kerajaan terhadap kepentingan BM yang akan sahaja boleh menyatupadukan masyarakat tetapi juga sebagai alat yang boleh menonjolkan identiti kebruneian.

Dari penjelasan ringkas di atas BM telah memainkan peranan sebagai bahasa perhubungan utama dalam Negara Brunei Darussalam yang mempunyai rakyat yang terdiri daripada berbagai keturunan, menjadi bahasa pengantar pendidikan dan bahasa pentadbiran.

Demikianlah sedikit sebanyak gambaran mengenai BM di

Negara Brunei Darussalam. Penulis percaya banyak lagi perkara-perkara atau penjelasan-penjelasan yang boleh dibuat mengenai BM di Negara Brunei Darussalam sama ada dari segi sejarah perkembangan atau pengukuhanannya yang diusahakan oleh berbagai pihak. Namun demikian penulisan yang terperinci mengenai BM di Negara Brunei Darussalam bukanlah menjadi fokus utama kertas kerja ini.

3.0 Bahasa Melayu Di Universiti Brunei Darussalam

Universiti Brunei Darussalam (UBD) ditubuhkan pada tahun 1985. Pada 28 Oktober 1985, sebanyak 176 orang pelajar pelopor telah diterima untuk mengikuti empat program ijazah pertama yang dikendalikan oleh satu Lembaga Fakulti yang meliputi bidang-bidang sastera, sains dan pendidikan. Daripada empat program ijazah pertama yang ditawarkan itu, dua adalah disampaikan dalam BM iaitu:

1. Sarjana Muda Sastera dengan pengkhususan (major) sama ada dalam bidang Ekonomi, Bahasa dan Linguistik, Kesusasteraan Melayu, Geografi atau sejarah
2. Sarjana Muda Pendidikan dengan pengkhususan sama ada dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Melayu atau Pengajian Islam

Dua program lain yang bahasa penghantarnya bahasa Inggeris ialah B.A. (Primary Education) dan B.Sc. (Education). Pada masa itu UBD beroperasi di kampus sementara iaitu di kompleks bangunan yang diubahsuai berdekatan dengan Institut Pendidikan Sultan Hassaanal Bolkiah terletak kira-kira satu kilometer dari pusat Bandar Seri Begawan.

Menjelang permulaan tahun akademik yang keempat iaitu sekitar tahun 1989 UBD menyanksikan perkembangan yang pesat. Kakitangan akademik yang hanya berjumlah tidak melebihi satu dosen di awal penubuhannya kini sudah berjumlah 161 orang, pelajar yang mengikut berbagai jenis program berjumlah 936 orang yang tersebar di empat buah fakulti dengan 21 buah jabatan. Perkembangan-perkembangan ini telah membawa UBD sampai ke kemuncaknya ketika majlis konvokesyen pertama berlangsung pada 21 September 1989 apabila pelajar-pelajar kumpulan pelopor

menerima ijazah mereka.

Pada 27 Oktober 1995 UBD menjangkau usianya satu dekad. Perkembangan dominan dalam tempoh ini ialah perpindahan kampus UBD ke kampus kekalnya pada awal tahun 1995. Dilihat dari program-program yang ditawarkan jelas kelihatan UBD melangkah begitu rancak sehingga pada sesi akademik 1995/1996 terdapat sebanyak 10 program ijazah pertama; 4 program peringkat sijil; 10 program sarjana dan 2 program sijil pendidikan lepasan ijazah telah ditawarkan. Daripada 26 program tersebut hanya 7 program sahaja yang majoriti bahasa pengantarnya BM, sementara program-program selebihnya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Ini dapat dilihat daripada data berikut:

Peringkat Program	Ijazah Pertama	Sarjana	Sijil	Sijil Pendidikan Lepas Ijazah	Jumlah
Aliran Melayu	1	3	2	1	7
Aliran Inggeris	9	7	2	1	19

Lihat lampiran A bagi nama-nama program akademik yang ditawarkan pada sesi akademik 1995/1996.

Daripada data tersebut jelas kelihatan bahawa program-program yang bahasa pengantarnya BM masih jauh jumlahnya jika dibandingkan dengan program-program yang bahasa pengantarnya bahasa Inggeris.

Perbezaan ini melambangkan satu keadaan yang tidak dapat dielakkan kerana keperluan memperkenalkan program yang bahasa pengantarnya bahasa Inggeris lebih kerap berpunca daripada desakan pasaran pekerjaan di Negara Brunei Darussalam sendiri yang masih memerlukan dan mengutamakan lepasan-lepasan universiti yang mempunyai kebolehan dalam bahasa Inggeris sama ada di sektor awam atau swasta.

Sementara itu program-program yang bahasa pengantarnya BM kebanyakannya bertujuan untuk melahirkan guru-guru yang akan mengajar mata pelajaran BM atau Kesusasteraan Melayu atau Pengajian Islam atau Melayu Islam Beraja di sekolah-sekolah, di

samping bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar-pelajar yang mengikuti program-program tersebut yang terdiri daripada guru-guru dan pentadbir-pentadbir sekolah serta pegawai-pegawai kerajaan.

Jika dilihat dari kursus-kursus (mata kuliah) yang diajarkan dalam program-program aliran Inggeris seperti program ijazah sarjana, PGCE dan Certificate in Early Childhood Education ternyata BM tidak mengambil tempat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana daripada jumlah unit yang diperlukan lulus untuk program-program ini tidak terdapat satu pun unit yang bahasa pengantarnya BM. Sementara bagi program-program ijazah pertama dan Certificate in Education terdapat kursus-kursus yang bahasa pengantarnya BM tetapi dalam jumlah yang terhad, ini termasuklah kursus wajib universiti iaitu kursus Melayu Islam Beraja.

Bagi program-program dalam BM peranan dan fungsi BM sebagai alat penyampai ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih kukuh dan menyerlah. Program-program ini adalah di peringkat sarjana; ijazah pertama; sijil dan sijil lepasan ijazah.

Dalam perancangan sesi akademik akan datang dua program yang berorientasikan BM dijangka akan ditawarkan. Salah satu daripadanya ialah program Sijil Penulisan Kreatif yang akan dilaksanakan sepenuhnya dalam BM, manakala program Sarjana Muda Pengajian Brunei akan mempunyai kandungan kursus dalam BM yang hampir seimbang dengan komponen yang akan diajarkan dalam bahasa Inggeris.

Di samping program-program akademik tersebut, UBD juga memperkenalkan kursus-kursus jangka pendek yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Dalam Perkhidmatan. Kursus-kursus yang dikelolakan kebanyakannya khusus untuk pentadbir-pentadbir dan guru-guru sekolah yang antara lain bertujuan membantu meningkatkan pengetahuan profesional dan kemahiran para peserta; mendedahkan perkembangan-perkembangan terbaru dalam bidang pendidikan; menyediakan forum untuk peserta berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar fikiran dalam hal pendidikan dan membantu keberkesanan sekolah dalam semua aspek secara keseluruhan.

Berdasarkan laporan tahunan Jabatan Pendidikan Dalam Perkhidmatan bagi tempoh sesi akademik 1989/1990 hingga 1994/1995 terdapat 88 kursus jangka pendek telah dilaksanakan oleh tenaga akademik UBD. Daripada jumlah tersebut hanya 15 kursus yang dikendalikan dalam BM, manakala selebihnya dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Sekali lagi BM kurang mengambil tempat dalam pelaksanaan kursus jangka pendek ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa BM sebagai bahasa ilmu banyak bergantung kepada penghasilan karya ilmu dalam BM, sama ada yang berupa karya asli dalam BM atau karya terjemahan. Namun demikian peranan dan penggunaan BM bukan sahaja tidak menyerlah dalam program-program akademik yang ditawarkan di UBD tetapi juga dalam bidang penyelidikan.

Berdasarkan laporan penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Konsultan dan Penyelidikan UBD terdapat 97 buah tajuk penyelidikan yang dibiayai oleh pihak universiti yang dijalankan oleh ahli-ahli akademik sepanjang penubuhan UBD. Daripada jumlah tersebut hanya tujuh buah penyelidikan yang dibuat dalam BM walaupun hampir separuh daripada kira-kira 290 tenaga akademik boleh berbahasa Melayu. Memang diakui kemudahan penyelidikan yang terdapat di UBD tidak secanggih kemudahan yang terdapat di negara-negara maju dan di universiti yang sudah lama ujud tetapi pihak universiti telah berusaha menyediakan bantuan penyelidikan dalam bentuk kewangan demi untuk menggalakkan ahli akademik membuat penyelidikan dan Negara Brunei Darussalam sendiri menawarkan prospek penyelidikan yang sangat baik dalam berbagai bidang. Negara Brunei Darussalam boleh dikatakan sebagai daerah yang belum terusik ('virgin' territory) bagi mereka yang boleh menggunakan imaginasi masing-masing untuk mengemukakan cadangan penyelidikan baru (Awang Haji Abu Bakar Haji Apong). Namun demikian hasil-hasil penyelidikan dalam BM masih belum dapat dipertingkatkan.

Berdasarkan laporan tahunan Pusat Teknologi Pendidikan (PTP) UBD dari 1990-1995, PTP telah mencetak lebih kurang 171 judul bahan kursus dalam bentuk nota kuliah, dan buku yang dihasilkan oleh ahli-ahli akademik. Daripada jumlah ini hanya terdapat 59 judul yang dihasilkan dalam BM. Faktor utama yang menyebabkan kurangnya hasil karya dalam BM adalah kerana

UBD hanya menawarkan tujuh program akademik dalam aliran Melayu berbanding dengan program dalam aliran Inggeris yang berjumlah 19 program. Ini memperlihatkan bahawa jumlah tenaga akademik yang ramai yang boleh berbahasa Melayu bukanlah satu jaminan bahawa karya dalam BM juga akan banyak dihasilkan. Peningkatan hasil karya dalam BM lebih banyak bergantung kepada iltizam dan komitmen ahli akademik lebih-lebih lagi mereka yang ingin memperjuangkan kedaulatan BM dan menjadikannya sebagai bahasa ilmu yang mampu menceranakan pemikiran masyarakat bagi membentuk satu budaya hidup yang bertunjangkan BM. Penulis tidak menafikan terdapatnya karya-karya yang ditulis dalam BM yang dicetak atau diterbitkan di luar universiti tetapi jumlahnya tetap terhad.

Aktiviti-aktiviti lain UBD seperti persidangan, seminar, bengkel dan seumpamanya tidak terkecuali dari menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyampaian atau pembicaraan, apatah lagi yang dianjurkan secara bersama dengan sititusi-institusi luar negeri dan yang bercorak antarabangsa bahasa Inggeris menjadi bahasa utama. Memang tidak dapat dinafikan terdapat seminar dan persidangan yang dianjurkan menggunakan BM dan beberapa kertas kerja yang dibentangkan dalam aktiviti-aktiviti tersebut di atas juga menggunakan BM tetapi bilangannya tetap berkurangan jika dibandingkan dengan yang menggunakan bahasa Inggeris.

Hambatan yang dialami oleh BM dalam penjelasan yang tersebut di atas tidaklah terbiar begitu sahaja. Usaha-usaha menstabilkan, menyeimbangkan dan meningkatkan kedudukan BM di UBD memang sudah dibuat dan akan sentiasa dan terus dibuat. Penubuhan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik (JBML) dalam Fakulti Sastera dan Sains Sosial adalah salah satu usaha tersebut. Matlamat utama jabatan ini adalah untuk mendidik pelajar menjadi guru BM dan sebagai pakar ilmu bahasa, khususnya ilmu BM dan Linguistik. Di samping matlamat tersebut, jabatan ini juga berhasrat menjalankan penyelidikan dan mengendalikan seminar kebahasaan yang boleh disumbangkan dalam kemajuan ilmu linguistik umumnya dan kemajuan pengajaran BM di Negara Brunei Darussalam khususnya. Dengan yang demikian jabatan ini secara aktif ikut berperan dalam membina dan mengembangkan semangat rakyat Negara Brunei Darussalam dalam mengamalkan prinsip kehidupan falsafat MIB.

Di samping JBML, Jabatan Kesusasteraan Melayu juga diwujudkan di dalam fakulti yang sama. Jabatan ini mempunyai wadah tersendiri yang mana kesusasteraan dilihat sebagai satu disiplin ilmu yang dapat dikaji serta diterapkan secara saintifik dan sistematik yang melibatkan ilmu-ilmu bantu yang lain seperti linguistik, sejarah, falsafah, agama, sosiologi, pendidikan malah budaya secara keseluruhan. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, jabatan ini melihat kesusasteraan mempunyai peranan yang lebih penting dalam menerapkan nilai-nilai murni yang tersirat dalam falsafah MIB yang menjadi teras kepada jiwa dan identiti Brunei sebagai suatu bangsa yang berdaulat. Di samping menjadikan sebagai suatu disiplin ilmiah, jabatan ini juga berhasrat menjadikan kesusasteraan Melayu sebagai sarana dalam menyalurkan nilai-nilai murni yang selari dengan norma-norma keislaman, kebangsaan, budaya dan adat resam yang menjadi pegangan masyarakat Melayu Brunei sejak zaman dahulu, masa kini dan akan datang.

Penubuhan Akademi Pengajian Brunei (APB) yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda sempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Baginda ke-44 di Daerah Tutong pada 17 Julai 1990 juga dirasakan amat penting dalam menstabilkan dan meningkatkan kedudukan BM. APB melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dalam pengajaran dan penyelidikan yang berkaitan dengan semua aspek kehidupan Negara Brunei Darussalam dan pengajaran kursus MIB bertunggakkan BM di samping tidak mengetepikan kepentingan bahasa Inggeris. APB juga berfungsi sebagai Sekretariat Majlis Tertinggi Kebangsaan MIB iaitu satu badan tertinggi yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan aktiviti penerapan dan penghayatan falsafah MIB di kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Seperti yang diterangkan lebih awal dalam kertas kerja ini kedudukan BM dalam falsafah MIB adalah sangat istimewa dan unggul kerana ia adalah alat perpaduan bangsa dan teras identiti bangsa Negara Brunei Darussalam.

4.0 Penutup

Gambaran yang dihuraikan di atas dan hubungkaitnya dengan

peranan BM dalam perkembangan ilmu pengetahuan dalam konteks UBD masih jauh dari memuaskan di samping usaha-usaha yang telah dan terus dibuat untuk menstabilkan, menyeimbangkan dan meningkatkan kedudukan BM. Pada keseluruhannya gambaran tersebut yang meliputi bidang program akademik yang ditawarkan; pengajaran dan pembelajaran; kursus-kursus jangka pendek yang diperkenalkan; penyelidikan; penerbitan dan aktiviti-aktiviti yang bercorak persidangan, seminar dan bengkel lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar; bahasa komunikasi dan bahasa pencetus minda.

Perkembangan UBD dalam satu dekad yang akan datang adalah lebih genting. Naib Canselor UBD dalam ucapan beliau semasa Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UBD pada 28 Oktober 1995 menggariskan bahawa bentuk atau jenis program ijazah UBD dan hubungannya dengan keperluan dan hasrat Negara Brunei Darussalam dalam konteks serantau dan antarabangsa; kualiti dan daya saing para siswazah yang dikeluarkan dan kemampuan menyeluruh UBD sebagai institusi pengajian tinggi kebangsaan adalah sebahagian daripada unsur utama bagi para ahli akademik dan pentadbir universiti perlu mengambil peranan yang serius dan sensitif mengenainya.

Di dalam gagasan tersebut perkara utama yang ditekankan ialah kualiti tugas UBD dalam berbagai bidang yang boleh menjadikan UBD sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan perkembangan sumber tenaga manusia melalui kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan dalam bidang-bidang yang penting kepada Negara Brunei Darussalam sesuai dengan misi dan objektif UBD. Dari sini timbul satu persoalan "apakah BM mampu memperoleh kedudukan yang lebih mantap jikapun tidak lebih istimewa dalam kerancangan arus perdana perancangan, pelaksanaan dan pencapaian gagasan tersebut lebih-lebih lagi setelah BM mengalami berbagai perkembangan dan hambatan dalam tempoh satu dekad UBD beroperasi?" Memang tidak dapat dinafikan bahawa satu dekad yang akan datang merupakan tempoh yang genting bagi UBD setelah melalui satu dekad yang lalu. Namun demikian rasa kegentingan itu juga dirasakan oleh kedudukan BM yang penuh dengan persoalan, cabaran dan dilema.

Walau dalam apa keadaan sekalipun pemantapan kedudukan

BM sebagai alat komunikasi ilmu; perpaduan dan pencetus minda lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan memerlukan usaha yang lebih gigih dan jitu supaya tradisi budaya hidup negara berlandaskan penggunaan BM dapat diwujudkan dan diseimbangkan jikapun tidak lebih dengan bahasa-bahasa lain khususnya bahasa Inggeris.

RUJUKAN

- Abu Bakar Haji Apong, DSLJ Haji, 1995. Teks ucapan semasa Majlis Pelancaran Sambungan Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Universiti Brunei Darussalam, 28.
- Ahmad bin Kadi, Haji, 1994. "Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Melayu dan Matlamatnya (Merujuk kepada situasi Brunei Darussalam)". Kertas Kerja Sidang Ke-33 MABBIM. Negara Brunei Darussalam.
- Ahmad bin Haji Jumat, Dato Dr. Haji, 1992. "Dwibahasa (Bilingual) System of Education in Brunei Darussalam". Jurnal Pendidikan, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Annual Report, Department of In-Service Education, 1989/1990; 1990/1991; 1991/1992; 1993/1994; 1994/1995. Universiti Brunei Darussalam.
- Annual Report, Educational Technology Centre, 1990 - 1995. Universiti Brunei Darussalam.
- Amin bin BPKDP Awang Haji Sirat, Awang Mohd, 1993. "Perkembangan Bahasa Melayu Di Brunei Darussalam". Kertas Kerja Kongres Bahasa Indonesia VI.
- Brunei Darussalam Statistical Yearbook, 1994. Statistics Division, Economic Planning Unit, Ministry of Finance, Negara Brunei Darussalam.
- Buku Panduan, 1995/1996. akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.
- Buku Panduan, 1995/1996. Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.

- Buku Panduan, 1995/1996. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.
- Collins, James T. 11995. "Perjuangan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Antarabangsa". Jurnal Dewan Bahasa.
- Habibah Haji Metusin, 1988. "Pelaksanaan Sistem Ejaan Rumi Baru di Sekolah-Sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam: Satu Perbandingan Antara Sekolah Dalam Bandar Dengan Luar Bandar Daerah Tutong". Latihan Ilmiah Program Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam.
- Jamil Al-Sufri, POKADDSU (Dr.) Haji Awang, 1982. Corak Pendidikan di Brunei Pada Masa Hadapan.
- Mataim bin Bakar, Awang, 1993. "Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu Dalam Konteks Negara Brunei Darussalam". Kertas Kerja Kongres Bahasa Indonesia VI.
- Perlembagaan Negara Brunei, 1959.
- Prospectus 1985 - 1995, Universiti Brunei Darussalam.
- Rahmah Haji Yaakub, 1988. "Struktur Ayat Bahasa Melayu Tingkatan I Sekolah-Sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis Buku Teks". Latihan Ilmiah, Program Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam.
- Zabaidah binti Pengiran Kamaludin, Pengiran, 1987. "Bahasa Melayu Dalam Perlembagaan". Kertas Kerja Seminar Bahasa Sempena Jubli Perak Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

**PROGRAM AKADEMIK YANG DITAWARKAN
BAGI SESI AKADEMIK 1995/1996**

PROGRAM/ PROGRAMMES	KOD PROGRAM/ PROGRAMME CODE	NAMA PROGRAM/PROGRAMME NAME
PROGRAM IJAZAH PERTAMA/ <i>FIRST DEGREE PROGRAMME</i>		
ALIRAN MELAYU/ <i>MALAY MEDIUM</i>	2	B.A. Pendidikan (Major dlm B. Melayu, Kesusasteraan Melayu atau Sejarah dan Minor dlm B. Melayu, Kesusasteraan Melayu, Sejarah, Peng. Islam atau Peng. Brunei)
	3	B.A. Pendidikan (Major dlm Peng. Islam dan Minor dlm Peng. Brunei)
ALIRAN INGGERIS/ <i>ENG- LISH MEDIUM</i>	6	B.A. Ed (Major in Geography, Eco., or TESL and Minor in Geo., Eco. TESL or History or Maths)
	14	B.A. Ed (Islamic Studies)
	8	B.Sc. Ed (Major of Minor chosen from Bio., Chem., Phy. & Maths)
	7	B.A. Primary Ed
	5	B.A. (Public Policy and Administration)
	12	B.A. (Major in Eco., Geo., or Eng. Studies and Minor in Eco., Geo., Account & Finance, Maths or Eng. Studies)
	11	
	10	B.Eng. (Electrical and Electronic Engineering)
	13	
	17	B.Sc. (Computer Science/Mathematics)
		B. Commerce (Accounting)
		B. Business Administration

PROGRAM LAIN/ OTHER PROGRAMMES		
ALIRAN MELAYU/ MALAY MEDIUM	52	Sijil Pengajaran Bahasa Melayu
	53	Sijil Pengurusan Pendidikan
	82	Sarjana (Bahasa Melayu dan Linguistik) secara Penyelidikan
	83	Sarjana (Kesusasteraan Melayu) secara Penyelidikan
	85	Sarjana (Bahasa Melayu dan Linguistik) secara Kerjakursus dan Penyelidikan
	84	Sarjana (Sejarah) secara Penyelidikan
	74	Sijil Pendidikan Lulusan Ijazah (Menengah - Ugama)
	80	Sijil Pendidikan Lulusan Ijazah (Rendah)
	81	Sijil Pendidikan Lulusan Ijazah (Menengah)
ALIRAN INGGERIS/ ENG- LISH MEDIUM	50	Certificate in Education
	54	Certificate in Early Childhood Education
	79	Postgraduate Certificate in Education (Sec- ondary)
	77	Master of Educational Management
	78	Master of Public Policy
	86	M.A. (Economics) by Research
	87	M.A. (Geography) by Research
	88	M.A. (History) by Research
	89	M.A. (English Language and Applied Linguistics) by Research
	90	M.A. (English Language and Applied Linguistics) by Coursework and Research
	91	M.Sc. (Petroleum Geoscience) by Coursework and Research

Lampiran

	Course		Subject or Unit	Unit Value	Approximate Hours of Instruction
1.	BTEC First Certificate in Construction	1.	Communication Processes & Techniques	1.0	90 hours (f/t)
		2.	Introduction to the Built Environment	2.0	180 hours (f/t)
	6 months + 3 months industrial attachment	3.	Mathematics	1.0	90 hours (f/t)
		4.	Sciences	1.0	90 hours (f/t)
		5.	English Language & Communication	1.0	90 hours (f/t)
		6.	Common Skills	no values	Variable
---	-----	---	-----	-----	-----
			6	6.0	540 hours
---	-----	---	-----	-----	-----
2.	BTEC National Certificate in Building Studies	1.	The Built Environment	1.0	90 hours (f/t)
		2.	Construction Science	1.0	90 hours (f/t)
	11/2 years + 6 months industrial attachment	3.	Construction Technology	1.5	135 hours (f/t)
		4.	Materials in Construction	0.5	90 hours (f/t)
		5.	Mathematics	1.0	90 hours (f/t)
		6.	Organisation & Procedures	1.0	90 hours (f/t)
		7.	Site Surveying & Levelling	1.0	90 hours (f/t)
		8.	Building Construction	1.0	90 hours (f/t)
		9.	Environment Science	1.0	90 hours (f/t)
		10.	Measurement	1.0	90 hours (f/t)
		11.	English as a Foreign Language	1.0	90 hours (f/t)
		12.	Common Skills	no values	variable
---	-----	---	-----	-----	-----
			12	11	1005 hours
---	-----	---	-----	-----	-----

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

1. Sidang : III
2. Hari/tanggal : Senin, 18 Maret 1996
3. Pukul : 14.00–15.00
4. Penyaji Makalah : Haji Jalil bin Haji Mail
5. Judul Makalah : Peranan Bahasa Kebangsaan dalam Perkembangan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi (Merujuk kepada Universiti Brunei Darussalam)
6. Pemandu : Prof. Dr. Haji Farid M. Onn
7. Sekretaris : Dra. Warnidah Akhyar
8. Pencatat : Drs. Hasanuddin WS., M.Pd.

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Prof. Abdulkadir Muhamad, S.H., Universitas Lampung
 - 1) Hambatan-hambatan apa yang dihadapi oleh pengembangan bahasa di Brunei Darussalam dalam usaha menempatkan bahasa Melayu sebagai pengganti bahasa Inggris sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan, khususnya di Universiti Brunei Darussalam.
 - 2) Program apa yang dilaksanakan Universiti Brunei Darussalam dalam usaha menciptakan program pendidikan dengan menggunakan bahasa Melayu secara menyeluruh.
- b. **Jawaban**
 - 1) Semangat dan komitmen masyarakat pihak kerajaan telah menyediakan dan menciptakan kondisi dalam usaha memasyarakatkan bahasa Melayu. Usaha penelitian dan penerbitan para pengajar Universiti Brunei Darussalam masih belum maksimal. Sehubungan dengan penelitian di universiti, kita sudah memberikan berbagai kemudahan-kemudahan. Namun, hal itu berpulang kepada pembesar-pembesar itu sendiri untuk memanfaatkan kemudahan-kemu-

Pembentukan konsep yang dipersoalkan, memerlukan persediaan tertentu terutamanya bahan-bahan keperluan seperti perisian (*software*), modules, kurikulum bersepadu, dan sebagainya. Dengan adanya bahan-bahan ini sebagai input dan alat bantu diharap akan berupaya mengimplementasikan pengoperasian komputer berteraskan bahasa Melayu sekaligus mengenepikan pandangan bahawa proses merealisasikannya tidaklah serumit yang digambarkan.

5.0: Rumusan dan Cadangan

Sepertimana dinyatakan awal, proses untuk melihat bahasa kebangsaan mempembagikan perannya untuk tujuan pengembangan yang lebih 'dominan' terutama dalam ilmu teknologi memerlukan masa yang kukuh dan konkrit.

Dari pandangan di atas dapatlah diambil beberapa rumusan dan cadangan. Antaranya ialah:

- 5.1 Langkah-langkah persediaan (seperti 4.4 di atas),
- 5.2 Perkembangan bahasa dalam pendidikan komputer-peristilahan dan perkamusan,
- 5.3 Peranan pendekatan konsep.

Walau apa pun rumusan dan cadangan yang diperolehi, setentunya konsep yang dibentangkan perlu difahami lebih mendalam lagi dalam konteks tempatan. Ini termasuk mengambil kira faktor-faktor dan ciri-ciri tersendiri seperti konteks dwibahasa. Konsep dwibahasa Negara Brunei Darussalam ialah bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar sehingga darjah tiga dan bahasa pengantar Inggeris mulai dari darjah empat.

Dari kertas kerja yang ringkas ini, dapatlah dibayangkan bahawa bagi memantapkan lagi peranan bahasa kebangsaan memerlukan fahaman yang lebih jauh untuk diterokai lagi terutama dalam isu-isu semasa dan bidang pendidikan, di samping peranan umum adalah peranan semua untuk mendukungnya.

6.0: Bibliografi

"Computimes", *New Straits Times*, Khamis 15 Februari, 1996.

HMSO, 1975. *A Language For Life*. Report of the Bullock Committee, United Kingdom.

Istilah Matematik - Asas Sains Komputer, 1994. Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Jurnal Pendidikan 1993, Bilangan 4 Tahun 4. Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Marland, Michael, 1980. *Language Across the Curriculum*. London, Heinemann.

Siti Patimah Hj. Hassan & Jamaluddin Salim. "Penyampaian Maklumat Teknikal dan Teknologi melalui Bahasa Melayu."

Ailin Ton Dato Ishak & Ahmad Ezanee Mansor. "Pakej Maklumat MARDI: Kini dan Masa Depan". Seminar Kebahasaan Sempena Sidang Ke-34 MABBIM, 20-21 Mac, 1995, Ipoh, Perak, Malaysia.

BAHASA MELAYU DAN PENYAMPAIAN ILMU SAINS DAN TEKNOLOGI DI MALAYSIA: KEJAYAAN KINI DAN CABARAN GLOBAL

Shaharir Mohamed Zain
dan Farid M. Onn
Malaysia

Pendahuluan

Tiga dekad kebelakangan ini telah menyaksikan pembinaan bahasa Melayu yang amat pesat. Malah sering disebut-sebut bahawa perkembangan dan kemajuan yang berlaku pada bahasa Melayu adalah pada tahap fenomenal, yang belum pernah dialami oleh mana-mana bahasa (natural) yang lain. Sejak bahasa Melayu termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 (semakan 1967) sebagai bahasa kebangsaan (nasional) dan bahasa rasmi negara Malaysia, maka peranan bahasa Melayu semakin terserlah sejajar dengan kemajuan negara. Kini, bahasa Melayu telah terbukti kejayaannya sebagai wahana budaya ilmu dan kecendekiaan, iaitu bukan sahaja mampu membicarakan bidang yang bersifat cendekia, bahkan juga berjaya menjadi penyampai ilmu sains dan teknologi.

Kertas kerja ini seterusnya akan menyorot bibit kemajuan pengajian ilmu sains dan teknologi melalui bahasa Melayu dari peringkat sekolah menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi sebagai landasan mengukur kejayaan dan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu. Kekangan dan hambatan akibat, terutamanya, daripada pemulihan minat serta keghairahan pembudayaan bahasa Inggeris di Malaysia akan juga diberi perhatian. Seterusnya, keprihatinan kami tertumpu pada masa muka serta cabaran global yang akan dan terus melanda dan memaksa bahasa Melayu bersemuka dengan wahana komunikasi elektronik canggih dan limpahan maklumat. Pastinya kita tidak mahu melihat semata-mata bahasa Inggeris terus dipentingkan sebagai wahana dan media teknologi maklumat tanpa sebarang

usaha untuk menyediakan bahasa Melayu bersaing atau, sekurang-kurangnya, ikut serta menimba limpahan maklumat daripada lebuhraya maklumat antarabangsa (Information Super-highway).

Sekelumit Sejarah

Mata pelajaran Sains dan Matematik aliran Melayu peringkat sekolah Menengah Rendah (Pelajar berumur 13–15 tahun) mula diajar dalam bahasa Melayu pada tahun 1958 setelah tunjuk perasaan besar-besaran seluruh negara diadakan oleh pelajar sekolah kelas *Removed* (kelas peralihan) Melayu-Inggeris. Buku teksnya ialah buku 'terjemahan sementara' daripada buku teks sekolah Menengah Inggeris dewasa ini tahun demi tahun, oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tetapi sekolah Menengah Atas aliran sains dalam bahasa Melayu bermula pada tahun 1963 (bukan tahun yang sepatutnya, iaitu 1961), kerana "ketiadaan buku dan guru". Oleh itu, Sijil Sekolah Menengah Atas, iaitu SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), aliran sains yang pertamanya dalam bahasa Melayu adalah pada tahun 1964. Seterusnya, sekolah Tingkatan Enam atau peringkat prauniversiti aliran sains bermula hanya pada tahun 1966, bukannya yang sepatutnya tahun 1965, atas sebab yang serupa. Ini bermakna STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia) aliran sains dalam bahasa Melayu pertama kalinya dikeluarkan pada tahun 1967 (bukan pada tahun yang sepatutnya, iaitu 1966). Pelajar-pelajar aliran sains yang mendapat SPM 1964–1966 yang agak cemerlang meneruskan pengajiannya di peringkat Tingkatan Enam (prauniversiti) selama dua tahun tetapi mengikuti silabus yang disediakan oleh Universiti Malaya dalam dwibahasa (Inggeris-Melayu) untuk persediaan masuk ke universiti tersebut dalam dwibahasa sebagai ganti *HSC (High School Certificate)* aliran Inggeris tajaan *University of Cambridge*. Pendidikan sains dalam aliran Melayu sepenuhnya di peringkat universiti bermula pada 1970, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang ditubuhkan pada 20 Mei, 1970. Universiti Kebangsaan Malaysia memang khusus ditubuhkan atas desakan rakyat, untuk menampung keperluan lulusan pelajar sekolah aliran Melayu (jurusan sains atau bukan sains). Setelah lahirnya siswazah sains sulung dari UKM pada tahun 1973, maka tahun demi tahun terciptalah sejarah demi sejarahnya akan tanda-tanda kejayaan pendidikan sains dan teknologi menerusi bahasa Melayu. Namun tanda-tanda kejayaan ini telah pun muncul beberapa tahun lebih

awal lagi. Seterusnya, kami bertujuan untuk menyingkap kejayaan-kejayaan itu hingga pada hari ini dengan tumpuan khusus kepada pendidikan sains dan teknologi (S & T) di UKM.

Kejayaan Pendidikan Sains Peringkat Sekolah Menengah Atas

Seperti yang telah disebut sebelum ini, pelajar sains aliran bahasa Melayu bayaan yang pertamanya ialah yang mendapat SPM-nya pada tahun 1964. Daripada pemilik SPM ini seramai tidak lebih daripada 30 orang sahaja di seluruh Malaysia yang lulus SPM dengan cukup baik sehingga layak meneruskan pengajiannya ke peringkat prauniversiti (atau matrikulasi sekarang) aliran sains pada tahun 1965. Pelajar terbaik seluruh Malaysia dalam keputusan SPM pada tahun 1964 itu kini menjadi seorang profesor Kimia merangkap YNC di sebuah universiti tempatan. Sementara itu, pada tahun 1963, seramai 23 orang pelajar aliran sastera seluruh Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia) yang berkeputusan SPM-nya sekurang-kurangnya kredit yang tinggi (iaitu gred C3 dewasa itu) dalam matematik telah dialirkan ke kelas khas sains selama setahun untuk mengambil kertas Sains dan Matematik Tambahan 1964 bersama-sama pelajar aliran sains peneroka. Sejauh mana kejayaan bahasa Melayu menjadi wahana penyampaian ilmu sains dan matematik peringkat sekolah Menengah Atas ini sejak 1965 dapat disukai dan dilihat daripada tahap kejayaan pelajar-pelajar peneroka seramai sekitar 50 orang itu dan pelajar-pelajar bayaan selanjutnya.

Pengajian peringkat prauniversiti aliran sains dalam bahasa Melayu antara 1965-1966 adalah mengikut kurikulum tajaan Universiti Malaya, tetapi pada masa yang sama mereka juga digalakkan mengambil *peperiksaan HSC (Higher School Certificate of Education)* atau *GCE (General Certificate of Education)* tajaan *Cambridge University* yang diambil oleh pelajar-pelajar berperantaraan dalam bahasa Inggeris. Selepas itu, mereka yang berjaya dalam peperiksaan akan berpeluang belajar di peringkat universiti di Universiti Malaya yang dewasa itu berpengantarkan dwibahasa (Melayu dan Inggeris) atau di universiti seberang laut yang berpengantarkan bahasa Inggeris bagi mereka yang agak cemerlang dalam peperiksaan *HSC* atau *GCE*.

Peperiksaan STP aliran sains dalam bahasa Melayu hanya bermula pada tahun 1967 dengan calonnya seramai 78 orang.

Pencapaiannya amat tidak memuaskan, terutamanya apabila dibandingkan dengan prestasi pelajar sains aliran Inggeris yang bersilabus serupa. Keputusan itu menunjukkan hanya seorang yang mendapat sijil penuh dan 52 orang (sekitar 67%) mendapat Pernyataan dan selebihnya gagal; manakala keputusan *HSC* bagi calon yang ramai 1421 orang pada tahun itu ialah 65% mendapat sijil penuh, 34 % mendapat Pernyataan dan selebihnya gagal (Mohd. Ali Kamaruddin (1981). Walaupun prestasi pelajar sains menerusi bahasa Melayu itu mengecewakan dari segi kecemerlangannya, namun pengajian sains dalam bahasa Melayu telah memungkinkan ramai pelajar dari luar bandar berpeluang mempelajari ilmu sains. Perbezaan prestasi itu lebih mencerminkan gaya hidup dan persekitaran kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera; bukannya membuktikan ketidakberkesanan atau kegagalan perantaraan bahasa Melayu dalam pengajian sains di peringkat prauniversiti. Sebelum ini, keberkesanan pendidikan sains dalam bahasa Melayu pada tahap Sekolah Menengah peringkat SPM bayaan pertamanya juga menimbulkan kesangsian yang sama. Ini dapat dilihat perihal nasib 50 orang yang mengikuti pengajian prauniversiti aliran sains pertama pada 1965-1966 yang dihuraikan di bawah ini.

Daripada seramai kira-kira 50 orang pelajar sains aliran bahasa Melayu yang pertama itu, empat orang dianugerahi *Colombo Plan Scholarship* (Basiswa Rancangan Kolombo) yang terdiri daripada dua orang pelajar dari aliran sains asal dan dua orang lagi dari aliran sastera yang "dipaksa" ke aliran sains. Mereka ini ditawarkan masing-masing untuk memperoleh ijazah bidang biologi, kimia dan matematik di universiti-universiti di Australia. Tiga daripada mereka berjaya merangkul ijazah Phd. dan masing-masing mengajar di universiti tempatan, dua daripada mereka telah lama bertaraf Profesor manakala seorang lagi berjaya memperoleh ijazahnya tetapi tidak dapat dikesan kedudukannya sekarang. Yang lainnya gagal, atau berjaya memasuki universiti Malaya atau universiti-universiti di Indonesia. Mengikut Mohd. Ali Kamaruddin (1981), hanya 34 orang semuanya yang berjaya masuk Universiti Malaya pada tahun 1967 (30 orang mengikuti bidang sains tulen, 2 orang mengikuti bidang perubatan dan 2 orang mengikuti bidang pertanian), dan itupun yang akhirnya berjaya mendapat ijazah hanyalah 13 orang (11 orang daripada mereka yang berjaya itu

terdiri daripada mereka yang dahulunya dalam aliran sastera (kini 6 daripada mereka berkhidmat sebagai pensyarah di universiti tempatan, dan seorang menjadi pegawai penyelidik di MARDI). Beberapa orang yang gagal di UM itu kemudiannya dihantar oleh Kerajaan Malaysia ke Indonesia untuk mencuba nasibnya di sana, dan setahu kami dua orang berjaya meraih ijazah Drs. (kedua-duanya kini menjadi pensyarah di universiti tempatan, masing-masingnya dalam bidang statistik dan zoologi). Beberapa orang lagi kemudiannya mendapat diploma dari UTM dalam bidang yang berhubung dengan sains dan teknologi. Pendeknya ramailah pelajar sains aliran Melayu pertama ini yang terkandas. Namun, pencapaian mereka bolehlah disebut-sebut juga, mengenangkan segala pendidikan mereka sebelum memasuki universiti semuanya di dalam aliran Melayu dengan sumber amat terhad. Ini boleh dianggap "kejayaan" bahasa Melayu pertama dalam pendidikan sains di Malaysia dalam dwibahasa (Melayu-Inggeris).

Kejayaan peneroka aliran sains dalam bahasa Melayu di peringkat sekolah (SPM) yang kemudiannya (tahun 1970/71) memperoleh ijazah masing-masing dalam bahasa Inggeris, terutamanya di Australia sedikit-sebanyak memberi keyakinan baru kepada kerajaan dan rakyat Malaysia akan kemampuan bahasa Melayu menjadi wahana pengajian sains di peringkat sekolah yang seterusnya memampukan mereka mempelajari ilmu itu di peringkat yang lebih tinggi lagi baik di dalam atau di luar negeri. Perkara ini sudah menjadi lumrah sekarang, terutamanya sejak kerajaan menghantar lebih daripada lima ribu pelajar sains aliran Melayu ke seberang laut untuk meneruskan pengajian mereka dalam pelbagai bidang sains dan teknologi menerusi pelbagai bahasa sebagai bahasa pengantarnya (Arab, Inggeris, Jerman, Jepun, Perancis dan lain-lain lagi, walaupun sesetengah mereka terpaksa diberi latihan bahasa berkenaan selama 6–12 bulan). Tegasnya, bahasa Melayu telah membuktikan sebagai bahasa yang memungkinkan berlakunya pendemokrasian dalam pendidikan sains dan teknologi dalam tempoh kurang daripada 20 tahun sahaja. Kejayaan bahasa Melayu sebagai wahana pendidikan sains dan teknologi sehingga peringkat Doktor Falsafah telah dapat dibuktikan tahun demi tahun terutamanya oleh UKM sejak penghasilan siswazahnya bermula tahun 1973. Ini diperincikan dalam seksyen di bawah ini.

Kejayaan Penyampaian Ilmu S & T dalam Bahasa Melayu di Peringkat Universiti di Malaysia

Kejayaan penyampaian ilmu menerusi sesuatu bahasa sewajarnya disukat menerusi pencapaian pelajar berkenaan (bilangan dan mutu) semasa menuntut dan selepasnya, penulisan ilmu tersebut dalam bahasa berkenaan, dan akhirnya penghayatan bahasa tersebut dalam pemakaian ilmu berkenaan dalam kehidupan harian atau dunia keikhlasannya. Sukatan inilah yang telah dibincangkan di atas untuk penyampaian ilmu sains peringkat sekolah. Kejayaan pelajar-pelajar yang menerima ilmu sains menerusi bahasa Melayu sehingga ke peringkat seolah itu rasanya tidak boleh dipertikaikan lagi, selewat-lewatnya apabila menjelang tahun 1980-an. Malah sejak tahun 1985, semua pelajar sekolah awam di Malaysia menerima ilmu ini menerusi bahasa Melayu dan ternyata mereka boleh menguasai ilmu tersebut pada tahap itu dan tahap yang lebih tinggi lagi, berasaskan keputusan peperiksaan SPM, STPM dan universiti.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) membuktikan kejayaan pendidikan sains dan teknologi menerusi bahasa Melayu sejak tahun 1973 apabila seramai 40 orang siswazah sulungnya dalam bidang sains tulen atau sains asas (biologi, fizik, kimia dan matematik) berjaya merangkul ijazah sarjanamuda sains. Dua orang daripada mereka bukan Bumiputera yang kini seorang daripadanya menjawat jawatan Profesor Madya dalam bidang fizik di sebuah universiti di Malaysia. Pada tahun 1978, UKM sekali lagi membuktikan kejayaannya mengajarkan ilmu menerusi bahasa Melayu dalam bidang perubatan apabila Fakulti berkenaan melahirkan seramai 37 orang siswazah sulungnya (Mohd. Ali Kamaruddin, 1981), sungguhpun kejayaan penyampaian ilmu perubahan ini menerusi bahasa Melayu mudah dicabar kerana bahasa Inggeris masih digunakan hampir sepenuhnya di peringkat klinik (3 tahun terakhir) sehingga sekarang. Pada tahun 1989, UKM menempa sejarah kemajuan budaya berbahasa Melayunya apabila Fakulti Kejuruteraan mampu melahirkan siswazah kejuruteraan pertamanya seramai 6 orang (bidang kejuruteraan elektronik dan teknologi kimia/kejuruteraan kimia). Kini pengeluaran siswazah dalam bidang sains dan teknologi menerusi bahasa Melayu di UKM sudah mencapai ribuan (purata setahun sekitar 600 orang sekurang-kurangnya sejak 10 tahun yang lepas). Dalam bidang Perubatan

sahaja UKM telah melahirkan seramai 2089 orang siswazahnya (*Intisari UKM*, Bil. 4 Okt/Nov. 1995). Sejak 1983 semua universiti di Malaysia melahirkan siswazah dalam bidang sains dan teknologi menerusi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Para siswazah sains dan teknologi aliran Melayu dari UKM sejak awal lagi membuktikan kemampuannya memperoleh ijazah sarjana dan Ph.D. mereka di dalam atau di luar negara. Manifestasinya kini mensyarah bidang sains dan teknologi di UKM dan UTM agak ramai yang terdiri daripada mereka yang berijazah pertamanya dari UKM. Perinciannya dapat dilihat dalam jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Peratusan Tenaga Pengajar berijazah pertama dari UKM pada tahun 1994

bidang S & T	peratusan di		
	UKM	UPM	UTM
sains fizik	63 (40)	20 (30)	40 (40)
sains geologi	60 (70)	-	-
sains hayat	29 (50)	14 (1)	-
sains matematik	60 (60)	45 (50)	50 (60)
sains perubatan	36 (50)	14 (30)	14 (70)
sains kejuruteraan	31 (27)	-	-

Sumber: buku-buku panduan universiti berkenaan 1994/95

Universiti Kebangsaan Malaysia juga menempa sejarah menghasilkan siswazah S & T peringkat sarjana dan Doktor Falsafah dengan kursus dan/atau tesis dalam bahasa Melayu. Sehingga kini UKM telah melahirkan 272 siswazah S & T peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang perincian bidangnya diberi pada jadual 2 di bawah ini.

Jadual 2: Bilangan penerima ijazah sarjana dan doktor falsafah dalam bidang S & T menerusi perantaraan bahasa Melayu sehingga 1994.

Sarjana	247 orang (yang pertamanya dalam bidang Geologi 1980)
Doktor Falsafah	25 orang (yang pertamanya dalam Sains Hayat 1985)

Kejayaan penyampaian ilmu sains dan teknologi menerusi bahasa Melayu boleh juga dilihat daripada banyak sedikitnya buku-buku teks atau rujukan yang ditulis dalam bahasa Melayu. Ini dipaparkan dalam jadual 3 di bawah ini.

Jadual 3: Bilangan Buku S & T peringkat universiti karya ahli akademik UKM 1980 sehingga 1994.

Penerbit	bil. buku (asli dan terjemahan)
DBP	700 buah
UKM	109 buah
IPT	264 buah
JUMLAH	1073 buah

Sumber: Shahrir (1991) dan Mohd. Yusof (1995)

Jelaslah, sesungguhnya penulisan buku dalam bahasa Melayu boleh disebut-sebut tetapi ternyata masih jauh daripada mencukupi dan daya pengeluaran buku oleh ahli akademik kita masih rendah, iaitu dalam masa 14 tahun menghasilkan 1073 buah atau kira-kira 78 buah setahun; sedangkan bilangan sarjana S & T di IPT dalam tempoh tersebut dianggarkan tidak kurang daripada seribu orang (Tahun 1994, bilangan sarjana bumiputera/pribumi dalam S & T di IPT kita ialah 1863 orang; 984 orang berijazah D.Fal/Ph.D. atau setara, dan 879 orang berijazah sarjana atau setara). Tidak hairanlah masih banyak kursus yang belum ada sebuah bukupun dalam bahasa Melayu. Mengikut kajian Shahrir (1991) hanya 30% daripada kursus dalam program dalam bidang-bidang sains fizis dan sains matematik yang ada sebuah buku teks dalam bahasa Melayu, begitu juga dengan bidang sains hayat sebanyak 17% dan 6% kejuruteraan. Keadaan ini menyebabkan penyampaian ilmu S & T dalam bahasa Melayu tentunya tidak begitu berkesan dan 'kurang melekat' kerana pelajar mendengar penjelasan ilmu yang dipelajarinya dalam kuliah dan bilik seminar sahaja; masa lainnya mereka menggunakan buku dalam bahasa Inggeris.

Kekurangan buku ini lebih merupakan manifestasi masalah

perbukuan yang berhubung dengan pengiktirafan komuniti ahli akademik terhadap penulisan buku teks, pemasaran, dan sikap ahli akademik terhadap buku-buku keluaran tempatan karya sarjana yang sebangsa atau senegara dengannya. Banyak juga daripada masalah ini boleh dihakis jika kebahasaan di Wilayah Nusantara kita dapat diperbaiki lagi menerusi perundangan, pertukaran sarjana dan pelajar, serta interaksi menerusi institusi akademik awam dan swasta.

Sukatan kejayaan penyampaian ilmu sains dan teknologi yang terakhir yang ingin dibicarakan di sini ialah tahap penghayatan ilmu tersebut dalam bahasa Melayu di kalangan siswazahnya. Dalam hal ini, kita dapat satu keadaan yang jauh daripada memuaskan masih berlaku. Siswazah UKM jarang sekali menggunakan bahasa Melayu dalam dunia pekerjaannya terutamanya sesudah mereka bekerja lebih daripada satu tahun sahaja. Budaya berbahasa Melayu selama 3 atau 4 tahun di universiti "tidak melekat" akibat persekitaran alam pekerjaannya yang berbudaya bahasa Inggeris dengan kentalnya. Andaian bahawa siswazah aliran Melayu boleh menjadi agen atau mangkin perubahan sistem nilai kehidupan masyarakatnya daripada berbudaya bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu nampaknya masih meleset walaupun siswazah aliran Melayu kini sudah menjangkau bilangan ratusan ribu. Akan tetapi, ada pandangan yang menyatakan bahawa bilangan ini sebenarnya masih tidak mencapai bilangan genting untuk berlakunya perubahan yang diimpikan itu, kerana bilangan siswazah aliran Inggeris yang kembali dari seberang laut masih mengatasi bilangan siswazah aliran Melayu dan lebih-lebih lagi daripada golongan bumiputera/peribumi. Andaiannya, golongan peribumilah selama ini yang menentukan tahap penghayatan bahasa Melayu di Malaysia. Jika andaian ini benar, dalam dunia ikhtisas S & T di Malaysia, perkara bilangan genting ini memang jelas berlaku jika melihat peratusan bilangan bumiputera/peribuminya, kecuali dalam sektor akademik di institusi pengajian tinggi seperti yang tertera di dalam jadual 4 di bawah ini.

Jadual 4: Peratusan peribumi dalam pelbagai bidang S & T sehingga tahun 1990-an

Ahli S & T	Peratusan bumiputera/peribumi pada tahun				
	1970	1980	1984	1990	1994
Arkitek	4	11	16	23	t.d
Doktor Gigi	3	10	20	24	=
Doktor Haiwan	4	18	26	19	=
Doktor Perubatan	4	10	17	28	=
Jurutera	7	18	25	35	=
Juruukur	t.d	31	36	44	=
Presiden Persatuan	t.d	t.d	t.d	t.d	40

Ahli akademik di

UKM + UM + UPM + UM + UTM:

arkitek juruukur	-----	97
ahli farmasi	-----	70
ahli fizik	-----	89
ahli geologi	-----	66
ahli pergigian	-----	99
ahli perikanan	-----	87
ahli perubatan	-----	50
ahli pertanian	-----	887
ahli veteriner	-----	96
ahli sains hayat	-----	84
ahli sains kes. sek.	-----	92
ahli sains matematik	-----	80
jurutera	-----	92
kimiawan	-----	84
rimbawan	-----	93

Sumber: RMI, dan RMFn serta buku panduan IPT 1993/94

Peratusan pribumi yang tinggi dalam bidang akademik tidak juga menjadikan dunia akademik di Malaysia berbudaya bahasa Melayu selain di dalam masa pengajarannya. Penulisan mereka untuk jurnal dalam negeri dan untuk persidangan kebangsaan masih dominan dalam bahasa Inggeris, kecuali sains fizis dan sains matematik yang tertera pada jadual 5 di bawah ini. Kursus-kursus

pendek yang bersifat komers yang dituju kepada mereka yang sedang bekerja di firma swasta hampir semuanya dijalankan dalam bahasa Inggeris, warkah berita atau buletin keluaran persatuan-persatuan yang keanggotaannya dominan ahli akademik seperti Institut Fizik Malaysia. Institut Statistik Malaysia, masih dalam bahasa Inggeris; komunikasi dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam hal penyelidikan di bawah rancangan IRPA hampir semuanya dalam bahasa Inggeris.

Jadual 5: Penghayatan bahasa Melayu di kalangan ilmuwan di Malaysia (Shahrir, 1991)

Peratusan Penerbitan dalam bahasa Melayu

Bidang	Jurnal Tempatan	Pascasidang Tempatan
Kejuruteraan	30	30
Perubatan	10	2
Sains Fizik	80	71
Sains Hayat	21	52
Sains Matematik	64	100

Sesungguhnya, walaupun pendidikan S & T di Malaysia sudah terlaksana melalui bahasa Melayu dengan agak jayanya, namun amalan dan citra yang terpancar daripada kehidupan dan kegiatan sains dan teknologi di Malaysia masih lagi citra berbudaya bahasa Inggeris.

Ini menjadikan amat sukar bagi seseorang membuat kesimpulan tentang kejayaan sebenar penyampaian ilmu sains dan teknologi melalui pengantarnya bahasa Melayu. Hasrat umum, terutama di kalangan pejuang dan pencinta bahasa kebangsaan di negara Malaysia ialah kewujudan satu iklim komplementar di antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, dan bukan salah satu cuba mendominasi yang lain. Kekuatan dan kepentingan bahasa Inggeris perlu diimbangi oleh kemampuan penggunaan bahasa Melayu dalam semua bidang dan sektor. Kita akui bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah dijadikan bahasa utama dalam sistem pendidikan kebangsaan dan sebagai alat komunikasi sosial, namun proses pembudayaan bahasa Melayu sebagai

pemancar alam pemikiran sains dan teknologi dan sebagai media utama dalam kegiatan memajukan ekonomi dan perusahaan negara Malaysia masih belum menjadi kenyataan.

Walau bagaimanapun, usaha untuk memperkukuh bahasa Melayu ke tahap yang lebih maju perlu diteruskan, bahkan sewajarnya menjadi strategi perancangan bahasa seterusnya yang bersifat lebih dinamik dan terbuka kepada segala kemungkinan baru, terutamanya dengan berlakunya kemajuan teknologi komputer dan ledakan maklumat yang demikian pesat dewasa ini.

Krisis Budaya

Pernah disebut-sebut bahawa kegagalan bahasa Melayu setakat ini dalam menangani fungsinya sebagai bahasa sains dan teknologi adalah disebabkan status quo bahasa itu sendiri yang, kononnya, menurut Joshua Fishman, seperti yang dilaporkan oleh Hassan Ahmad (1996) hanya memenuhi fungsi *nationalist* dan tidak fungsi *nationalist*. Katanya, fungsi nasionalis hanya cukup untuk memenuhi keperluan ideologis atau keperluan kebangsaan, manakala fungsi nasionis menonjolkan sifat pragmatik bahasa itu, seperti berkemampuan menjadi wahana memajukan dan membangun negara. Fishman beranggapan bahawa dalam sebuah negara yang baru membangun diperlukan dua bahasa, yang masing-masing mempunyai fungsinya yang tersendiri, iaitu bahasa pribuminya yang biasanya dijadikan bahasa kebangsaan, dan hanya memainkan peranan yang simbolik. Bahasa yang demikian dibina sekadar untuk tujuan dan matlamat kebangsaan, seperti menjadi lambang jati diri negara dan sebagai alat perpaduan. Sebaliknya, bahasa yang diperlukan untuk memenuhi tugas pragmatik, seperti dalam pengendalian bidang ekonomi, perindustrian, dan bidang sains dan teknologi ialah bahasa yang telah dianggap sebagai bahasa moden, bahasa maju atau bahasa bertaraf antarabangsa, seperti bahasa Inggeris. Pandangan Fishman ini, yang tidak semestinya benar, membawa kesan yang cukup negatif kepada usaha untuk menjadikan sesuatu bahasa kebangsaan, seperti bahasa Melayu, sebagai bahasa yang dapat dibina untuk melakukan tugas-tugas pragmatik itu. Pandangan seperti yang dikemukakan oleh Fishman juga menyebabkan sesetengah pihak di Malaysia menganggap bahasa Melayu hanya penting untuk memenuhi tugas nasionalisnya,

sesuai sekadar untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum, bahasa, dan agama, dan tidak berupaya untuk menghadapi kemajuan ilmu sains dan teknologi yang kini melanda dengan pesatnya. Untuk mengejar kemajuan dan untuk dapat menangani perkembangan ilmu sains dan teknologi yang terkini dicadang kita kembali menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi untuk bidang tersebut, walaupun bahasa Melayu telah selama ini terbukti digunakan dengan jayanya untuk mengeluarkan golongan profesional, baik bidangnya perubatan, kejuruteraan, sains tulen, perundangan, sains komputer, ekonomi, dan sebagainya.

Kecenderungan atau nostalgia untuk kembali keseronokan mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris (itupun, umumnya, bahasanya sekadar bentuk creole) di kalangan umum, oleh Rustam A. Sani (1996) dikatakan sebagai satu krisis budaya. Justeru wujud liberalisasi budaya dan dasar bahasa yang mulai dilonggarkan, maka "pintu empangan pencemaran budaya" dikhuatiri akan pecah. Malah tanda-tanda "pintu empangan pecah" itu kini telah kelihatan di sana sini. Contohnya, orang kembali secara ghairah menamakan kawasan-kawasan perumahan dan bangunan, nama-nama syarikat, hotel, bank, sekolah-sekolah swasta, tempat lipur dengan nama-nama yang berbau atau membawa unsur asing, dengan alasan, kononnya, nama-nama yang demikian, yang ala kebaratan itu lebih bersifat global, manakala nama-nama yang bercirikan kebangsaan dikhuatiri terlalu ketimuran, kurang memukau pelanggan, malah dikatakan akan menyulitkan untuk tujuan hubungan antarabangsa. Kejadian yang terbaru yang melibatkan penamaan jawatan dan pangkat dalam perkhidmatan polis oleh pihak polis di Malaysia adalah salah satu fenomena "pencemaran" bahasa akibat berlakunya "budaya empangan pecah" itu.

Cabaran Global dan Teknologi Maklumat

Kita tidak menafikan bahawa dunia tidak akan menanti kita untuk terus maju; malah apa yang dikatakan gagasan kampung global itu kini mulai menjadi kenyataan. Memang manusia telah berhasrat dan berazam bahawa setamatnya perang dunia kedua dahulu, mereka bercita-cita untuk mencipta sesuatu yang menelurkan kebaikan daripada bahan/tenaga nuklear. Tenaga

tersebut yang telah membantu menamatkan peperangan dengan pemusnahan dua buah bandar di Jepun, dikatakan oleh para saintis boleh membawa kebaikan kiranya dapat dikawal untuk menghasilkan tenaga yang lebih positif, seperti dapat menjana kuasa elektrik. Malangnya, hingga ke hari ini, manusia masih belum dapat menguasai tenaga yang berpotensi mega itu. Tegasnya, era nuklear yang dibayangkan itu masih terus dalam bayangan. Yang tidak disangka-sangka menjelang ialah era komputer dan era maklumat.

Teknologi maklumat (TM, atau yang lebih dikenali dengan singkatan dalam bahasa Inggerisnya, IT), terutamanya pada orang awam, sinonim dengan komputer. Pada mulanya komputer, sebagaimana asal kata akar perkataan itu, *compute* (kira), ialah satu teknologi yang dicipta khas untuk melakukan pengiraan dengan operasi $+$, $-$, \times , \div sahaja, iaitu sebagai alat bantu seseorang yang ingin menyelesaikan masalah-masalah matematik dengan lebih cepat dan pengiraan yang berulang-ulang, yang jika dilakukan oleh manusia akan menjemukan, mungkin berpuluh tahun atau mungkin tidak sempat selesai hingga ke akhir hayat. Namun, kini, istilah komputer sendiri sudah berubah kerana fungsinya dan teknologinya yang amat berbeza daripada komputer, katalah, sebelum tahun 1980 sahaja, apatah lagi sebelum itu! Dengan begitu banyak keluaran (produk) dikomputerkan, tidaklah menghairankan jika soalan, "apakah komputer?" mendapat jawapan-jawapan yang mengelirukan. Mulanya, ciri pentakrif komputer ialah adanya operator mengawal; tetapi kini pengguna mesin yang dikomputerkan tiada lagi kawalan yang seperti itu; mesin itu berfungsi tanpa sebarang input daripada operator. Apakah teknologi maklumat atau ringkasnya, TM?

Mengikut *British Advisory Council for Applied Research and Development* (dalam *Report on Information Technology*, H.M. Stationery Office, 1980), yang penulis petik dan terjemah daripada kertas Tg. Mohd. drk (1993), teknologi maklumat (TM) ialah

"disiplin sains, teknologi dan kejuruteraan serta teknik pengurusan yang digunakan dalam menangani maklumat dan pemprosesan; kegunaannya; komputer dan interaksinya dengan manusia dan mesin; dan hal-ehwal sosial, ekonomi dan budaya yang bersekutu dengannya".

Jelaslah betapa luasnya TM itu. Subbidang yang biasanya ialah sains komputer, elektronik komputer, kejuruteraan perisian, kejuruteraan komputer/sistem, teknologi komputer, komunikasi komputer, kejuruteraan komunikasi, kejuruteraan komunikasi, x-berbantu komputer (x = reka bentuk, pembuatan dan lain-lain lagi), sistem pakar, pintaran buatan (PB, atau yang lebih dikenali dengan singkatan Inggerisnya, AI), sains maklumat, sains perpustakaan, pengurusan sistem. Pada amnya, TM bolehlah dibahagi kepada dua kategori iaitu yang bersifat kejuruteraan atau teknologi yang dirujuki di sini sebagai TM *liat* dan yang lainnya sebagai TM *lembut*

Ragam Penjelmaan TM

Keluaran dalam bidang TM amatlah pesat berbanding dengan bidang-bidang lain: kelajuan dan keupayaan komputer dianggarkan 2 kali ganda setiap 2 tahun. Contoh super-komputer yang terbaru boleh melaksanakan 10 bilion pengiraan sesaat (*Berita Harian*, 10 Nov. 1993). Super-komputer di Malaysia, iaitu di UTM, mampu 3 bilion pengiraan sesaat. Pada masa yang sama harga komputer jatuh dengan cepat, sehingga membuatkan komputer (nadi TM) semakin cepat mampu dimiliki oleh lebih banyak pejabat, syarikat, organisasi, dan orang perseorangan. Kesannya ialah pada pengguna-/massa—di rumah, di tempat belajar/latihan, di tempat kerja, di tempat perkhidmatan, dan di tempat riadah, serta permintaan tenaga kerja yang membangun dan menyelenggara teknologi berkenaan. Di Malaysia, seperti yang dilaporkan dalam *NST (Computisme)*, 11 November 1993, agensi yang terbanyak menggunakan komputer ialah bank, diikuti oleh syarikat-syarikat petroleum dan gas, dan yang ketiganya, sektor awam (ada 30 ribu komputer (komputer peribadi, yang lebih dikenali dengan singkatan Inggeris, PC), 274 mini komputer, 109 kerangka utama). Kerangka utama yang pertama di Malaysia ialah IBM 360 di Lembaga Letrik Negara pada tahun 1965. PIKOM (Persatuan Industri Komputer Malaysia) menganggarkan kakitangan industri komputer di Malaysia bertambah 39% setahun.

Komputer di rumah, bukan sahaja di Malaysia, sebahagian besarnya berupa hiburan dan pendidikan kanak-kanak. Di Amerika, umpamanya hampir 40% komputer di rumah digunakan

untuk tujuan ini. Malah sistem multimedia (mikro-komputer yang disediakan dengan CD-ROM, TV, Stereo, VCR (*Video Cassette Recorder*), dan cakera laser) disediakan perisiannya di pasaran kini berupa separuh hiburan dan separuh pendidikan kanak-kanak. Komputer di tempat kerja (pejabat) menyebabkan pekerja mendengar lebih banyak idea dan lebih banyak sudut pandangan, lebih ramai orang mencapai data/maklumat, kepuasan kerja dan pengguna meningkat, begitu juga dengan daya pengeluaran. Lebih banyak maklumat dikongsi pada aras korporasi yang lebih rendah. Seorang pengurus *Apple Computer Inc*, di Seminar *Electronic Books* 1993, N. York berpendapat (NST, 4 Okt. 1993), lima tahun lagi semua buku yang terkenal kini akan berada dalam cakera, dan CD-ROM (*Compact Disk, Read only Memory*) menjadi keluaran industri penerbitan buku. Kehebatan perpustakaan disukai mengikut kehebatan TM-nya. Pendidikan dapat dilakukan dengan jarak jauh yang tidak kurang kesannya berbanding dengan cara tradisi menerusi rangkaian komunikasi dan pakej-pakej perisian komputer.

Penggunaan komputer bagi mereka yang menggunakan komputer peribadi pada sekitar 10 tahun yang lepas ialah pemprosesan perkataan (pengganti mesin taip dan penyuntingan manual), tetapi kini perisian perakaunan seperti helaian gebaran (*spreadsheet*), simpan-kira, dan inventori juga sudah tidak asing lagi.

Demikianlah se pantas lalu ragam penjelmaan TM yang begitu meluas meresapi ke segenap kehidupan manusia kini seperti yang diperihalkan dengan kesan penakjuban yang tinggi oleh Megan Barkume dalam makalahnya "*Computers: Instruments of Change*" yang terbit dalam *Occupational Outlook Quarterly/Winter 92/93* dan Ripley Hothch dalam makalahnya "*Communications Revolution*" *Nation's Business*, May 1993. Walau apapun, tidak syak lagi komponen TM yang cukup memberi kesan yang besar kepada kemanusiaan ialah *sistem pakar* (perisian maklumat, pengetahuan, ilmu dan penyelesaian masalah-masalah rutin) dalam setiap bidang ilmu: *komunikasi* (rangkaihan dan video-sidang: DVTS (*Digital Video-Telephone System*), dan teknologi digit yang lain: pengiraan pena, CTI (*Computer Telephone Interface*), ISDN (*Integrated Services Digital Network*), IVDS (*Integrated Video and Data Services*), HDTV (*High Definition TV*); dan *perkhidmatan*.

Tidak syak lagi bahawa kewujudan pelbagai wahana komunikasi teknologi canggih ini dan limpahan perusahaan

maklumat akan terus memberi peluang kepada bahasa Inggeris untuk memperkukuh peranannya sebagai bahasa yang digunakan dalam dunia komunikasi antarabangsa ini. Namun, wajarkah kita membiarkan sahaja keadaan yang demikian ini berterusan? Apakah bahasa-bahasa lain, termasuk bahasa Melayu tidak punya tempat langsung dalam fenomena ledakan komunikasi dunia, terutama yang melalui internet itu? Kita tentunya mahu melihat bahawa pelancaran satelit MEASAT-1 baru-baru ini, dan usaha lain seperti *Utusan Malaysia Outline*, tapak Web akhbar elektronik Kumpulan Utusan melalui internet hanya akan memperkukuh penggunaan bahasa Inggeris sebagai media dan wahananya. Sebaliknya, kita harus berpendirian bahawa ilmu dan maklumat yang kita punyai, yang datang daripada kita sendiri, hendaklah dirakamkan dan didokumentasikan dalam bahasa kita sendiri, dan disebarkan juga melalui bahasa kita sendiri, dan sesiapa yang memerlukan maklumat dan ilmu itu harus belajar bahasa Melayu untuk dapat menterjemahkannya ke bahasa mereka sendiri. Kita pun harus melakukannya demikian. Kita perlu mempunyai kebolehan untuk menterjemah segala maklumat serta hasil kemajuan pelbagai ilmu sains dan teknologi dari dunia luar ke dalam bahasa kita sendiri dan menyebarkannya untuk masyarakat kita melalui bahasa sendiri.

Bahasa Melayu, sebenarnya, bukan sahaja dapat mempertahankan perkembangannya bahasa TM, bahkan boleh dipesatkan lagi perkembangannya melalui TM (walaupun terpaksa terus melawan arus deras kesejagatan bahasa Inggeris dan tarikan Tertib Dunia Baru atau Dunia Ekakutub) asalkan *kudrat politik dan kekuatan jiwa* kita masih ada. Memang benar, TM memberi motivasi dan kesedaran baru untuk kita mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris dengan lebih pantas dan berkesan, tetapi pada masa yang sama TM juga memberi banyak kemudahan teknologi untuk pemajuan bahasa Melayu. Untuk sekurang-kurangnya membuka langkah ke arah pemajuan tersebut, kami sarankan beberapa perkara yang berikut untuk renungan bersama, dan diharap dapat membuahkan tindakan:

- a) Setiap kelompok sarjana dan institusi yang terlibat dengan TM perlu mewujudkan perancangan strategi dan melaksanakan langkah memperbanyakkan bahan TM dalam bahasa Melayu.
- b) Perkembangan kolej-kolej swasta perlu disambut oleh universiti-universiti tempatan secara positif, seperti menawar-

kan program kembarnya sendiri dengan kolej-kolej swasta itu. Pada masa yang sama kerajaan bukan sahaja menggalakkan hal ini, tetapi perlu juga mensyaratkan kolej-kolej berkenaan supaya menggunakan/menjalankan sekurang-kurangnya 30% daripada kursusnya dalam bahasa Melayu. TM boleh membantu kolej-kolej tersebut melaksanakan keperluan ini dengan kerjasama universiti-universiti tempatan.

- c) Tiba masanya untuk ditubuhkan satu Institut Kejuruteraan Perisian Malaysia bagi menerbitkan keluaran-keluaran yang berfokuskan keperluan Malaysia, rantau Nusantara, Dunia Islam, dan seterusnya seluruh dunia. Perisian-perisian dalam bahasa Melayu diperlukan dalam pendidikan semua peringkat. Perisian-perisian ini, jika bermutu, tentunya akan mendapat pasaran di kawasan kita ini, dan di mana-mana jua. Sejauh mana kejayaan MIMOS (Malaysia Institute of Microelectronics System) dalam pembinaan perisian COMIL (Computer Integrated Learning) untuk pendidikan komputer di sekolah-sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sejak beberapa tahun yang lepas, belum kami maklumi. Namun, penubuhan Institut yang kami sarankan ini akan memperhebat kegiatan TM ala-Malaysia.
- d) Komputer berbahasa Melayu perlu dicipta supaya kita benar-benar dapat berkomunikasi dengan komputer dalam bahasa Melayu. Baru-baru ini sekumpulan ahli sains komputer di UKM telah mencipta komputer berbahasa Melayu yang diberi nama UKMI. Akan tetapi ini tentunya belum berjaya sepenuhnya sehingga dapat dipasarkan dengan seluas-luasnya.
- e) Dikatakan bahawa bahasa yang mempunyai sukukata dan bentuk perkataan yang panjang-panjang boleh membantut pemikiran dan kurang sesuai sebagai bahasa TM (lihat Mokhtar Mansor, 1991). Untuk ini kami cadangkan bahawa agar bahasa Melayu mencapai tahap yang lebih efisien, persis, tepat dan canggih, beberapa usaha penggubahan istilah kita disemak kembali. Perkembangan nasional dan politik negara kita serta kemajuan yang pesat yang telah kita capai, terutama dalam bidang ekonomi serta pendidikan (terutama bidang sains dan teknologi) tidak dapat tidak mempengaruhi arus kemajuan bahasa Melayu. Dasar kita harus bersedia memberi kelenturan dalam usaha pembinaan korpus bahasa Melayu

seterusnya, terutama yang melibatkan pembentukan istilah. Selama ini masih terdapat kecenderungan dalam penggubahan istilah kita untuk mempertahankan penggunaan imbuhan, khususnya, yang daripada jenis kata majemuk. Contohnya seperti yang berikut:

Istilah Sumber	Istilah MABBIM	Cadangan Kami
Silence	Kesenyapan	Senyap
Sequencing	Penderetan	Deret
Selection restriction	Pembatasan Pilihan	Batas Pilih
Devoicing	Penyahsuaraan	Nyahsuara
Balancing	Pengimbangan	Imbang
Balancing equation	Persamaan imbang	Sama imbang
Bibliothecal classification	Pengelasan perpustakaan	Kelas pustaka
Cease fire (order)	Berhenti menembak (perintah)	henti tembak (perintah)
Census enumeration	Penghitungan banci	Hitung banci
Centralized cataloguing	Pengkatalogan terpusat	Katalog pusat

Cadangan kami menggugurkan imbuhan dalam pembentukan istilah bukan sahaja akan memudahkan pembentukan, lebih ekonomis, bahkan merapakatkan lagi persamaan istilah kepunyaan negara anggota MABBIM. Dalam tradisi penggubalan istilah yang melibatkan bidang bukan sains, kecenderungan penciptaan istilah tanpa imbuhan, sebenarnya, sesudah dilakukan. Sebagai contoh, dalam bidang seni silat, terdapat istilah seperti *titi batang*, *buang luar*, *buang dalam*, *langkah maut*; dan dalam bidang sukan, terdapat istilah *lompat pagar*, *lompat jauh*, *tarik tali*, *lontar peluru*, *rejam lembing*. Walau bagaimanapun, istilah tanpa imbuhan tidak bererti kita mengetepikan sama sekali penggunaan imbuhan. Istilah yang digunakan dalam bentuk atau struktur frasa masih memerlukan penggunaan imbuhan yang tepat.

RUJUKAN

- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Semakan 1971)
- Barkume, M. 1993. *Computers: Instrument of Change: Occupational Outlook Quarterly/Winter 92/93*.
- Buku Panduan Fakulti Kejuruteraan 1993/94*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buku Panduan Fakulti Sains Matematik dan Komputer 1993/94*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid M. Onn. 1993. *Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Terus Menghadapi Cabaran*. Dewan Bahasa, Jld. 36, September.
- Farid M. Onn, 1995. *Mengantarabangsakan Bahasa Melayu: Nota Kepada MABBIM* dlm, Monograf Kumpulan Kertas Kerja Jld. 1, Kuala Lumpur: DBP, hal. 385--391.
- Hassan Ahmad. 1996. *Bahasa Industri Sebagai Pemancar Citra Bangsa dan Negara*, Seminar Dwitahunan Kedua, Jabatan Linguistik UKM-DBP, 16--17, Januari.
- Hothck, R. 1993. *Communication Revolution Nation's Business*, May.
- Mohd. Ali Kamaruddin, 1981. *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Yusof bin Hj. Othman, 1995. *Penulisan Sain dan teknologi dalam bahasa Melayu: Satu tinjauan semasa dan masa hadapan*. Konvensyen Penerbitan Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka: 4--6 Disember.
- Report on Information Technology*. 1980. British Advisory Council for Applied Research and Development, H.M. Stationery Office.
- Rustam A. Sani, 1996. *Penamaan Pangkat dan Krisis Budaya*, Kolum Isnin, Utusan Malaysia, 4 Mac.
- Shaharir bin Mohamad Zain, 1990. *Simbiosis antara Sistem Nilai dengan Sains Matematik*. Penerbit UKM.
- Shaharir bin Mohamad Zain, 1991. *Tahap Penghayatan Bahasa Melayu dalam Sains dan Teknologi*, Jurnal Dewan Bahasa, Des: 1038--1051.

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

1. Sidang : V dan VI
2. Hari/tanggal : Senin, 18 Maret 1996
3. Pukul : 16.15–18.00
4. Penyaji Makalah : 1. Awang Haji Abd. Ghani Haji Mohd. Yusuf
2. Prof. Dr. Haji Farid M. Onn dan Prof. Shahrir Mohd. Zain
5. Judul Makalah : 1. Pendidikan Komputer dan Bahasa Kebangsaan–Prospek dan Perspektif
2. Peranan Bahasa Melayu dalam Penyampaian Ilmu Pengetahuan dan Teknologi
6. Pemandu : Haji Jalil bin Mail
7. Sekretaris : Drs. H.A. Muthalib
8. Pencatat : 1. Drs. Yasnuar Asri, M.Pd.
2. Drs. Nursaid, M.Pd.

TANYA JAWAB

1. a. **Pandangan:** Puan Ainun binti Muhamad, Malaysia

Dunia global itu bukanlah sesuatu dunia yang homogen. Dia adalah dunia yang sangat kosmopolitan, sangat heterogen. Sains dan teknologi itu pun bukanlah datang dari satu bangsa saja dan tidak dimiliki oleh satu bangsa. Gambaran bahwa Inggris, apa-apa yang berasal dari Inggris, itu yang global adalah suatu propaganda. Dengan demikian, apabila kita menerima propaganda dari Inggris itu, kita akan menjadi pasaran yang tertawan pada produk-produk Inggris dan Amerika.

Mereka sedang meyakinkan kita bahwa Inggris itu adalah global, padahal kenyataannya bahwa dunia global itu sangat kosmopolitan. Bangsa-bangsa yang berjaya, misalnya, Jepun, Belanda, Jerman, sebagai bagian kosmopolitan itu masuk dengan menggunakan bahasanya masing-

masing. Ternyata negara-negara berkembang yang mencoba memasuki pintu global melalui bahasa asing belum satu pun berjaya.

b. **Tanggapan:** Prof. Dr. Haji Farid M. Onn, Malaysia

Saya setuju dengan pandangan Puan Ainun. Hal itu lebih menguatkan bahwa bahasa Melayu memang boleh menjadi bahasa sains dan teknologi. Teknologi maklumat ini pun bukan monopoli dari bahasa Inggris.

2. a. **Penanya:** Dr. Abdul Gani Asyik, M.A., Universitas Syiah Kuala

Tujuan adanya Mabbim adalah untuk menghilangkan perbedaan di antara ketiga negara ini. Namun demikian, saya melihat di masing-masing negara anggota Mabbim mempunyai peristilahan bermacam-macam. Saya khawatir masing-masing negara anggota Mabbim ini menciptakan istilah yang berbeda dalam konsep yang sama. Saya kira hal ini perlu dipikirkan kembali.

b. **Jawaban**

Kita akui bahwa kerja yang dipusatkan di Mabbim ini tidak mungkin menghasilkan 100% persamaan istilah di kalangan tiga negara anggota. Hal itu tidak mudah karena kebiasaan di masing-masing negara dalam menggunakan istilah. Di dalam kerja Mabbim, negara anggota bersepakat untuk melalui tiga tahap.

- 1) Ada tahap yang sama betul di masing-masing negara anggota dengan kode A.
- 2) Ada tahap yang sebenarnya sama tetapi ada sedikit perbedaan ejaan dengan kode B.
- 3) Ada tahap yang harus kita akui berbeda di masing-masing negara anggota dengan kode C.

Anggota negara Mabbim terus berusaha untuk mencapai tahap A.

3. a. **Penanya:** Ir. Haryanto, M.S., Institut Pertanian Bogor
Dalam konteks pendidikan bahasa melalui komputer,

saya melihat persoalan lain, yaitu bahwa komputer itu dibuat dan diprogram melalui bahasa lain (bahasa Inggris) yang perlu pemahaman kita lebih lanjut. Bagaimana menurut pemakalah tentang hal itu?

- b. **Jawaban:** Awang Haji Abd. Ghani Haji Mohd. Yusuf

Kita harus berupaya untuk memprogramkan komputer ini melalui bahasa Melayu sehingga bangsa kita lebih mampu dari bangsa lain. Caranya adalah dengan mengintegrasikan kedua bidang itu (pendidikan komputer dan bahasa kebangsaan).

4. a. **Penanya:** drg. Lina Natamiharja, S.K.M., Universitas Sumatera Utara

Bagaimana kondisi pelajar dalam mempelajari bahasa kebangsaan di Brunei Darussalam?

- b. **Jawaban:** Awang Haji Abd. Ghani Haji Mohd. Yusuf

Kondisi sekarang cukup menggembirakan, namun masih ada kendala-kendala lain, yaitu peserta didik perlu diperkenalkan dengan istilah-istilah komputer terlebih dahulu karena istilah itu berasal dari bahasa lain.

5. a. **Penanya:** Prof. Abdulkadir Muhamad, S.H., Universitas Lampung

Apa usaha pemerintah untuk menjadikan bahasa Melayu tetap jaya dalam era lajunya perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi sekarang?

- b. **Jawaban:** Prof. Dr. Haji Farid M. Onn

Usaha pemerintah Malaysia untuk menjadikan bahasa Melayu tetap jaya adalah dengan menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa pengantar di dalam dunia pendidikan untuk menyampaikan informasi tentang IpTek itu sendiri.

VII

DESIDERATA INDONESIANA: SEBUAH TESAURUS UNTUK BAHASA BANGSA TERCINTA ...

Mien A. Rifai

*Kantor Menteri Negara Riset dan Teknologi
Indonesia*

Pendahuluan

Dalam menyadur kakawin *Nagarakertagama* guritan Mpu Prapanca menjadi naskah buku *Desawarnana* yang berbentuk prosa untuk bacaan remaja (Rifai 1996), serta ketika mencoba menerjemahkan lakon *Othello* adiknya Shakespeare, ketiadaan tesaurus dalam bahasa Indonesia sangat dirasakan sekali. Kekayaan kosakata memang akan diperlukan untuk menghindari kebosanan remaja calon pembaca *Desawarnana* oleh pengulangan suatu kata berkali-kali, serta untuk menyampaikan ide yang bernuansa serupa tetapi tidak sama. Seandainya tersedia tesaurus bahasa Indonesia, dengan mudah penggunaan kata 'dinobatkan' yang dalam kakawin itu memiliki beberapa rona makna akan dapat diselang-seling oleh penggilirnya seperti ditabalkan, ditahtakan, dimahkotakan, dirajakan, diratukan, dipersembah, atau bahkan dipersemayamkan, di samping dilantik, dikukuhkan, disumpah, didudukkan, atau diresmikan, serta ungkapan sejenis seperti diangkat, ditunjuk, dipilih, ditugaskan dan diberi mandat. Menurut suatu analisis (Empson 1951) ide 'kejujuran' yang dibayangkan Shakespeare dalam lakon *Othello* mengemban makna yang sangat mendalam dan memiliki pengertian yang berbeda-beda sehingga kisaran artinya mampu mencitrakan watak belasan pelaku tragedi tersebut. Oleh karena itu akan diperlukan khasanah kosakata yang kaya raya untuk dapat menangkap dan mengungkapkan secermat-cermatnya semua corak maksud yang diwakilinya seperti diinginkan penulis lakon ulung tersebut. Harus diakui bahwa untuk bahasa Indonesia sudah ada *Kamus Sinonim Bahasa Indonesia* susunan Kridalaksana (1984), tetapi karena sudah terbiasa memanfaatkan sepenuhnya

457	stabilohorizontal (PEN,36)	Tek	-	-	-	-	-	-	-	-
458	stalagmit (ASC,75)	Geol	-	-	-	stalagmit (1219)	-	-	-	stalagmit (93)
459	stalektit (ASC,75)	Geol	-	-	-	stalektit (1219)	-	-	-	stalektit (93)
460	stasiun radar (ASC,68)	Tek	-	-	-	-	-	-	-	-
461	stratokumulus (ASC,53)	Met	-	-	-	-	-	-	-	-
462	stratosfer (PEN,85)	Met	stratosfir (560)	stratosfir/fer (387)	stratosfer (965)	stratosfera (1240)	stratosfer (860)	stratosfer (1357)	stratosfir (527)	-
463	stratum kedap air (ASC,80)	Met	-	-	-	-	-	-	-	-
464	stratum telap air (ASC,80)	Met	-	-	-	-	-	-	-	-
465	stratus (ASC,53)	Met	-	-	-	-	stratus (860)	stratus (1357)	-	-
466	studi (serus) (PEN,6)	-	penyelidikan (563)	-	studi (965)	pengujian, kajian, penelitian, telaah penyelidikan, telaah (1246)	studi, kajian, telaah, penelitian, penyelidikan ilmiah(860)	kajian, telaah, penelitian yg bersifat ilmiah (1358)	studi (527)	-

467	supercarjer (PEN,80)	Tek	pompa kompresor (569)	-	-	pencas lampu (1259)	-	-	-	-
468	superago (PKR,86)	Psi	-	-	-	-	superego (1379)	-	-	-
469	supersonik (PEN,7)	Fis	supersonik (569)	-	supersoonik (977)	supersonik (1261)	supersonik (872)	supersonik (1379)	-	-
470	talamotomi (PKR,63)	-	-	-	-	-	-	-	-	-
471	talik putri (EKO,110)	Bot	-	-	-	-	-	-	talik putri (544)	-
472	tanaman hias (EKO,123)	Bot	-	tanaman hias (405)	-	-	-	-	-	-
473	tangkur naga (EKO,122)	lkh	unduk-unduk (507)	tangkur (409)	tangkur, unduk-unduk (1016)	unduk-unduk (1119)	tangkur, unduk unduk (900)	tangkur, unduk-unduk, kuda laut (1431)	tangkur (552)	-
474	tata surya (ASC,5)	Ast	tata surya (538)	-	tata surya (1025)	-	tata surya (906)	tata surya (1442)	tata surya (585)	-
475	Taurus (ASC,34)	Met	Virisaba (580)	-	-	-	-	-	-	-
476	tekanan atmosfer (ASC,43)	Met	tekanan udara (445)	tekanan udara (415)	tekanan udara (1034)	tekanan udara (75)	tekanan udara (915)	-	tekanan udara (560)	-
477	teleskop cermin (ASC,105)	Tek	-	-	-	-	-	-	-	-
478	teleskop optik (ASC,104)	Tek	-	-	-	-	-	-	-	-
479	teleskop pembias (ASC,104)	Tek	-	-	-	-	-	-	-	-
480	teleskop radio (ASC,104)	Tek	teleskop radio (462)	-	-	-	-	-	-	-
481	teleskop (ASC,29)	Tek	teleskop (582)	teleskop (417)	teleskop (1038)	teleskop (1292)	teleskop (919)	teleskop (1460)	teleskop (562)	-
482	tentakel (EKO,113)	Ana	alat perabai/perasa (581)	-	-	tentakel (1299)	-	-	-	-
483	terak (ASC,82)	Geol	terak (114)	terak (424)	terak (1057)	arang kayu (192)	terak (934)	-	-	terak (96)
484	terapi kerja (PKR,72)	Psi	-	-	-	-	-	-	-	-
485	teras bumi (ASC,72)	Geol	-	-	-	-	-	-	-	-
486	teritip (EKO,112)	lkh	teritip (34)	teritip (Urogymnus) (426)	teritip (1061)	teritip (95)	teritip (938)	teritip (1491)	teritip (571)	-
487	terowongan angin (PEN,15)	Avi	-	-	-	-	-	-	-	-
488	terumbu koral (ASC,98)	Geol	batu karang ... (147)	terumbu karang (427)	terumbu (1064)	terumbu krang (270)	terumbu (940)	-	-	terumbu koral (96)
489	tes inteligensi (PKR,130-131)	Psi	-	-	-	-	-	-	-	-
490	testosteron (PKR,177)	-	-	-	-	-	-	-	-	-
491	tipuan mata (PKR,15,50)	Psi	-	-	-	-	-	-	-	-
492	Titanium (ASC, 32)	Ast	-	-	-	-	-	-	-	-
493	titanium (PEN,7)	Min	-	-	-	titanium (1326)	titanium (1090)	-	titan (580)	-
494	titik balkl (musim) (ASC, 11)	Met	garis balkl (604)	-	-	garisen (1352)	titik balkl (953)	-	-	-
495	titik jenuh (ASC,50)	Met	titik jenuh (501)	-	-	takat tepu (1104)	-	-	titik jenuh (580)	-
496	torani (KDA,10)	lkh	-	-	-	-	torani (958)	-	-	-

497	transonk (PEN,56)	Avi	-	-	-	-	-	-	-	-
498	trauma (160)	Psi	-	-	-	-	-	-	-	-
499	trauma (PKR,160)	Psi	-	-	-	-	-	-	-	-
500	trikadekafobia (PKR,60)	Psi	-	-	-	-	-	-	-	-
501	triknosis (EKO,110)	Pat	penyakit yang ... (603)	-	-	-	-	-	-	-
502	Triton (ASC,32)	Ast	-	-	-	-	-	-	-	-
503	troposfer (ASC,41)	Met	-	-	-	-	-	-	-	-
504	tudung kutub (ASC,28)	Geol	tudung kutub (437)	-	-	-	-	-	-	-
505	tundra (EKO,186)	Bot	-	-	-	tundra (1357)	tundra (972)	tundra (1554)	-	-
506	turbin (PEN,83)	Tek	turbin (607)	-	turbin (1109)	turbin (1358)	turbin (975)	turbin (1561)	turbin (596)	-
507	turbofan (PEN,84)	Avi	-	-	-	-	-	-	-	-
508	turbojet (PEN,82)	Avi	turbojet (607)	-	-	-	turbojet (975)	turbojet (1561)	-	-
509	turboprop (PEN,84)	Avi	turboprop (607)	-	-	-	-	-	-	-
510	tusam-tusaman (TTB,15)	Bot	camaraleru [= spruce & pine] (548 & 438)	tusam (465)	tusam (P. merkusi JUNGH & D.YR) (1112)	tusam [= pinus, P. merkusi; eru, C. equisetifolia] (977)	tusam (977), eru [= C. equisetifolia] (236), pinus [P.merkusi] (687)	-	kayu tusam (267)	-
511	udang ronggeng (EKO,127)	lkh	-	-	-	-	-	-	-	-
512	umbra (ASC,9)	Geof	-	-	-	-	-	-	-	-
513	Umbriel (ASC, 32)	Ast	-	-	-	-	-	-	-	-
514	Uranus (ASC,5)	Ast	-	-	-	-	Uranus (995)	-	-	-
515	Ursa Mayor (ASC,35)	Ast	bintang biduk/jung (624)	-	-	-	-	-	-	-
516	Ursa Minor (ASC,35)	Ast	-	-	-	-	-	-	-	-
517	usia kronologis (PKR,130)	Psi	-	-	-	-	-	-	-	-
518	vakuola (TTB,99)	Bio	-	-	-	-	-	-	-	-
519	Venus (ASC,5)	Ast	bintang Johar, Zohral (628)	-	-	-	Venus (1002)	Venus (1609)	-	-
520	Virgo (ASC,34)	Ast	bintang mayang (630)	-	-	-	Virgo, bintang mayang (1003)	Virgo, 1611	Virgo (609)	-
521	viskositas (PEN,73)		sifat meretak/kentl (631)	viskositer (478)	-	kepekatin, kekentalan (1406)	viskositas (1004)	-	-	-
522	waktu standar [dunia] (ASC,14)	Ast	waktu tolak (552)	-	-	waktu piawai (1323)	-	-	-	-

523	wawasan (EKO,186)		kerajaan (468)	wawasan (482)	wawasan (1150)	kerajaan, wawasan (1008)	wawasan (1010)	wawasan (1624)	-
524	widyawisata (TTB,10)		darmawisata, karyawisata (239)	-	-	-	widyawisata (1011)	widyawisata (1026)	widyawisata (614)
525	xenofobia (PKR,60)	Psi	-	-	-	-	xenofobia (1014)	xenofobia (1631)	-
526	xenon (ASC,40)	Min	-	-	-	-	xenon (1014)	xenon (1631)	-
527	Yupiter (ASC,5)	Ast	Musytari (338)	-	-	Musytari (666)	-	-	-
528	zafir(PEN,53)	Fis	zat cair (249)	-	-	bendalir (491)	-	-	zafir (617)
529	zaman kuartar (ASC,101)	Geol	-	-	-	-	-	-	Zaman Kwartar (100)
530	zat hara (TTB,80)	Kim	bahan gizi (399)	-	-	sesuatu yg mengandung khasiat (837)	zat hara (1017)	-	-
531	zenit (ASC,10)	Ast	zenith (660)	-	zenit (1154)	bagian langit ... (1456)	zenit (1018)	zenit (1637)	zenit (618)
532	zeppelin (PEN,33)	Avi	zeppelin (660)	-	-	-	-	-	-
533	zona waktu (ASC,14)	Ast	-	-	-	-	-	-	-
534	zoogeografi (EKO,20)	Eko	-	-	-	-	-	-	-
535	(kekakuan) lateral (PEN,21)		lateral (349)	-	-	pada sisi (648)	lateral (502)	lateral (778)	-
536	(foto) stroboskopik (PEN,45)		-	-	-	-	-	-	-
537	(gejala) fisika (_ EN,31)		-	-	-	-	-	-	-
538	(gerak) akrobatik (PEN,37)		akrobatis (9)	-	-	seperti akarobat (15)	akrobatik (16)	akrobaatik (25)	-
539	(gerak) giroskopik (PEN,79)	Avi	-	-	-	-	-	-	-
540	(hak) paten (PEN,24)	Huk	paten (421)	-	paten (717)	paten (893)	hak paten (292)	hak paaten (485)	paten (413)
541	(hutan) pekuruh (EKO,186)	Bot	yang berganti daun (168)	-	-	yang ... luruh (331)	pekuruh (539)	pekuruh (837)	pekuruh (352)
542	(impian) panggah (PEN,10)		-	-	-	-	-	-	-
543	(mesin) torak (PEN,7)	Tek	-	torak (455)	-	omboh (915)	torak (958)	torak (1530)	torak (585)
544	(minyak) pelumas (PEN,79)		minyak pelumas, minyak lincir (367)	lumas (223)	-	minyak pelcin, minyak pelincir (744)	pelumas (536)	pelumas (833)	pelumas (351)
545	(panelitian scr) ekstensif (PEN,13)		ekstensif (226)	-	ekstensif (269)	luas (452)	ekstensif (223)	ekstensif (378)	ekstensif (155)
546	(perbaikan) mekanis (PEN,28)		-	mekanis (240)	mekanis (641)	jentera, spt jentera, otomatis (733)	otomatis mnr kerja mesin, berhub dng mesin (570)	secara mesin, mnr cara kerja mesin (882)	mekanis (367)

547	[robot] pelampung (ASC,68)	Tek	-	-	-	-	-	-	-
548	[taraf] embrional (PEM,7)		-	-	-	-	-	-	-
549	[tetumbuhan] inang (EKO,110)	Eko	-	inang (134)	inang (377)	tuan rumah (589)	inang (328)	inang (531)	inang (221)
550	[tetumbuhan] runjung (TTB,15)		pohon jarum (138)	runjung [konisch] (336)	-	konifer (247)	runjung [= berbentuk spt kerucut] (760)	bentuk ...spt kerucut (1188)	runjung (468)
551	[unsur] stabilitas (PEN,12)		stabilitas (550)	-	stabilitas (964)	kestabilan, kemantapan, kekukuhan (1216)	stabilitas (857)	stabilitas (1354)	stabilitas (526)
552	[wawasan] Australia (EKO,187)	Eko	Australia (46)	-	-	-	-	-	-
553	[wawasan] Ethiopia (EKO,187)	Eko	Etiopia (219)	-	-	-	-	-	-
554	[wawasan] Nearktik (EKO,186)	Eko	-	-	-	-	-	-	-
555	[wawasan] Neotropik (EKO,187)	Eko	-	-	-	-	-	-	-
556	[wawasan] Oriental (EKO,186)	Eko	Timur/Asia (408)	-	-	-	(ke)timuran (857)	oriental (630)	-
557	[wawasan] Paleartik (EKO,186)	Eko	-	-	-	-	-	-	-

Lampiran 2

SKALA WAKTU GEOLOGI

KURUN	MASA	ZAMAN	Kala	Kapan Mulai & Lamanya Thn	Perubahan dan Ciri
Fanerozoikum	Kenozoikum	Kuartar	Holosen	50.000	Gletser meleleh. Iklim hangat. Manusia menguasai bumi.
			Pleistosen	1.000.000	Lembaran es besar menutup belahan bumi utara. Mamalia menyebar. Manusia purba mencapai Eropa.
		Neogen	Pliosen	12.000.000	Gunung muncul di Amerika Barat. Mamalia bermigrasi ke benua-benua.
			Miosen	30.000.000	Gunung-gunung terbentuk. Mamalia meraja di bumi.
			Oligosen	40.000.000	Daratan menjadi lebih rendah. Muncul kuda dan gajah purba.
			Eosen	60.000.000	Laut hanya menutup sebagian kecil daratan. Mamalia berlimpah.
		Paleogen	Paleosen	?	?
	Mesozoikum	Kapur		130.000.000	Laut menyebar ke daratan. Tanaman berbunga muncul. Dinosaurius menghilang.
		Jura		170.000.000	Dinosaurius merajai bumi. Reptilia pterbang dan burung muncul.
		Trias		200.000.000	Reptilia merajai bumi. Muncul mamalia.
		Perm		235.000.000	Reptilia berkembang.
Fanerozoikum	Paleozoikum	Karbon		315.000.000	Iklim hangat, lembab menghasilkan hutan lebat yang akan menjadi batu bara. Reptilia dan serangga pertama muncul.
		Devon		350.000.000	Amfibi pertama dan hutan sikas muncul.
		Silur		375.000.000	Satwa penapas udara dan tumbuhan daratan muncul.
		Ordovisium		445.000.000	Kebanyakan daratan tertutup air. Ikan pertama muncul.
		Kambrium		550.000.000	Laut menyelimuti daratan. Terjadi perkembangan invertebrata.
Protozoikum				1.200.000.000	Terbentuk gunung. Terjadi letusan dahsyat memuntahkan lava. Muncul bunga karang.
Kriptozoikum	Arkeozoikum			2.000.000.000	Terbentuklah gunung-gunung. Banyak kegiatan gunung api. Ada tumbuhan dan binatang bersel tunggal.

DAFTAR SINGKATAN

ASC	Kodansha	<i>Alam Semesta dan Cuaca</i>	TP, Jakarta. 1980
Br.	Pustaka Alam/TLB	<i>Burung</i>	TP, Jakarta. 1980
EKO	Pustaka Alam/TLB	<i>Ekologi</i>	TP, Jakarta. 1980
ES	J.M.Echols - M. Shadily	<i>Kamus Inggris-Indonesia</i>	Gramedia, Jakarta. 1980
ESInd	J.M.Echols - M. Shadily	<i>Kamus Indonesia-Inggris</i>	Gramedia, Jakarta. 1989
Gng	Pustaka Alam/TLB	<i>Gunung</i>	TP, Jakarta. 1978
KBBI	PPPBI	<i>Kamus Besar Bahasa Indonesia</i>	PPPBI, Jakarta. 1988
KDA	Kodansha	<i>Kehidupan di dalam Air</i>	TP, Jakarta. 1980
KDW	Dewan Bahasa dan Pustaka	<i>Kamus Dwibahasa</i>	Kem. Pelajaran, Lumpur, 1979
OKR	Otto Karow-I.Hilgers-Hesse	<i>Kamus Bahasa Indonesia-Djerman</i>	O.H., Wiesbaden. 1962
PEN	Pustaka Ilmu/TLB	<i>Penerbangan</i>	TP, Jakarta. 1980
PRB	M.M.Purbo-Hadiwidjoyo	<i>Peristilahan Geologi</i>	ITB. Bandung. 1975
TTB	Pustaka Alam/TLB	<i>Tetumbuhan</i>	TP, Jakarta. 1982
TTBk	Kodansha	<i>Tetumbuhan</i>	TP, Jakarta. 1980
WJSP	W.J.S.Poerwadarminta	<i>Kamus Umum Bahasa Indonesia</i>	Balai Pustaka, Jakarta. 1976
YBD	J.S.Badudu - Moh. Zain	<i>Kamus Umum Bahasa Indonesia</i>	Sinar Harapan, Jakarta. 1994

DAFTAR PUSTAKA

- Benignus, FSC, PhD
Brugger, W
De Groot, A.W.
Nature, Knowledge & GOD
Philosophisches Woerterbuch
Woordgroep & Kategorieen v. Synt.
Syntaxis, Eenbeden, dl Str.
- Dewan Bahasa dan Pustaka
Kamus Dwibahasa
- Fisher, R.B.
Science, Man & Society
- Gericke, J.F.C.-T.Roorda
J.M.Echols - M. Shadily
J.M.Echols - M. Shadily
J.S.Badudu - Moh. Zain
Javaansch-Nederduitsch Handwoordenboek
Kamus Inggris-Indonesia
Kamus Indonesia-Inggris
Kamus Umum Bahasa Indonesia
- Kodansha
Kodansha
Kodansha
LON
M.M.Purbo-Hadiwidjoyo
Otto Karow-I.Hilgers-Hesse
Overdiep, G.D.-G.A.van Es
PPPBI
Pustaka Alam/TLB
Pustaka Alam/TLB
Pustaka Alam/TLB
Pustaka Alam/TLB
Pustaka Ilmu/TLB
Roolvink, R.
U. of Chicago Press
W.J.S.Poerwadarminta
Alam Semesta dan Cuaca
Tetumbuhan
Kehidupan di dalam Air
Bahan Makanan Dari Laut
Peristilahan Geologi
Kamus Bahasa Indonesia-Djerman
Beknopte Stilistische Grammatica
Kamus Besar Bahasa Indonesia
Gunung
Ekologi
Tetumbuhan
Burung
Penerbangan
Voorzetsels in Klassiek & Modern Maleis
A Manual of Style
Kamus Umum Bahasa Indonesia
- Bruce, Milwaukee. 1947
Herder, Freiburg. 1976
D.Haag. 1949
- Kem. Pelajaran,
K.Lumpur, 1979
Saunders, Philadelphia.
1975
A'dam. 1875
Gramedia, Jakarta. 1980
Gramedia, Jakarta. 1989
Sinar Harapan, Jakarta.
1994
TP, Jakarta. 1980
TP, Jakarta. 1980
TP, Jakarta. 1980
LIPI, Jakarta. 1973
ITB. Bandung. 1975
O.H., Wiesbaden. 1962
Zwolle. 1945
PPPBI, Jakarta. 1988
TP, Jakarta. 1978
TP, Jakarta. 1980
TP, Jakarta. 1982
TP, Jakarta. 1980
TP, Jakarta. 1980
Dokkum, 1948
Chicago, 1969
Balai Pustaka, Jakarta.
1976

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

1. Sidang : IX
2. Hari/tanggal : Selasa, 19 Maret 1996
3. Pukul : 10.15—11.15
4. Penyaji Makalah : Drs. Willie Koen
5. Judul Makalah : Memasyarakatkan Naskah Iptek Ditinjau dari Segi Lema Kamus
6. Pemandu : Prof. Abdullah Hassan
7. Sekretaris : Drs. Syukri Hamzah, M.Si.
8. Pencatat : Drs. Gusdi Sastra, M.Hum.

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Puan Ainun binti Muhamad, Malaysia

Buku *Time Life* bila diterjemahkan secara linguistik akan memakan biaya besar dan dengan cara yang dilakukan akan merugikan budaya karena adanya pemaksaan mengikuti aturan-aturan sponsor yang didasarkan pada aturan hak cipta. Apakah hal ini masih perlu?

- b. **Jawaban**

Bagaimanapun terjemahan itu penting karena ilmu selalu berkembang. Bagi kita yang ingin memasuki dunia ilmu merasakan terjemahan itu sangat perlu sehingga kita dapat mengikuti dan mengetahui perkembangan setiap bidang ilmu. Untuk memasukkan unsur-unsur budaya bahasa sasaran, kita memerlukan relasi yang bergantung pada relasi pribadi. Jadi, perlu adanya relasi antarpenerbit dan kita perlu menguasai bahasa asing.

2. a. **Penanya:** Ir. Haryanto, Institut Pertanian Bogor
 - 1) Ilmu tidak sama dengan iptek karena mempunyai

paradigma-paradigma tertentu. Memasyarakatkan iptek tidak hanya melalui terjemahan tetapi masih ada cara lain.

- 2) Masalah sekarang adalah banyaknya karya terjemahan untuk anak yang mempengaruhi budaya anak.
- 3) Ilustrasi dalam kamus perlu dipisahkan dengan penulisan kamus.

b. **Jawaban**

- 1) Istilah-istilah ilmiah belum dibakukan, belum ada kesepakatan para sarjana karena itu perlu ada tesaurus.
- 2) Untuk mendapatkan hasil yang optimal, kita usahakan mengambil dan memanfaatkan sarjana-sarjana dari berbagai bidang dan sekolah. Dengan demikian, kita mengharapkan terjadi benturan gagasan sehingga diperoleh gagasan baru yang merupakan gagasan terbaik.

3. a. **Penanya:** Dr. Diemroh Ihsan, Universitas Sriwijaya, Palembang

- 1) Apa kriteria jika dikatakan satu kurun waktu sebagai satu generasi bahasa?
- 2) Mengapa ada pernyataan bahwa "bahasa Indonesia Jawi" menunjukkan adanya bahasa Indonesia lain, khususnya dalam bidang bisnis?
- 3) Mengapa faktor penguasaan kebudayaan tidak termasuk syarat penerjemahan?

b. **Jawaban:**

(Waktu untuk menjawab habis, pertanyaan tidak dijawab)

**Peranan Bahasa Melayu dalam Pengembangan
dan Pemindahan Ilmu Sains dan Teknologi:
Kajian Kes di UPM, MARDI dan PORIM**

Amat Juhari Moain, Ph.D.
Universiti Pertanian Malaysia

Pendahuluan

Pada tahun 1969 iaitu selepas peristiwa 13 Mei yang berdarah itu, pemerintahan negara Malaysia diletakkan di bawah pemerintahan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan Parlimen Malaysia telah digantung (Goh Cheng Teik, 1971: 27). Banyak persoalan timbul, mengapa boleh berlaku peristiwa yang sedemikian dahsyat dan buruk itu. Gagasan-gagasan baru mula banyak bermunculan untuk mengatasi masalah yang ada dan juga langkah-langkah untuk mencegah daripada berlakunya lagi peristiwa di atas dari berulang lagi.

Salah satu daripada gagasan yang dilontarkan ialah pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan, yang mengutamakan bahasa kebangsaan (baca: bahasa Melayu) sebagai bahasa pengantar yang utama dan penggunaan bahasa tersebut secara sepenuhnya di dalam pentadbiran kerajaan serta meluaskan penggunaannya ke dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Para pencetus gagasan tersebut percaya bahawa bahasa kebangsaan boleh menjadi alat pengikat dan pemersatu bangsa Malaysia yang terpecah pada ketika itu. Gagasan ini telah ditanggapi secara positif oleh Dato' Abdul Rahman Yaakub, Menteri Pelajaran Pemerintahan MAGERAN pada ketika itu. Beliau secara berani telah mengisytiharkan supaya Dasar Pelajaran Baru dilaksanakan dengan segera. Dasar Pelajaran Baru berasaskan Laporan Dato' Abdul Razak (1956) dan Laporan Abdul Rahman Talib (1960) yang dikukuhkan oleh Akta Pelajaran 1961. Dasar ini menetapkan bahawa pada peringkat sekolah rendah hanya ada tiga aliran bahasa dengan bahasa kebangsaan (Melayu) sebagai aliran utamanya, sedangkan di sekolah menengah dan pengajian tinggi

hanya ada satu aliran sahaja iaitu kebangsaan. Dengan itu mulai 1 Januari 1970 Dato' Abdul Rahman Yakub telah menetapkan bahawa semua sekolah aliran Inggeris digantikan dengan aliran kebangsaan dengan dimulai daripada darjah satu dahulu. Setelah itu ditukar secara berperingkat-peringkat dari tahun ke tahun. Sejak itu penggunaan bahasa kebangsaan semakin semarak. Tambahan pula pada akhir tahun 60-an dan awal tahun 70-an beberapa buah universiti baru telah ditubuhkan seperti Universiti Pulau Pinang (sekarang USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Institut Teknologi Kebangsaan (sekarang UTM). Selain itu muncul juga beberapa buah institusi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Pusat Teknologi Makanan (sekarang digabungkan dengan MARDI), dan beberapa pusat penyelidikan lain yang muncul kemudian seperti Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), Lembaga Koko Malaysia serta Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) yang telah wujud sejak zaman penjajah lagi.

Perubahan dasar bahasa yang memberikan penekanan terhadap penggunaan bahasa kebangsaan di seluruh negara menjadikan bahasa Melayu dipelajari di banyak peringkat dan digunakan di pelbagai bidang, sama ada di sektor pendidikan mahupun di jabatan-jabatan kerajaan. Natijah daripada ini berlakulah proses penterjemahan di pelbagai sektor institusi pendidikan dan jabatan kerajaan untuk mengembangkan ilmu sains dan memindahkan teknologi dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Di beberapa buah universiti telah diterjemahkan nota-nota kuliah ke dalam bahasa Melayu sebab universiti-universiti yang berkenaan telah menjalankan dasar penggunaan bahasa Melayu secara berperingkat-peringkat sekalipun perencanaan tarikh penetapan pengubahan bahasa pengantar masih jauh lagi. Pada tahun 1983 ketika aliran sekolah Inggeris sudah tidak wujud lagi, penggunaan bahasa Melayu semakin meningkat di peringkat universiti. Keadaan yang sama berlaku di institusi-institusi penyelidikan. Banyak kegiatan telah dijalankan terutama dari segi penterjemahan buku dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu khususnya dari hasil-hasil penyelidikan, dan pemindahan teknologi dari peringkat tinggi ke peringkat yang dapat dicapai oleh masyarakat umum dan juga dari bahasa Inggeris ke bahasa

Melayu untuk dikembangkan dalam sektor yang lebih luas.

Dalam kertas kerja ini akan dibincangkan tiga buah institusi tempat berlakunya perubahan penggunaan bahasa dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu bagi mengembangkan ilmu sains dan pemindahan teknologi ke dalam masyarakat Malaysia. Tiga buah institusi yang berkenaan ialah Universiti Pertanian Malaysia (IPM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM).

Universiti Pertanian Malaysia (UPM)

Universiti Pertanian Malaysia ditubuhkan pada bulan Oktober 1971, hasil daripada gabungan Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dengan Kolej Pertanian Malaya, Serdang. Kedua-dua institusi ini pada asalnya dan juga setelah digabungkan menjadi satu menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Ia merupakan universiti yang berasaskan sains. Tiga buah fakulti yang mula-mula ditubuhkan di universiti ini ialah:

Fakulti Pertanian
Fakulti Perhutanan, dan
Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan

Kemudian setelah itu ditubuhkan fakulti-fakulti yang yang seperti berikut:

Fakulti Kejuruteraan
Fakulti Makanan dan Bioteknologi
Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar
Fakulti Perikanan dan Sains Samudera
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Fakulti Ekologi Manusia, dan
Fakulti Pengajian Bahasa Moden

Kesemua fakulti ini menawarkan program Bachelar Sains kecuali Fakulti Pengajian Pendidikan (Bachelar Pendidikan) dan Fakulti Pengajian Bahasa Moden (Bachelar Sastera). Oleh sebab

keadaannya begini maka penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya agak lambat berlaku di Universiti Pertanian Malaysia.

Sejarah Penggunaan Bahasa Melayu di UPM

Di Kolej Pertanian Malaya, bahasa kebangsaan menjadi mata pelajaran wajib bagi semua pelajar diplamanya baru bermula pada tahun 1968, iaitu setahun setelah diluluskan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Mata pelajaran lain semuanya diajar dalam bahasa Inggeris. Lama kemudian baru diperkenalkan penggunaan bahasa Melayu untuk pengajaran beberapa mata pelajaran dalam program diploma. Langkah ini diteruskan setelah kolej berkenaan menjadi universiti. Pada awal tahun 70-an kuliah-kuliah dalam bidang sains asas dan sains gunaan di peringkat diploma mula diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu secara berperingkat-peringkat. Selain itu pelajar-pelajar juga boleh memilih menjawab soalan peperiksaan sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Selepas itu langkah-langkah yang sama baru dijalankan di peringkat ijazah. Pada mulanya hanya dalam beberapa bidang ilmu tertentu seperti sosiologi, antropologi, pengembangan, sains asas, pendidikan, ekonomi asas dan lain-lain. Pada tahun 1983 apabila sekolah aliran Inggeris sudah selesai ditukar ke aliran Melayu, masih terdapat beberapa banyak bidang ilmu yang diajar dalam bahasa Inggeris iaitu seperti dalam bidang kedoktoran veterinar, perhutanan, kejuruteraan dan pengajian siswazah. Bidang-bidang ini pun kemudiannya berubah penggunaan bahasa pengantarnya dari semasa ke semasa tetapi agak lambat. Bahkan sampai sekarang masih ada lagi kursus-kursusnya yang diajar dalam bahasa Inggeris. Perubahan penggunaan bahasa tertumpu kepada tiga tugas utama universiti iaitu:

- a. pengajaran
- b. penyelidikan
- c. pengembangan

Pengajaran dan penyelidikan dijalankan oleh semua tenaga pengajar pada setiap fakulti. Pada pertengahan dan akhir tahun 80-an kebanyakan isi pelajaran dan kuliah telah ditukar bahasa pengantarnya ke bahasa Melayu. Ini bermakna pemindahan ilmu sains telah dilakukan dan pada beberapa bidang segi teknologi juga

telah disampaikan dalam bahasa Melayu.

Lain pula keadaannya dengan bidang penyelidikan. Bidang penyelidikan masih banyak menggunakan bahasa Inggeris. Ini disebabkan penyelidikan yang dijalankan melibatkan teknologi tinggi dan kebanyakan penyelidik pada awalnya adalah terdiri daripada tenaga-tenaga ekspatriat dan pengajar bukan Melayu serta pengajar-pengajar Melayu yang senior yang telah mengecap pendidikan dalam bahasa Inggeris atau di luar negara. Hasil-hasil penyelidikan mereka diterbitkan dalam bentuk buku dan juga dalam makalah ilmiah yang diterbitkan dalam jumlah rasmi universiti yang berjudul **Pertanika** atau jurnal-jurnal lain di dalam dan di luar negara. Sebahagian artikel dalam jurnal **Pertanika** adalah dalam bahasa Melayu iaitu terjemahan daripada teks Inggeris. Tujuannya ialah untuk mengembangkan dan memindahkan seins dan teknologi dari Inggeris ke bahasa Melayu.

Dalam bidang pengembangan, Universiti Pertanian Malaysia telah menumbuhkan sebuah institusi khas yang diberi nama Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan (PPPL). Tugas utama Pusat ini ialah menyampaikan dan mengembangkan ilmu sains dan pemindahan teknologi tentang pertanian dan bidang-bidang yang berkaitan dengannya ke dalam masyarakat. Oleh sebab hasil penyelidikan banyak yang ditulis dalam bahasa Inggeris, dan bersifat sangat ilmiah yang tidak terjangkau oleh kebanyakan masyarakat umum, maka PPPL diberi tugas menterjemhkannya ke dalam bahasa Melayu dengan bahasa yang mudah untuk disampaikan kepada para petani, peladang, peternak dan pekebun kecil. Usaha-usaha pengembangan ilmu sains dan pemindahan teknologi disampaikan menerusi pelbagai cara. Antaranya ialah:

- a. Mengadakan kursus-kursus dalam pelbagai bidang pertanian dan bidang-bidang yang berkaitan dengannya kepada pekebun kecil, para petani dan pegawai pertanian yang diadakan di Pusat Pengembangan. Kursus-kursus ini dijalankan dalam bahasa Melayu, dan diadakan banyak kali pada setiap tahun.
- b. Mengadakan kampung-kampung angkat terutama di Selangor dan Negeri Sembilan. Di kampung-kampung ini para pensyarah, pegawai dan pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia mengadakan kerja-kerja praktik, melatih para petani bertani, beternak, menguruskan pemasaran hasil pertanian dan

lain-lain. Selain itu para pensyarah dan pegawai Universiti Pertanian Malaysia juga memperkenalkan tanaman baru, kaedah baru dalam pertanian, cara-cara menjaga tanah, tanaman dan ternakan dan lain-lain. Begitu juga tentang kejenteraan ladang, perbelanjaan kewangan, pengurusan rumah tangga dan ekonomi rumah tangga. Maklumat-maklumat di atas asalnya dalam bahasa Inggeris sama ada daripada buku-buku dan risalah-risalah dalam bahasa Inggeris, hasil-hasil penyelidikan yang dilaporkan dalam bahasa Inggeris, mahupun daripada maklumat-maklumat yang lain-lain. Maklumat-maklumat itu diterjemahkan dari bahasa ilmiah ke bahasa biasa dan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.

- c. Penerbitan majalah-majalah yang berisi tulisan-tulisan dan artikel-artikel dalam pelbagai bidang ilmu untuk memindahkan ilmu kepada para petani, peladang, penternak, pengusaha pertanian dan penternakan. Antara majalah-majalah tersebut ialah:

- i. **Majalah Pengembangan**
- ii. **Warta Peladang**
- iii. **Beletin Pengembangan, dan**
- iv. **Risalah Ladang**

Sebagai contoh tentang kandungan majalah di atas, maka di sini diberikan kandungan **Majalah Pengembangan** Jil. 18, Bil 1, Jun 1995. Ia mengandungi artikel-artikel seperti berikut:

- Perubahan masyarakat dan kesukarelawanan
- Komunikasi Penulisan: Teori dan Model
- Analisis Strategi Komunikasi: Kempen Memakan Daging Arnab Peringkat Sekolah Menengah
- Konflik Peranan di Kalangan Wanita dalam Keluarga Dwikerjaya
- Program Pendidikan Dewasa
- Faktor-faktor yang Mempengaruhi Amalan Penggunaan Racun Rumpai
- Risiko Tanam Bawahan Kelapa Sawit
- Peranan Masjid dalam Program Pengembangan
- Wanita, Komputer dan Kerja
- Iklan Petrol Tanpa Plumbum
- Tanggapan Petani terhadap Kesan Pelancongan Tani
- Grapevine: Litar Pintasan Komunikasi

Dari senarai kandungan majalah di atas, jelas bahawa majalah ini telah menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya untuk mengembangkan maklumat dan memindahkan ilmu sains dan teknologi ke dalam masyarakat Malaysia.

- d. Hari Petani diadakan setahun sekali. Pada mulanya diadakan di kampus Universiti Pertanian Malaysia tetapi mulai 1995 ia diadakan di luar kampus terutama di kawasan kampung angkat Universiti Pertanian Malaysia. Dalam masa diadakan Hari Petani ini dipamerkan dan dipertunjukkan pelbagai jenis kegiatan pertanian yang terbaru untuk disampaikan kepada para petani dan pekebun kecil.
- e. Hari Ekspo Konvokesyen yang diadakan setahun sekali untuk selama empat hari. Dalam Ekspo ini diadakan pelbagai kegiatan pameran dan penjualan barang-barang dan hasil-hasil pertanian termasuk pameran, pertunjukan serta pengagihan risalah-risalah pertanian dan penternakan. Tujuan diadakan Ekspo ini adalah untuk menyampaikan dan memindahkan maklumat pertanian dan penternakan kepada masyarakat umum, khususnya para petani dan pekebun kecil.

Di samping Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan terdapat juga Penerbit Universiti Pertanian yang menerbitkan jurnal dan buku-buku ilmiah. Penerbit Universiti telah diwujudkan dari sejak tahun 70-an. Jurnal yang diterbitkan ialah **Pertanika** yang telah disebutkan sebelum ini. **Pertanika** telah mula diterbitkan dari sejak tahun 1978. Terdapat tiga jenis jurnal **Pertanika** iaitu:

- a. **Pertanika** yang berisi dengan artikel-artikel yang berkaitan dengan pertanian. Jurnal ini diterbitkan tiga kali setahun dari sejak 1978. Artikel-artikel di dalamnya tertulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Artikel-artikel yang dalam bahasa Inggeris diberikan sinopsisnya dalam bahasa Melayu.
- b. **Pertanika** yang berisi artikel-artikel dalam bidang sains dan teknologi. Jurnal ini mula terbit pada tahun 1992, dan terbit dua kali setahun.
- c. **Pertanika** yang berisi dengan artikel-artikel yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan kemanusiaan. Jurnal ini mula terbit pada tahun 1992, dan diterbitkan sebanyak dua kali setahun.

Bentuk dan isi jurnal **Pertanika** b dan c di atas adalah sama seperti **Pertanika** a. Yang berbeza ialah bidangnya sahaja.

Penerbit Universiti Pertanian juga menerbitkan buku Institusi Pengajian Tinggi. Sehingga ke saat ini lebih daripada 70 buah buku telah diterbitkan. Buku-buku ini ada yang berupa karya asli dan juga terjemahan. Sebanyak 25 buah adalah karya terjemahan yang diterjemahkan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Tujuan utama ialah untuk memindahkan maklumat tentang sains dan teknologi dari bahasa asing terutama Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Antara buku-buku terjemahan yang diterbitkan ialah:

- a. **Perakaunan Kewangan: Satu Pengenalan**
- b. **Kekuatan Bahan**
- c. **Kultur Ikan**
- d. **Patologi Tumbuhan Mikrobial**
- e. **Tumbaran dan Pengembangan Tumbuhan**
- f. **Unsur-unsur Fizik Nukleus**
- g. **Panduan Nelayan**
- h. **Patologi Ikan**
- i. **Aljabar Kolej**
- j. **Pengenalan kepada kulat dan lain-lain**

Buku-buku karya asli yang ditulis dalam bahasa Melayu, antara lain ialah:

- a. **Kalkulus Permulaan**
- b. **Kawalan Biologi**
- c. **Keluarga Virus Veterinar**
- d. **Kawalan Serangga**
- e. **Kitaran Perakaunan, dan lain-lain lagi.**

Daripada sebahagian senarai buku yang dipaparkan di atas jelas menunjukkan bahawa Universiti Pertanian Malaysia telah berusaha mengembangkan dan memindahkan ilmu sains dan teknologi ke dalam bahasa Melayu. Pada saat ini hampir semua kursus yang ditawarkan oleh Universiti Pertanian Malaysia diajarkan dalam bahasa Melayu kecuali beberapa kursus seperti dalam bidang kedoktoran veterinar, dan kejuruteraan yang masih dalam bahasa Inggeris.

MARDI

MARDI adalah singkatan bagi **Malaysian Agricultural Research and Development Institute** atau dalam bahasa Melayunya **Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia**. Institut ini telah ditubuhkan lebih daripada 20 tahun dahulu dan terkenal dengan nama singkatannya iaitu MARDI.

Objektif MARDI ialah membangunkan dan memindahkan teknologi yang dapat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saing ke arah mengkomersilkan aktiviti pengeluaran dan pemprosesan hasil pertanian di samping mengekalkan mutu alam sekitar (**Laporan Tahunan 1994: XIII**).

Fungsi utama MARDI ialah:

- a. menjalankan penyelidikan saintifik, teknikal, ekonomi dan sosial dalam pengeluaran, penggunaan, dan pemprosesan semua jenis tanaman (kecuali getah dan kelapa sawit) dan ternakan.
- b. Berkhidmat sebagai pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat dan khidmat nasihat tentang perkara-perkara saintifik, teknikal dan ekonomi yang berhubungan dengan perusahaan pertanian termasuk menerbitkan laporan-laporan terbitan berkala, jurnal-jurnal ikhtisas dan kertas kerja yang berkaitan dengannya;
- c. Menjadi pusat pakar perkhidmatan pengembangan dalam perusahaan pertanian;
- d. Memberi khidmat nasihat yang berkenaan dengan latihan kakitangan yang berhubungan dengan penyelidikan saintifik dan teknikal serta pengembangan;
- e. Memberi bantuan kewangan bagi tujuan penyelidikan saintifik asas dan gunaan, teknikal dan ekonomi yang berhubungan dengan perusahaan pertanian;
- f. Mengekalkan hubungan dengan organisasi-organisasi lain, sama ada sektor awam atau swasta dalam atau luar negara, yang terlibat dalam penyelidikan saintifik, teknikal, ekonomi dan sosiologi yang berkaitan dengan perusahaan pertanian;
- g. Menjalankan penyelidikan komersil dan pengeluaran untuk

memperkenalkan dan menggunakan hasil penyelidikan dengan lebih berkesan (*Laporan Tahunan 1994: XIII*).

Daripada senarai fungsi-fungsi atau tugas-tugas MARDI di atas jelas bahawa MARDI menumpukan kegiatan penyelidikannya terhadap semua jenis tanaman dan ternakan kecuali getah dan kelapa sawit. Penyelidikan getah (*Hevea brasiliensis*) ditangani oleh RRIM (Rubber Research Institute of Malaysia atau Institut Penyelidikan Getah Malaysia), sedangkan penyelidikan kelapa sawit diusahakan oleh PORIM (Palm Oil Research Institute of Malaysia atau Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia).

Antara tanaman-tanaman yang dikaji oleh MARDI ialah padi, pelbagai jenis buah-buahan seperti betik, jambu batu, nanas, rambutan, dan durian; tembakau, keledak, kelapa, koko, pelbagai sayur-sayuran dan termakan, Teknologi Kejuruteraan Pertanian, Teknologi Makanan dan lain-lain lagi.

Penyelidikan yang dijalankan di MARDI dilakukan oleh para penyelidik setempat dan luar negara yang berkelulusan dari peringkat Diploma hinggalah ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D.). Pada peringkat awal terdapat beberapa ramai pegawai penyelidik ekspatriat, tetapi kemudian tempat mereka ini diganti oleh para penyelidik setempat. Namun sebahagian para penyelidik yang berkelulusan tinggi (peringkat Ph.D.) mendapat latihan dari luar negara. Oleh hal yang demikian sebahagian laporan penyelidikan ditulis dalam bahasa Inggeris. Sungguhpun begitu ada juga yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Laporan yang dibuat dalam bahasa Inggeris sebahagiannya adalah untuk pengguna-pengguna dari luar negara dan juga untuk bahan maklumat kepada para pakar dari negara-negara asing iaitu sebagai langkah untuk pertukaran maklumat terutama bagi tanaman dan ternakan yang sama-sama dikaji di Malaysia dan juga di negara-negara asing.

Sungguhpun begitu MARDI tidak lupa menerbitkan pelbagai terbitan dalam bahasa Melayu untuk kegunaan dalam negeri. Terbitan ini adalah untuk memindahkan maklumat dan juga teknologi dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu, daripada para penyelidik kepada para pengguna, para petani, penternak, pekebun kecil, usahawan dan pekilang.

Oleh sebab para petani, pekebun kecil, usahawan, para pengguna dan pelanggan terdiri daripada pelbagai peringkat masyarakat yang mempunyai pengetahuan dan penguasaan ilmu yang berbeza-beza maka MARDI telah menerbitkan pelbagai terbitan sesuai untuk peringkat pengguna dan pelanggannya. Antara terbitan-terbitan yang telah dikeluarkan oleh MARDI ialah:

- a. **Laporan Tahunan** yang diterbitkan pada setiap tahun. Ia diterbitkan dalam bahasa Melayu. Di dalamnya terdapat maklumat tentang kegiatan MARDI dalam satu-satu tahun, seperti laporan daripada Ketua Pengarah, Laporan Penyelidikan Komoditi dan Sokongan seperti Penyelidikan Pengeluaran Komoditi, Penyelidikan Strategik, Penyelidikan Teknologi Makanan, Penyelidikan Pengurusan Sumber, Penyelidikan Kejuruteraan Pertanian, Penyelidikan Ekonomi dan Kajian Sosial, Penyelidikan di Sarawak, Pemindahan Teknologi dan Komersialisasi, Perkhidmatan Sokongan Teknikal, Hubungan dan Penyelidikan Bersama. Struktur Organisasi, Lokasi Stesen Penyelidikan, Laporan Pentadbiran dan Kewangan.
- b. **Annual Tecnical Report** diterbitkan setiap tahun dan lebih banyak untuk kegunaan luar negara dan para pelawat dari luar negara. Oleh itu ia diterbitkan dalam bahasa Inggeris.
- c. **Jurnal Penyelidikan MARDI (MARDI Research Journal)**. Jurnal ini berisi dengan tulisan tentang hasil-hasil penyelidikan oleh pegawai penyelidik MARDI. Tulisan-tulisan itu ditulis dalam bahasa Inggeris tetapi setiap tulisan diberi abstrak dalam bahasa Melayu.
- d. **Buletin Teknologi Komoditi**. Buletin ini mengandungi artikel-artikel dalam bahasa Melayu dan juga Inggeris. Pada setiap artikel terdapat abstrak dalam kedua-dua bahasa Inggeris dan Melayu. Namun artikel dalam bahasa Melayu lebih banyak diterbitkan dalam Buletin ini Pelbagai tulisan dalam pelbagai teknologi diterbitkan dalam Buletin ini.

Contohnya **Teknologi Buah-buahan** (Jil. 9, 1993), **Teknologi Pelbagai Tanaman** (Jil. 9, 1993). **Teknologi Tembakau** (Jil. 9, 1993). **Teknologi Kejuruteraan Pertanian** (Jil. 4, 1993), **Teknologi Sayur-sayuran** (Jil. 9, 1993), **Teknologi Padi** (Jil. 9, 1993), dan **Teknologi Makanan** (Jil. 12, 1994).

e. **Laporan MARDI/MARDI Report**

Laporan ini ditulis dalam bahasa Inggeris dan juga Melayu. Contohnya **Laporan No. 169** berjudul **Rekabentuk dan penilaian alat pengering kelapa parut bagi pengeluaran keristik**. **Laporan No. 170** berjudul **'Soil Chemical Characteristics of Vegetable Pots at Cameron Highlands**. Sehingga tahun 1994 terdapat 172 laporan.

f. **Laporan Khas**

Laporan ini ditulis dalam bahasa Melayu seperti:

i. **Pengeluaran Padi**

ii. **Penanaman Tomato secara Hidroponik.**

g. **Makalah Sesekala**

Terbitan ini ditulis dalam bahasa Melayu dan juga Inggeris. Contohnya **Makalah Sesekala Bilangan 7: Kajian penggunaan dan kegemaran pengguna terhadap pisang untuk makan segar**. Sedangkan bagi Bilangan 8 dalam bahasa Inggeris iaitu **'Agriculture financing by financial institutions**.

h. **Buku Panduan**

Buku dalam siri ini banyak yang ditulis dalam bahasa Melayu. Contohnya **Siri Buku Panduan tentang Penternakan Arnab** dan satu lagi **Penanaman Durian**. Keterangan dalam siri ini sesuai dengan judulnya iaitu memberi panduan yang jelas kepada para pengguna buku tersebut sama ada petani atau penternak. Dalam buku **Penternakan Arnab** misalnya terdapat keterangan yang lengkap tentang arnab iaitu tentang

latar belakang, status pengeluaran daging arnab dan industri arnab di Malaysia; biologi arnab, baka dan genetik arnab, perumahan dan peralatan, pemakanan arnab, pengurusan pemeliharaan arnab, permainan beradas, penyakit arnab, penyembelihan dan pembungkusan daging arnab, pemprosesan daging arnab, pemprosesan kulit berbulu arnab dan ekonomi pengeluaran arnab.

i. **Prosiding**

Siri ini berisi prosiding seminar dan lain-lain. Bahasa yang digunakan bergantung kepada bahasa yang digunakan dalam seminar. Namun bagi seminar kebangsaan biasanya digunakan bahasa Melayu, sedangkan bagi seminar antara-bangsa digunakan bahasa Inggeris. Contohnya **Prosiding Seminar Tembakau dan The International Symposium on Tropical Peatland**.

j. **Siri Panduan Usahawan**

Siri ini diterbitkan dalam bahasa Melayu untuk para usahawan setempat. Contohnya ialah **Model Perusahaan Makanan Mi Kuning**

k. **Berita Penyelidikan**

Siri ini diterbitkan dalam bahasa Melayu yang berisi dengan berita-berita tentang penyelidikan. Contohnya **Berita Penyelidikan Bil 35 (1/95)** mengandungi berita tentang:

- Penanaman kacang Tanah Berjentera
- Pengeluaran semaian sayur-sayuran secara moden
- Manggis subur cepat berbuah
- Senposai
- Jagung Manis 'Improved Masmadu'
- Udang hidup tanpa air?
- Mengatasi rumpai rintang racun
- Penggemukan kerbau secara fidlot
- Lembu pun mahu mandi
- Lebih banyak pokok, lebih hasil?

- Burung hantu untuk tanaman koko/kelapa
- Pertanian moden menerusi teknologi kejuruteraan
- Padi baru mantapkan hasil
- Penanaman padi secara tabur kering
- Satu lagi model pertumbuhan untuk meramal hasil bijirin jagung
- Sambutan baka kopi polihibrid
- Mengatasi kesan kemarau pada betik Eksotika
- Model tak linear sesuai menerangkan pertumbuhan tanaman
- Penyakit gall pada tanaman ciku

l. Komunikasi MARDI

Siri ini diterbitkan dalam bahasa Melayu. Ia berisi dengan berita-berita tentang kegiatan MARDI, para penyelidik dan pegawai MARDI, dan berita-berita urusan yang lain.

m. Occasional Papers

Siri ini berisi kertas kerja yang dibentangkan semasa Mesyuarat Majlis Sains.

n. Penerbitan ad-hoc

Penerbitan ini ditulis dalam bahasa Melayu untuk mengemangkan dan memindahkan maklumat tentang sains dan teknologi seperti tajuk-tajuk berikut yang terbit dalam tahun 1994:

- a. Potensi pengeluaran arkid dan bunga awetan secara komersil
- b. Peluang pelaburan sayur-sayuran di bawah struktur pelindung hujan.
- c. Siri tanaman hortikultur (24 tajuk)
- d. Siri maklumat varieti padi (11 tajuk)
- e. Klon ubi keledek baru - Gendut
- f. Improved Masmadu
- g. Taman Pertanian Malaysia

o. **Penerbitan Am**

MARDI juga menerbitkan penerbitan-penerbitan am dalam bahasa Melayu seperti brosur, selebaran, buku kecil, senarai kursus dan lain-lain. Contohnya ialah **Katalog Penerbitan, Penanaman Kekwa Pasu, Penanaman Kopi Liberica, Penanaman ubi keledak, Penanaman kacang panjang, Pengeluaran orkid, Kursus Teknologi Makanan 1995**, MARDI memperkenalkan Varieti Cili MC 11 dan MC 12. Teknologi makanan fermentasi Misi PORIM adalah untuk meningkatkan dan menyokong kesejahteraan industri minyak sawit dalam semua aspek aktiviti melalui penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan. Kegiatan utama PORIM ialah:

- i. Penyelidikan kimia dan teknologi minyak kelapa sawit yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengekstrakan dan penapisan, menjamin kualiti yang tinggi dan mengatasi faktor-faktor yang pada masa ini membataskan kegunaannya bagi maksud-maksud tertentu;
- ii. Penyelidikan kegunaan akhir bagi mempertingkatkan nisbah dan memperbaiki prestasi minyak sawit dalam kegunaan bahan makanan dan bukan makanan yang sedia ada dan bagi mencari kegunaan-kegunaan baru;
- iii. Menjalankan khidmat nasihat teknikal di kalangan pengguna-pengguna minyak sawit Malaysia yang bertujuan menggalakkan penggunaannya yang lebih meluas melalui kefahaman mengenai pasaran, penyebaran maklumat terkini tentang minyak sawit dan membantu menyelesaikan masalah-masalah pemprosesan dan perumusan.
- iv. Kajian tekno-ekonomi yang melibatkan pengumpulan dan analisis maklumat dan data yang berkaitan dengan industri minyak sawit Malaysia dan pemasaran minyak sawit termasuk maklumat yang berhubung dengan pembekalan dan pemasaran minyak serta lemak yang lain.
- v. Penyelidikan biologi yang bermatlamat untuk meminimumkan kos pengeluaran dengan membiak baka bahan

tanaman yang mengeluarkan hasil yang lebih tinggi dan memperbaiki lagi amalan agronomi dan mengubahsuai komposisi minyak dengan mewujudkan pokok hibrid yang menghasilkan minyak yang tak tepu dan lebih cir. Penyelidikan seumpama itu melibatkan kajian genetik, pembiakbaik, pembiakan, fisiologi, agronomi, pengawalan makhluk perosak dan penyakit, serta penggunaan keluaran sampingan. Terdapat juga peruntukan khidmat nasihat kepada pekebun-pekebun kecil dalam isdustri kelapa sawit Malaysia.

(Laporan Tahunan 1993)

Berdasarkan kenyataan di atas PORIM hanya menumpukan kegiatannya dalam bidang penyelidikan terhadap kelapa sawit dan hal-hal yang berkaitan dengan sawit.

Penyelidikan yang dilakukan adalah di peringkat yang sangat ilmiah dan para penyelidiknya kebanyakannya mendapat latihan di peringkat tinggi dari luar negara. Oleh hal yang demikian hasil-hasil penyelidikan sama ada yang berbentuk buku, kertas kerja, laporan penyelidikan dan lain-lain ditulis dalam bahasa Inggeris.

Sungguhpun demikian pengembangan ilmu sains dan pemindahan teknologi ada yang ditulis dalam bahasa Melayu kerana para pekebun kecil kelapa sawit dan pekerja estet kelapa sawit serta pekerja-pekerja kilang kelapa sawit terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India yang hanya mengetahui bahasa Melayu dan bahasa ibunda mereka. Mereka tidak mengetahui atau tidak menguasai bahasa Inggeris. Dengan itu pihak PORIM telah menggunakan bahasa Melayu untuk penerbitan-penerbitan umumnya dan juga dalam kursus-kursus yang dijalankan oleh PORIM. Antara penerbitan-penerbitan PORIM yang diedarkan adalah seperti berikut:

- a. **Laporan Tahunan PORIM** yang diterbitkan pada setiap tahun dan ditulis dalam bahasa Melayu. Dalam laporan ini terdapat maklumat-maklumat tentang kegiatan pembangunan, penyelenggaraan dan kakitangan; kegiatan penyelidikan dalam bidang biologi, kimia dan teknologi dan Tekno-Ekonomi dan Khidmat Nasihat Teknikal, dan kegiatan-kegiatan lain seperti penerbitan, perhubungan awam,

komputer, statistik, dan Perpustakaan.

- b. **Risalah Sawit** yang diterbitkan oleh Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi, Bahagian Biologi PORIM. Contohnya **Risalah Sawit Bil. 1** yang terbit pada bulan Disember 1993 adalah tentang: **Kumbang Badak - Perosak Tanaman Sawit. Risalah Sawit Bil. 2** tentang **Pembajaan Kelapa Sawit - Panduan untuk Pekebun Sawit. Risalah Sawit Bil. 3** tentang **Pengurusan Air di Ladang Kelapa Sawit** Risalah-risalah ini semuanya ditulis dalam bahasa Melayu.
- c. **Buku Panduan: Perusahaan kelapa sawit di Malaysia.**
Buku ini mengandungi maklumat tentang kesesuaian tanaman kelapa sawit. Aspek Botani Kelapa sawit, Bahan Tanaman, Tapak Semaian, Pembersihan Ladang, Persiapan Ladang, Penanaman di Ladang, Penjagaan Ladang, Menuai dan Mengangkut Buah, Pengilangan dan Bahan Buangan Kilang Sawit, Kegunaan Minyak Kelapa Sawit dan Bahan Sampingan. Buku ini ditulis dalam bahasa Melayu sepenuhnya dan bertujuan untuk mengembangkan ilmu dan teknologi kelapa sawit di negara Malaysia.
- d. **Berita Sawit**, maklumat untuk pekebun kecil. Dalam Berita ini terdapat pelbagai maklumat tentang kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kelapa sawit. Umpunya dalam **Berita Sawit Bil 5/1995** terdapat maklumat seperti berikut:
- Penanaman Semula Kelapa Sawit: Pendekatan yang berkesan
 - Kegiatan Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi
 - Program Radio Halaman Sawit
 - Sudut Teknologi: Kaedah Tanaman Semula Kelapa Sawit daripada kelapa
 - Penyakit reput pangkal batang kelapa sawit
 - Peladang Jaya; dan lain-lain
- Berita Sawit** juga diterbitkan dalam bahasa Melayu.

e. Risalah dan buku kecil

PORIM juga menerbitkan beberapa banyak risalah tentang kelapa sawit seperti **Galah Aluminium untuk menuai Tandan Buah Sawit; Pemeliharaan Biri-biri di Ladang Sawit; Pilihlah Benih Kelapa Sawit Anda; Cara-cara Menanam Kelapa Sawit dan Penyakit Reput pangkal Batang Kelapa Sawit: Ganoderma**. Risalah dan buku kecil ini ditulis dalam bahasa Melayu untuk tujuan pengembangan ilmu sains dan pemindahan teknologi.

Selain itu PORIM juga mengadakan seminar, kursus, bengkel, dan persidangan dari semasa ke semasa. Persidangan antarabangsa dijalankan dalam bahasa Inggeris, tetapi bagi peringkat kebangsaan atau kursus-kursus peringkat pertengahan dijalankan dalam bahasa Melayu. Contohnya ialah Kursus Kelapa Sawit bagi kumpulan Sokongan II, Kursus Kelapa Sawit bagi kumpulan Sokongan I, dan Seminar Kebangsaan Pekebun Kecil Kelapa Sawit yang diadakan dalam tahun 1995. PORIM juga mengadakan program Radio Halaman Sawit melalui Radio Satu RTM. Dalam halaman ini diadakan soal jawab tentang kelapa sawit dalam bahasa Melayu sepenuhnya. Pegawai-pegawai PORIM yang menjawab segala soalan yang dikemukakan oleh para pekebun kecil dan juga masyarakat umum.

Kesimpulannya ialah PORIM telah berusaha menjalankan pelbagai langkah dan tindakan untuk mengembangkan ilmu sains dan memindahkan teknologi kelapa sawit dalam bahasa Melayu. Natijahnya ialah banyak para petani dan pekebun kecil kelapa sawit dapat meningkatkan pengeluaran kelapa sawit mereka. Namun di peringkat yang tinggi yang lebih canggih seperti dalam industri pengeluaran Vitamin E daripada minyak sawit yang ditangani oleh syarikat-syarikat yang besar, penggunaan bahasa Inggeris masih meluas. Sungguhpun demikian PORIM berjaya memberi panduan kepada para pekebun kecil dan peladang kelapa sawit dengan jayanya sehingga Malaysia berjaya mengeluarkan hasil kelapa dan minyak sawit yang terbesar di dunia.

Kesimpulan

Setelah ditelusuri perkembangan penggunaan bahasa Melayu dalam pengembangan ilmu pengetahuan dan pemindahan

teknologi di ketiga-tiga buah institusi di atas jelas menunjukkan bahawa usaha dan prestasi penggunaan bahasa Melayu agak memuaskan. Penterjemahan bahasa ilmu dari peringkat tinggi ke peringkat rendah dan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu telah dapat mengembangkan ilmu sains dan pemindahan teknologi dengan baik melalui bahasa Melayu. Tetapi perlu diingat di sini bahawa ketiga-tiga institusi di atas berkaitan rapat serta langsung dengan kegiatan pertanian dan bidang-bidang yang seputar dengannya dan tidak dalam bidang-bidang yang lain. Kalau dinilai dari sudut pertanian sahaja mungkin bahasa Melayu telah berjaya mengembangkan ilmu sains dan pemindahan teknologi dalam masyarakat Malaysia. Buktinya ialah banyak hasil pertanian yang dapat dikeluarkan oleh negara Malaysia seperti pengeluaran kelapa sawit, minyak kelapa sawit, buah-buahan terutama pisang, belimbing segi, nanas, durian dan manggis, bunga-bunga terutama anggrek atau orkid, koko, kopi, getah keping, getah cair, kayu getah, dan lain-lain. Kebanyakan hasil pertanian ini dieksport ke luar negara dan sebahagiannya mengatasi pengeluaran negara-negara lain. Ini adalah satu kemajuan kerana pengembangan ilmu sains dan pemindahan teknologi telah berlaku dan dilakukan dalam bahasa Melayu. Ia juga berlaku di peringkat menengah dan bawah sehingga ilmu itu mengembang di kalangan para petani, pekebun kecil, dan usahawan kecil yang banyak jumlahnya.

Masalah yang timbul sekarang ialah negara Malaysia ingin menembusi bidang-bidang yang di luar dari sektor pertanian. Ia ingin menembusi industri yang canggih dan berat yang memerlukan kepakaran yang tinggi. Di sini timbul gagasan baru yang agak aneh iaitu ilmu ini perlu dikembangkan dalam bahasa Inggeris. Bahkan telah pun dilakukan oleh beberapa institusi yang menyampaikan ilmu dalam pelbagai kursus yang mereka tawarkan dalam bahasa Inggeris. Kerajaan Malaysia nampaknya akur dengan langkah ini tetapi membatasinya dalam bidang sains dan teknologi yang canggih sahaja terutama dalam bidang perubatan dan kejuruteraan. Namun demikian ada setengah-setengah pihak yang membuat langkah yang jauh ke depan yang membelakangkan sama sekali bahasa Melayu dan mengunggulkan bahasa Inggeris - bahasa penjajah. Inilah yang membimbangkan kami semua yang menjadi pendukung bahasa Melayu yang setia selama sepanjang hayat kami.

BIBLIOGRAFI

- Amat Juhari Moain (belum dicetak), *Sejarah Kolej Pertanian Malaya Setengah Abad 1922-1972*, Serdang.
- Annual Technical Report 1992*, MARDI
- Berita Penyelidikan Bil. 35 (1/95)* Serdang: MARDI
- Berita Sawit Bil. 4*, 1994
- Berita Sawit Bil. 5/95*.
- Hishamudin Mohd. Jamil et al. (1987), *Perusahaan Kelapa Sawit di Malaysia - Satu Panduan*, Serdang: PORIM.
- H. Adinan et al. (Okt. 1992). *Teknologi Makanan Fermentasi yang terpilih untuk dikomersialkan*, Serdang. MARDI
- H. Mohamed Shafit dal M.N. Samiyah (1995). *Penternakan Arnab*, Serdang: MARDI
- Katalog Penerbitan 1994* Serdang: MARDI
- Kursus Teknologi Makanan 1995*, Serdang: MARDI
- Laporan Tahunan 1993*, Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia
- Laporan Tahunan 1994*, MARDI
- Majalah Pengembangan*, Jil. 18, No. 1, Jun 1995
- Mardi (1993), *Model Perusahaan Makanan: Mi Kuning*, Serdang: MARDI
- Mardi (1994), *Komunikasi*, Oktober 1994, Serdang: MARDI
- Mardi (1994), *Penanaman Kacang Panjang*, Serdang: MARDI
- Mardi (1994), *Penanaman Kekwa Pasu*, Serdang: MARDI
- Mardi (1994), *Penanaman Kopi Leberica*, Serdang: MARDI
- Mardi (1994), *Penanaman Ubi Keledek*, Serdang: MARDI
- MARDI Research Journal Vol. 23, No. 1, June 1995*
- Mardi (1995), *MARDI Memperkenalkan Varieti Cili MC 11 dan MC 12*, Serdang: MARDI
- Mardi (tt), *Pengeluaran Orkid*, Serdang: MARDI

- M.L. Raziah dan Y. Norlia (1991), *Kajian kemungkinan menanam tembikal wangi secara komersial (10 hektar) di Semenanjung Malaysia*, Serdang: MARDI
- M. Zainal Abidin et al. (1995), *Penanaman Durian*, Serdang: MARDI
- Pertanika*, Vol. 14, No. 3, December 1991.
- Pertanika*, Vol. 15, No. 1, April 1992.
- Porim (1990), *Galah Aluminium Untuk Menuai Tandan Buah Sawit*, Kuala Lumpur: PORIM
- Porim (1990), *Pemeliharaan Biri-biri di Ladang Sawit*, K.L: PORIM
- Porim (1992), *Cara-cara Menanam Kelapa Sawit*, Kuala Lumpur: PORIM
- Porim (1992), *Penyakit Reput Pangkal Batang Kelapa Sawit Ganoderma*, Kuala Lumpur: PORIM
- Porim (1992), *Pilihan Benih Kelapa Sawit Anda*, Kuala Lumpur: PORIM
- Porim (1995), *1995 PORIM Training Programme*, Bangi: PORIM
- Risalah Sawit 1*, Bangi: PORIM
- Risalah Sawit 2*, Kuala Lumpur: PORIM
- Risalah Sawit 3*, Kuala Lumpur: PORIM
- Teknologi Sayur-sayuran*: Jil. 19, 1983, Serdang: MARDI
- Universiti Pertanian Malaysia Dua Dekad 1973-1993
- UPM (1983) *Dekad Pertama Pengajaran 1973-1983*, Serdang: UPM
- UPM (1986-1988) *Kalendar 1986-1987 dan 1987-1988*, Universiti Pertanian Malaysia
- UPM (1993-94) *Kalendar 1993-1994*, Serdang: UPM
- UPM (1987), *Laporan Khidmat dan Pengembangan '87*, Serdang: UPM
- UPM (1991-92), *Laporan tahunan 1991-92*, Serdang: UPM
- UPM (1991-93), *Laporan Tahunan 1992-93*, Serdang: UPM
- UPM (1992), *Research Report 1992*, Serdang: UPM

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH 10

1. Sidang : X
2. Hari/tanggal : Selasa, 19 Maret 1996
3. Pukul : 11.15—12.15
4. Penyaji Makalah : Prof. Dr. Hj. Amat Juhari Moain dan Prof. Dr. Nik. Safiah Hj. Abd. Karim
5. Topik Makalah : Peranan Bahasa Melayu dalam Pengembangan dan Pemindahan Ilmu dan Teknologi: Kajian Kes di UPM, MARDI dan PORIM
6. Pemandu : Awang Haji Abd. Ghani Haji Mohd. Yusuf
7. Sekretaris : Drs. Yon Adlis, M.A.
8. Pencatat : Dra. Silvia Roza

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Yuskar, S.E, Universitas Andalas
 - 1) Bagaimana usaha meningkatkan penggunaan bahasa Melayu di Malaysia, terutama di kalangan masyarakat ilmiah?
 - 2) Apakah sudah ada ide untuk meningkatkan bahasa Melayu di UMB dan di Malaysia?

b. **Jawaban**

Pada mulanya bahasa Melayu digunakan hanya pada kuliah bahasa Melayu. Mata kuliah lain disampaikan dalam bahasa Inggris. Awal tahun 70-an bahasa Inggris dikurangkan dari peringkat ke peringkat. Sampai saat sekarang, bahasa Inggris hanya disampaikan untuk bidang kedokteran dan kejuruteraan. Hal ini disebabkan Malaysia

kekurangan pakar di bidang kedokteran dan kejuruteraan itu, sehingga pakarnya diambil dari luar negeri. Pakar-pakar itu tidak menguasai bahasa Melayu sehingga mereka harus menyampaikan dalam bahasa Inggris. Di samping sebab di atas, kerajaan juga menganjurkan dua bidang itu (perubatan dan sains) diajarkan dalam bahasa Inggris.

2. a. **Penanya:** Prof. Dr. Amran Halim, Universitas Sriwijaya

Apakah penerjemahan bahasa ilmu dari tingkat tinggi ke tingkat rendah merupakan terjemahan keseluruhan, termasuk istilah-istilahnya diganti, atau terjemahan isi?

- b. **Jawaban**

Dalam bidang sains, istilah-istilah yang digunakan merupakan istilah yang tinggi, seperti *aqua culture* dalam istilah perikanan. Orang kampung tidak paham benar tentang istilah ini sehingga kita gunakan *ternakan air*. Tujuannya adalah agar orang kampung mengetahui istilah tersebut. Jadi, kita harus mengadakan tulisan yang lain untuk memindahkan istilah atau bahasa dari tingkat tinggi ke tingkat rendah.

3. a. **Penanya:** Firman Hasan, S.H., L.L.M., Universitas Andalas

Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh industri pertanian Malaysia untuk menghadapi pendidikan di Malaysia yang bercorak serantau dan menggalakkan industri dari negara luar?

- b. **Jawaban**

Hal itu ada pada JPTS dan JPTA, iaitu Institusi Pengajaran Swastan dan Kerajaan. Pada dasarnya memang disebutkan penggunaan bahasa Melayu, tetapi ada suatu ceraihan yang memberikan kuasa pada menteri untuk menggunakan bahasa lain selain bahasa Melayu. Penyebab-

nya, antara lain, banyaknya pelajar yang datang dari luar (Brunei, Singapura, Thailand) untuk belajar di Malaysia. Mereka lebih memilih menggunakan bahasa Inggris karena setelah tamat, mereka akan melanjutkan ke United Kingdom atau negara lain.

Ada ceraian lain yang menyatakan bahwa mereka mesti mengambil mata pelajaran bahasa Melayu. Kalau mereka ini beragama Islam, mereka harus mengambil mata kuliah agama Islam. Akan tetapi, kalau mereka bukan beragama Islam, mereka harus mempelajari tentang moral dan etika sebagai mata pelajaran wajib bagi mereka.

PERANAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM PENGEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN DAN TEKNOLOGI

Mohd. Raman Daud
Majlis Bahasa Melayu Singapura

BAHASA Kebangsaan Singapura ialah bahasa Melayu. Perlembagaan Singapura juga menetapkan bahawa bahasa Melayu dan tiga bahasa yang lain, iaitu Cina (Mandarin), Tamil dan Inggeris adalah bahasa rasmi.

Demi menjadi pusat antarabangsa di segi perdagangan, kewangan dan lalu lintas udara dan laut, Singapura memberikan bahasa Inggeris tempat yang amat penting. Ia menjadi bahasa kerja dan bahasa pengantar utama di sekolah dalam rangka dasar dwibahasa (Inggeris dan bahasa ibunda yang sama ada Melayu, Cina, Tamil dan yang lain). Inggeris juga bahasa pengantar utama dalam urusan pemerintah. Taraf dominan bahasa Inggeris memang ketara dalam segala aspek kehidupan Singapura, terutama dalam bidang penyaluran maklumat.

Di peringkat nasional, bahasa Melayu tetap digunakan dalam upacara rasmi seperti dalam pemerintah perbarisan dan didaulatkan dalam Lagu Kebangsaan. Terakhir ini, para pemimpin dan pegawai tinggi pemerintah mengutamakan penguasaan bahasa Melayu, khusus dalam urusan mereka dengan negara-negara berbahasa Melayu di rantau Asia Tenggara.

TANDA JATIDIRI

Hari ini, masyarakat Melayu membentuk 15 peratus (%) penduduk Singapura yang berjumlah 3.4 juta orang itu. Jika disusur asal keturunan mereka, majoriti berasal dari Jawa, Bawean

dan lain-lain daerah Nusantara. Bagaimanapun, perbezaan ini kian terhakis hasil perkahwinan dan persekolahan serta penggunaan bahasa Melayu. Sistem madrasah (sekolah agama) dan sekolah Melayu yang dimulakan pada pertengahan abad ke-19 itu menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar utama.

Perangkaan (*Census*) Penduduk 1990 menunjukkan bahasa Melayu digunakan oleh lebih 90 peratus orang Melayu di rumah dan dalam pertuturan sesama mereka. Ini adalah kadar tertinggi di segi penggunaan bahasa ibunda dalam sesebuah kaum di Singapura. Aspek ini juga menjelaskan bahawa orang Melayu menganggap bahasa Melayu itu mencerminkan jati dirinya.

Satu lagi unsur pengukuhan jati diri ialah dasar berbilang kaum, bahasa, agama dan budaya pemerintah. Dasar ini dijadikan teras penakatan nasional. Pemerintah Singapura menggalakkan setiap kaum memelihara dan memperkaya ciri-ciri warisannya, termasuk bahasa. Dalam rangka inilah juga bahasa dan kebudayaan Melayu dapat berkembang di Singapura.

PERANAN BAHASA MELAYU

1. PERINGKAT SEKOLAH

Di segi penyebaran ilmu, bahasa Melayu telah digunakan dalam semua mata pelajaran di sekolah Melayu dan sebahagian mata pelajaran di madrasah sejak pertengahan abad ke-19.

Namun sekolah Melayu pupus dalam pertengahan 1970-an. Ini kesan tindakan ibu bapa Melayu yang lebih cenderung menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris. Peluang pekerjaan yang lebih baik hasil penguasaan bahasa Inggeris merupakan salah satu faktor pendorong keputusan ibu bapa dan juga ibu bapa lain di Singapura.

Hari ini di sekolah biasa (sekular), bahasa Melayu ditawarkan sebagai bahasa ibunda. Majoriti penuntut mengambilnya sebagai bahasa kedua, iaitu selepas bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama. Tetapi bagi penuntut yang tergolong sebagai 10 peratus terbaik di sekolah, mereka dapat mengambilnya sebagai bahasa pertama.

Apakah yang dipelajari menerusi bahasa Melayu di sekolah Singapura hari ini?

● SEKOLAH RENDAH/DASAR

Umumnya, untuk darjah satu (kelas dasar) sehingga enam, bahasa Melayu diajarkan demi mengembangkan daya berfikir, menghayati tatabahasa, kemahiran bertutur dan menulis serta berkomunikasi. Selain buku teks dan buku kerja bahasa, murid memanfaatkan teknologi pandang dengar dalam mempelajari bahasa seperti rancangan televisyen pendidikan, pita kaset, video dan kini pula sedang dirancang penerbitan *laser disc* dan *CD-Rom*.

● SEKOLAH MENENGAH

Pada peringkat sekolah menengah, murid yang mengambil bahasa Melayu akan diajar ilmu yang lebih rencam berbanding dengan peringkat sekolah rendah. Terdapat dua aliran di sekolah menengah iaitu ekspres (penuntut yang lebih cerdas) dan normal.

Antara ilmu yang diajarkan menerusi pengajaran bahasa Melayu di sekolah menengah ialah kesihatan dan kebersihan diri, perihal negara jiran dan dunia, alam seni dan budaya. Bahan pengajaran yang digunakan meliputi buku teks, buku kerja, pita kaset, video (untuk drama atau persembahan budaya misalnya), kad gambar, transparensi (lutsinar) dan tidak lama lagi pula, terdapat CD-Rom dan laser disc demi pemelajaran yang lebih berkesan.

Keseluruhannya, aspek-aspek kebudayaan Melayu menjadi pati utama dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah Singapura.

● MADRASAH

Bilangan penuntut Melayu di madrasah sepenuh masa sekitar 3,000 orang saja. Dalam tahun-tahun awal, madrasah sepenuh masa menawarkan mata pelajaran dalam bahasa Melayu dan Arab. Namun sejak akhir 1960-an, bahasa Inggeris telah diperkenal dalam sukatan pelajaran di madrasah. Demi memastikan lulusan

madrasah dapat diserap oleh pasaran, bilangan mata pelajaran dalam bahasa Inggeris telah ditambah seperti matematik dan sains yang dulunya diajarkan dalam bahasa Melayu.

Sekitar 15,000 lagi anak Melayu-Islam berusia antara enam hingga 16 tahun pula menuntut di madrasah masjid terutama pada hujung minggu. Selain bahasa Arab, kesemua mata pelajaran disampaikan dalam bahasa Melayu.

Jelaslah, bahasa Melayu penting dalam pengembangan Islam di Singapura, terutama di peringkat madrasah. Ia juga digunakan dalam pengajaran Ilmu Pengetahuan Islam yang diberikan sebagai opsyen (pilihan) selepas waktu sekolah. Kebanyakan khutbah dan syarahan agama masih lagi disampaikan dalam bahasa Melayu.

2. SALURAN MAKLUMAT

Peranan bahasa Melayu di Singapura dalam bidang keilmuan dan sedikit sebanyak teknologi juga terpapar dalam media, iaitu televisyen radio dan akhbar dan kini pula Internet (rangkaian komputer).

Singapura adalah negara pertama dalam rantau yang secara rasmi menggunakan sebutan baku untuk media elektronik dan juga pelajaran bahasa Melayu di sekolah.

● TELEVISYEN

Rancangan Melayu kini tertumpu dalam saluran 12 Pertama (Prime 12). Saluran ini juga menampung rancangan India (Tamil dan Hindi) serta Inggeris. Dalam rancangan bersifat majalah atau dokumentari khususnya, terpapar penggunaan bahasa Melayu dengan sebutan baku yang menurut Menteri Negara Kanan (Pendidikan) Haji Sidek Saniff, telah mencapai taraf yang membanggakan.

Rancangan popular seperti *Tinjauan*, iaitu liputan ehwal semasa, menampilkan pelbagai aspek keilmuan seperti sudut psikologi dan sosiologi, kewangan dan ekonomi. Dalam rangka inilah, istilah-istilah terkini dalam bahasa Melayu diperkenal dan

dipopularkan. Manakala rancangan sains atau dokumentari mendorong penggunaan istilah sains.

● RADIO

Tidak syak siaran radio aliran Melayu, WARNA, terutamanya dan RIA serta Radio Heart, telah membantu dalam mempopularkan sebutan baku. Sementara radio Singapura Internasional pula memperkenalkan sebutan baku dan rancangan bersifat majalah dan hiburan ke seluruh Nusantara.

WARNA mempunyai bilangan pendengar yang besar di kalangan masyarakat Melayu di Singapura. Ia menyajikan rancangan sains dan yang bersifat majalah (magazine) yang sekaligus menyebarkan ilmu. Rancangannya yang bersifat bahasa dan budaya (terutama berbalas pantun) juga amat digemari ramai sehingga diikuti sejauh Australia.

Radio RIA pula adalah stesen hiburan khas untuk belia. Terdapat adunan lagu Inggeris dan Melayu dalam siarannya. Berbeza dengan WARNA yang lebih serius untuk pendengar dewasa dan komunikasi umumnya, RIA lebih banyak menampilkan hiburan demi menuruti selera anak muda.

Radio Heart pula adalah siaran gerakan buruh Singapura. Siarannya dalam empat bahasa yang menampung ehwal semasa terutama isu-isu kesatuan sekerja sehinggalah hiburan.

Dalam upaya Singapura mendampingi rantau Asia-Pasifik, lahirlah Radio Singapura Internasional (RSI). Ia ke udara dalam gelombang pendek bagi tiga bahasa utama – Inggeris, Mandarin dan Melayu. Sejak dimulakan tiga tahun lalu, RSI bahagian Melayu ke udara dalam sebutan buku. Rancangannya bertujuan memperkenalkan Singapura. Ia meliputi ehwal semasa, hiburan, ekonomi dan sains. Berdasarkan maklum balas yang diterimanya, RSI memang popular di kalangan pendengar Indonesia, orang Melayu Singapura yang berada di luar negara dan juga pendengar Malaysia dan Brunei Darussalam sehinggalah Afrika Selatan. Ia juga menerbitkan majalah triwulan.

● MEDIA CETAK

Singapura pernah menjadi pusat media cetak berbahasa Melayu rantau ini. Namun sejak 1965 hingga kini, hanya sebuah akhbar harian yang ada di republik itu iaitu Berita Harian/Berita Minggu. Dalam pada itu, memang ada beberapa akhbar/tabloid mingguan seperti Anika yang tidak dapat bertahan lama. Beberapa majalah berbahasa melayu juga muncul sejak merdeka tetapi tidak bertahan lama. Antara sebab-sebabnya ialah kurang iklan dan daya beli orang Melayu yang rendah. Mentelah lagi, ramai orang Melayu menguasai bahasa Inggeris dan dapat membaca bahan dalam bahasa Inggeris. Dalam pada itu, majalah berbahasa Melayu dari Malaysia dan Indonesia agak mudah didapati di Singapura.

Berita Harian mula terbit dalam 1957 secara serentak di Kuala Lumpur dan Singapura. Namun sejak 1972, Berita Harian Singapura berfungsi sendirian. D daripada jumlah edaran (opla), sekitar 8,000 naskhah pada 1971, ia kini mencapai edaran hampir 71,000. Ertinya, tiga daripada empat orang Melayu di Singapura membacanya.

Berita Harian dapat mencerminkan peranan bahasa Melayu dalam pengembangan ilmu dan teknologi, walaupun secara terbatas. Di segi laporan berita semasa sehinggalah berita sukan atau rencana khusus seperti ruangan sains, ia menyampaikan perkembangan ilmu dan teknologi terkini. Adakalanya, ia menciptakan istilah-istilah yang tidak terdapat dalam keputusan Mabbim, sekadar contoh:

Lelapang	=	common area
Kolong flat	=	void deck of flat
Bas tabung	=	one-man-operated bus (bas ini tidak mempunyai kelindan atau konduktor; penumpang membayar tiket dengan memasuki wang dalam tabung dan menekan butang khas

Istilah-istilah yang dihasilkan oleh Berita Harian tidak semestinya terpakai luas. Terkadang ada juga perbezaan kecil, misalnya, istilah Berita Harian dengan Istilah yang digunakan oleh berita radio/televisyen. Bagaimanapun, memandangkan pembaca

Melayu lebih mesra dengan istilah yang sudah dicetak, sering istilah Berita Harian digunakan secara meluas.

Berita Harian juga menjadi rujukan di kelas, terutama ruangan *Sayang Disayang* yang memuatkan karya murid sekolah dasar/rendah. Terakhir ini ruangan *Bahasa dan Budaya* pula memuatkan polemik kata pemerli 'ialah' dan 'adalah'.

Ruangan yang paling sukar tentulah sains kerana umumnya pembaca Melayu lebih selesa dengan istilah Inggeris. Untuk ini, susunan ayat rencana sains dipermudah; makna istilah Inggeris diberikan dengan istilah Melayu.

Pertumbuhan sastera/persuratan Melayu juga amat erat dengan Berita Harian/Berita Minggu. Hal ini mencetuskan jolokan 'sastera akhbar'. Sejak pertengahan 1970-an Singapura memulakan tradisi 'Hadiah Sastera' yang berteraskan bahan-bahan berupa sajak, cerpen dan esei daripada akhbar; selain skrip drama yang telah dipentaskan dan novel yang sudah diterbitkan. Hakikat ini menjelaskan betapa ilmu karang-mengarang Melayu telah dapat dikembangkan di Singapura menerusi kewujudan Berita Harian/Berita Minggu.

Pada 9 Mac yang baru lalu, Berita Harian/Berita Minggu melancarkan kehadirannya di Internet. Ia Menyertai akhbar-akhbar bahasa Melayu rantau ini, bermula dengan Utusan Malaysia, yang kini dapat dibaca menerusi ruang siber (cyberspace).

KETERBATASAN DAN POTENSI

● TINGKAT EKONOMI

Peranan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dalam pengembangan ilmu dan teknologi memanglah amat terbatas di Singapura. Hal ini telah diterangkan iaitu pada peringkat awal, Singapura mengutamakan bahasa Inggeris demi penakatan eknominya. Mentelah lagi, orang Melayu adalah minoriti yang rendah pula 'daya beli'-nya.

Namun, potensi bahasa Melayu meningkat apabila ekonomi Singapura berkembang maju yang turut membolehkan orang

Melayu menikmati pendapatan dan taraf hidup tinggi.

Dalam pertengahan dekad 80-an sehingga kini, orang Melayu aktif dalam soal jual-beli hartanah dan saham. Hasil penghayatan Islam yang kian meningkat, mereka juga semakin berminat terhadap produk kewangan berlunaskan Islam seperti insurans takaful. Keinginan ini telah mendorong bahan-bahan cetak atau maklumat mengenai produk kewangan dan pelaburan disampaikan dalam bahasa Melayu.

Selain pemerintah, syarikat swasta turut menghasilkan rencana dan risalah yang membentangkan analisis dan produk kewangan dalam bahasa kebangsaan.

Ada kemungkinan besar sistem kewangan tanpa faedah akan diperkenalkan di Singapura tidak lama lagi. Ini ekoran kejayaan Amanah Saham Mendaki (amanah saham pertama di Singapura yang dikendalikan berlunaskan Islam) dan insurans takaful (yang dikendali oleh dua gabungan syarikat). Ertinya, akan lebih banyak bahan analisis kewangan yang disampaikan dalam Bahasa Kebangsaan Singapura.

Pada tahun lalu, timbul gagasan penumbuhan dana untuk membolehkan orang Melayu turut melabur di luar Singapura. Ini sejajar dengan dasar penyerantauan (regionalisation) pemerintah. Proses mendapatkan sokongan 130,000 pekerja Melayu/Islam itu tentulah menuntut suatu usaha seranta yang bijak. Dalam hal ini, Bahasa Kebangsaan akan dikembangkan dalam risalah atau brosur, buku panduan dan sebagainya demi menerangkan kepada orang Melayu soal risiko pelaburan dan sebagainya.

Hujah yang jelas di sinilah ialah kedudukan ekonomi dan permintaan orang Melayu Singapura di segi pelaburan telah mendorong pengembangan bahasa Melayu secara langsung. Hal ini berlaku walaupun kian ramai orang Melayu dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris. Tetapi mengapa mereka mahukan bahasa ibunda mereka berkembang?

● SELAGI SETIA

Hasil analisis Banci Penduduk (Census) Singapura 1990

menunjukkan darjah 'keselesaian' orang Melayu terhadap bahasa ibundanya adalah tinggi. Di samping itu, tinjauan Radio WARNA dan Berita Harian/Berita Minggu menunjukkan bilangan pendengar dan pembaca yang bertambah dan hampir mencapai takat tepu (saturation limit).

Jelaslah orang Melayu Singapura masih cenderung bertutur bahasa Melayu di rumah atau sesama mereka, termasuk ketika dalam urusan formal. Kesedaran terhadap imej warisan juga merupakan faktor peneguh kesetiaan mereka terhadap bahasa Melayu.

Bagaimanapun, ada hujah lain yang didakwa melemahkan aspek 'kesetiaan' itu. Sandaran hujah ini ialah pelajar Melayu perlu menguasai bahasa Inggeris demi berjaya dalam pendidikan. Kongres Mendaki 1982 dan 1989 serta kajian-kajian lain menunjukkan pertalian langsung antara penguasaan bahasa Inggeris dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

Tetapi ada hujah sanggahan, juga berdasarkan kajian, bahawa penuntut Melayu yang cemerlang dalam bahasa Inggeris dan ibundanya didapati berjaya dalam subjek Sains dan Matematik. Tegasnya, soal yang perlu dititikberatkan ialah keseimbangan penguasaan dwibahasa.

● MERANGKAI DIASPORA

Kejayaan dasar dwibahasa Singapura juga disebut-sebut oleh kalangan pemerhati, terutama firma-firma kajian daya asing antarabangsa sebagai salah satu unsur keistimewannnya.

Penguasaan bahasa Inggeris pekerja Singapura yang mahir juga salah satu faktor yang menarik pelabur antarabangsa menanam modal dan menumbuhkan markas operasi serta penyelidikan dan pengembangan (R&D) di Singapura.

Dalam rangka penyerantauan Singapura ke China, para pengusaha Cina Singapura yang mahir dalam Mandarin itu mendapati mudah berurusan di sana. Seyogianya diketahui, diaspoora Cina sekitar 53 juta orang (di luar tanah besar China). Kini

diaspora itu disuburkan dengan kontak yang cukup luas, termasuk di Internet, dan Mandarin lebih sering digunakan dalam urusan komunikasi.

Bagaimana pula dengan diaspora Melayu?

Hakikat bahawa rumpun Melayu membentuk diaspora yang agak besar telah lama diperkatakan. Potensi jalinan ras, budaya dan bahasa yang menjurus ke arah urusan ekonomi dalam diaspora Melayu memanglah cerah, tetapi belum cukup dimanfaatkan. Sehubungan ini, para karyawan dan generasi muda Melayu Singapura kian sedar bahawa dengan menguasai bahasa Melayu, lebih selesa dan mudah bagi mereka menghubungi rakan dagang serumpun yang lain.

Baru-baru ini, beberapa golongan usahawan Melayu Singapura telah bercadang untuk mewujudkan rangkaian perhubungan di Internet iaitu daftar usahawan Melayu di seantero dunia. Semoga perhubungan itu berlaku secepat mungkin dalam bahasa Melayu.

* INTERNET

Potensi Internet, rangkaian komputer sedunia, dalam pengembangan bahasa telah lama diperkatakan. Terdapat anggapan sepihak bahawa Internet hanya menguntungkan bahasa Inggeris. Ini suatu reaksi lumrah kerana para pengasas Internet adalah mahaguru dan pakar yang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Sememangnya mereka merancang untuk menjadikan Internet wadah bahasa Inggeris, mengukuhkannya lagi sebagai pengantar sejagat.

Namun menyusuri Internet, kita akan dapati bahasa-bahasa lain juga boleh 'hidup' di dalamnya. Ini termasuklah bahasa Melayu. Sekadar makluman, Singapura telah memberi sumbangan unit iaitu sofwe Tamil yang pertama dan dapat digunakan dalam Internet.

Rantau berbahasa Melayu Asian Tenggara akan berkembang maju. Peningkatan ekonomi bererti kian ramai yang mampu mendapatkan akses kepada Internet. Media berbahasa Melayu juga

akan memanfaatkan Internet. Keseluruhan perkembangan ini, tidak dapat tidak, akan turut mendorong orang Melayu Singapura berkomunikasi dengan pengguna bahasa Melayu rantau ini menerusi Internet. Banyak pertubuhan Melayu di Singapura, termasuk guru agama Islam dan juga Berita Harian/Berita Minggu kini cuba memanfaatkan Internet. Khidmat Kampungnet dalam bahasa Inggeris dan Melayu, mengenai aspek-aspek kehidupan orang Melayu Singapura yang diperkenalkan Julai 1995, kini diiktiraf dalam Pavilion Budaya Antarabangsa. Sekaligus ini akan mengembangkan bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan Singapura, dalam ruang siber (*cyberspace*).

Bagi Mabbim, tentulah manfaat Internet besar sekali dalam membentuk 'bank' rujukan, penyiaran maklumat dan keputusan terkini mengenai istilah atau aspek-aspek bahasa baku. Marilah kita bergerak ke arah ini. Bahkan apabila 'tele-conferencing' (sidang menerusi televisyen) dapat dilakukan secara lebih ekonomis menerusi Internet, bayangkanlah kesannya kepada pelbagai sidang penting, termasuk Mabbim. Banyak masa, tenaga dan kos dapat dijimatkan kerana para peserta tidak perlu keluar negara untuk sekadar menghadiri sidang sehari dua.

KESIMPULAN

Bahasa Melayu masih subur di Singapura. Dalam pertemuan masyarakat Melayu, pemimpin bukan Melayu akan cuba berucap dalam bahasa Melayu. Ia masih digunakan dalam pengumuman di lapangan terbang (bandara) sehinggalah Pengangkutan Gerak Cepat (MRT).

Kertas kerja ini cuba menjelaskan peranan Bahasa Kebangsaan Singapura yang saling menentu dan menyokong faktor-faktor berikut:

- keperluan perlembagaan yang mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa rasmi Singapura;
- dasar dwibahasa Singapura;
- tanda jati diri orang Melayu di Singapura yang cukup kental sehingga memungkinkan sebutan baku dilancarkan secara rasmi;

- peningkatan taraf ekonomi orang Melayu Singapura yang mendorong peluasan penggunaan bahasa Melayu seperti dalam risalah/rencana produk kewangan;
- kedudukan Singapura dalam rantau berbahasa Melayu yang dinamis; dan,
- jalinan orang Melayu Singapura dengan diaspora Melayu yang berpotensi di segi ekonomi.

Pengalaman unik Singapura dalam mengembangkan bahasa Inggeris tetapi membela bahasa ibunda sebagai pemantap budaya (*cultural ballast*) telah membantu peneguhan bahasa Melayu. Terdirinya Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) yang kian cergas dalam usaha perancangan dan pembinaan bahasa Melayu itu menjadi bukti peneguhan ini.

Persoalan yang besar bagi bahasa Melayu Singapura ialah mutu penggunaannya. Setakat manakah pengguna Melayu mendisiplinkan dirinya dengan bahasa Melayu yang baku dan sebaik mana penguasaan bahasa Melayu pelajar Singapura berbanding dengan rakan-rakannya di negara anggota Mabbim yang lain? Apakah pula rancangan MBMS dalam melahirkan para bahasawan yang bertaraf? Untuk menjawab semua persoalan ini, banyak kajian dan perancangan serta pembiayaan perlu dilaksanakan. Yang pasti, laluan ke arah masa depan yang cerah untuk bahasa Melayu di Singapura tetap ada.

Sekian.

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH 11

1. Sidang : XI
2. Hari/tanggal : Selasa, 19 Maret 1996
3. Pukul : 13.30–14.30
4. Penyaji Makalah : Mohd. Raman Daud
5. Topik Makalah : Peranan Bahasa Kebangsaan dalam Pengembangan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi
6. Pemandu : Dr. Agustian Syah Nur, M.A.
7. Sekretaris : Drs. H. Zainal Abidin Gaffar
8. Pencatat : Drs. Syafril

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Dr. Hasan Alwi, Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa

Kami dapat memahami mengapa sampai saat ini Singapura masih tetap sebagai pemerhati pada wadah yang disebut Mabbim. Sastra Melayu di Singapura tumbuh dengan subur dan Singapura pernah memelopori pertemuan sastrawan, buruh, dan wartawan Nusantara. Mohon penjelasan pada khalayak yang lebih luas, mengapa Singapura belum bersedia duduk di dalam Majelis Sastra yang diresmikan tahun lalu?

- b. **Jawaban**

Saya sendiri ragu untuk menjawab persoalan menarik yang diajukan Pak Hasan tadi. Sebenarnya ada semacam kedinamikan, yaitu kedinamikan orang Melayu-Singapura yang ingin memperkenalkan jati dirinya dan kedinamikan

pemerintah. Pada pokoknya, dasar-dasar pemerintah mencoba mengaitkan pendekatan Singapura dengan rantau dalam apa saja. Ketika Menteri Luar Singapura pulang dari Indonesia, ia selalu berkata bahwa menteri-menteri Singapura perlu menguasai bahasa Indonesia atau bahasa Melayu. Hal ini bertujuan untuk menjalin hubungan kita. Apabila soal bahasa ditimbulkan, Singapura tidak akan memainkan peranan, biarlah soal bahasa ini ditentukan oleh gergasi-gergasi bahasa. Kita, orang-orang Melayu Singapura, perlu mengidentifikasikan diri sama rata dengan orang Mandarin dan orang Tamil, tapi ada batasan-batasan yang perlu diperhatikan, yaitu soal kepekaan kaumku tidak timbul. Terobosan-terobosan telah dibuat, seperti bersedianya Singapura menjadi anggota Majelis Agama Islam rantau ini dalam pertemuan tidak resmi menteri-menteri negara. Kalau dalam soal agama, yang peka itu, Singapura telah jadi anggota, mengapa soal bahasa tidak. Saya kira, kita menanti saatnya saja untuk menjadi anggota resmi dalam bahasa. Perkara yang timbul adalah sumbangan apa yang didapat apabila Singapura masuk anggota Mabbim.

2. a. **Penanya:** Ir. Gunawan Tabrani, M.P., Universitas Riau

- 1) Apakah benar penggunaan bahasa Melayu itu dicoba di perguruan tinggi?
- 2) Apa alasannya bahasa Inggris menjadi sangat penting di Singapura?
- 3) Apakah mereka, suku yang mayoritas, menganggap bahasa Melayu itu sebagai bahasa ibunya?

b. **Jawaban**

Konsep bahasa di Singapura sudah agak bebas. Ada jawatan pengajian Melayu di Universiti Nasional Singapura. Kita dapat belajar bahasa lain, tetapi bahasa Inggris itu sudah menjadi bahasa pengantar. Secara

otomatis orang tahu bahwa bahasa Inggris erat kaitannya dengan ekonomi sehingga bahasa Melayu kemungkinan besar tidak akan berkembang di perguruan tinggi. Bahasa Melayu tidak mungkin digunakan untuk bidang-bidang yang strategis karena akan berpengaruh pada pertumbuhan ekonomi. Bahasa Melayu hanya digunakan oleh orang-orang Melayu sebagai jati diri.

3. a. **Penanya/penanggap:** Drs. M. Ono Bachtiar, Universitas Bengkulu

Saya tidak akan bertanya, saya cuma ingin memberikan komentar. Di Singapura secara politis dan ekonomis yang berkuasa adalah orang Cina. Saya khawatir 20 atau 25 tahun lagi, bahasa Melayu akan hilang ditelan oleh bahasa Cina. Meskipun sekarang bahasa Melayu dan bahasa Inggris merasa kuat, tetapi untuk masa yang akan datang mungkin bahasa ibunya adalah bahasa Mandarin.

b. **Jawaban**

Apa yang disampaikan Pak Bachtiar ini sangat baik sekali kalau disampaikan dalam sidang ASEAN, karena akan membuat pemerintah Singapura memperkuat kedudukan bahasa Melayu. Saya yakin bahasa Melayu akan duduk di Singapura karena Singapura tidak boleh dicabut ke mana-mana. Ia berada di rantau berbahasa Melayu. Tidak mungkin kalau menteri-menteri Singapura datang ke Bina Graha dan Kuala Lumpur akan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa *empat mata*. Mereka tentu akan menggunakan bahasa Indonesia atau bahasa Melayu. Singapura menyatakan rasa cinta Nusa dengan mengadakan lagu-lagu nasional yang mula-mula dalam bahasa Inggris. Hal itu dipertanyakan masyarakat sehingga koran-koran memuat mengapa lagu itu tidak ditulis dalam bahasa kebangsaan Singapura, seperti lagu-lagu yang dikarang Pak Zubir Said dari Sumatera. Pemerintah menjawab bahwa lagu nasional ditulis dalam bahasa

Inggris dan lagu kebangsaan ditulis dalam bahasa Melayu. Kalau ada perayaan-perayaan hari kebangsaan, maka lagu-lagu nasional itu dinyanyikan dalam keempat bahasa, yaitu Inggris, Melayu, Cina, dan Tamil.

4. a. **Penanya:** Prof. Dr. Amran Halim, Universitas Sriwijaya

- 1) Apakah Majelis Bahasa Melayu Singapura itu organisasi profesional, organisasi kaum Melayu, atau organisasi yang dibentuk oleh pemerintah Singapura? Apa kegiatan dan tujuannya?
- 2) Kapan bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa resmi?
- 3) Dapatkah bahasa Melayu digunakan di dalam peradilan (*in court*) jika kaum Melayu dibawa ke pengadilan?
- 4) Apakah bahasa Melayu sebagai bahasa resmi dipertahankan oleh kaum Melayu melalui penerbitan surat kabar atau buku?
- 5) Bagaimana usaha kaum Melayu mempertahankan keberadaan bahasa Melayu sebagai bahasa resmi dan bahasa kaum Melayu?

b. **Jawaban**

Asalnya Majelis Bahasa Melayu Singapura adalah Jawatan Kuasa Ejaan. Ketika kita ada masalah tentang ejaan dan adanya Mabbim, Jawatan Kuasa Ejaan itu ditunjukkan. Pada awal tahun 80-an, Jawatan Kuasa Ejaan itu diubah menjadi Jawatan Kuasa Bahasa Melayu di bawah naungan Kementerian Kebudayaan, kemudian di bawah Kementerian Perhubungan. Tiga perempat tahun ini Jawatan Kuasa Bahasa Melayu itu di bawah kuasa Kementerian Penerangan dan Kesenian. Sekarang ia dipenguruskan oleh Menteri Negara Kanan, Haji Siddiq Saleh. Jadi, ia merupakan satu *agency* pemerintah. Jawatan

ini mempunyai perwakilan di seluruh badan-badan persuratan Melayu di Singapura, antara lain Angkatan Sastrawan Melayu Singapura. Kami, Majelis Bahasa Melayu Singapura mendapat keuangan dari pemerintah. Kegiatan utama yang kami adakan adalah Bulan Bahasa Melayu pada tanggal 1–30 Juli. Ketika diadakan Bulan Bahasa Melayu ini, kita memasang kain rentang di ceruk-ceruk Singapura, seperti di Balai Rakyat, dan di kolong flat. Bulan Agustus orang Cina dan Tamil juga mengadakan bulan bahasa pada bulan yang lain. Dalam Bulan Bahasa, kita juga mengadakan forum radio, musik, maklumat, dan sebagainya dalam bahasa melayu. Rakyat diajak berpantun di Balai Rakyat. Kita juga mengadakan anugerah persuratan yang merupakan hadiah lanjutan dari hadiah sastra. Majelis Bahasa juga menerima anugerah dari Bank-Bank Cina. Jadi, waktu Bulan Bahasa, Bank-Bank Cina juga ikut sebagai penyokong bahasa Melayu. Tentang penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa resmi di Mahkamah. Kalau saya, katakan, pasif dalam berbahasa Inggris, maka hakim akan mencarikan penerjemah (*interpreter*) untuk saya. Jika saya menulis dalam bahasa Melayu, maka mereka (hakim) terpaksa menerimanya karena aduan saya itu akan diterjemahkan dalam bahasa Inggris. Di Singapura, setiap hari Selasa ada *meet the people season* yang biasanya diadakan di bawah kolong flat. Rakyat yang susah dapat rumah, dizalimi, dan sebagainya dapat berjumpa wakil rakyat. Walaupun saya berbahasa Melayu, saya tetap diterima. Jadi, bahasa Melayu sebagai bahasa resmi masih tetap digunakan.

DISKUSI PANEL

- Panelis :
1. Prof. Dato' Dr. Hjh. Asmah Hj. Omar (Malaysia)
 2. Dato Paduka Haji Ahmad bin Kadi (Brunei Darussalam)
 3. Prof. Dr. Amran Halim (Indonesia)

CERAMAH

Panelis 1: Prof. Dato' Dr. Hjh. Asmah Hj. Omar (Malaysia)

Sekarang saya harus membuat cakupan balik kepada apa yang dibincangkan dalam dua hari ini. Menurut pandangan saya, pertanyaan yang dapat saya simpulkan selama dua hari ini ialah: Adakah perancangan bahasa atau perencanaan bahasa (*language planning*) yang kita lakukan selama ini sudah mencukupi dalam pembinaan suatu bahasa. Dalam *language planning*, ada dua dimensi yang diletakkan, yaitu *language status planning* dan *language corpus planning* (perancangan taraf bahasa dan perancangan korpus bahasa). Nampaknya, kedua dimensi itu tidak mencakupi dalam pembinaan bahasa kebangsaan kita. Hal ini bukan sesuatu yang baru saya perhatikan karena saya telah melakukan perbandingan *language planning* di berbagai negara yang sedang membangun. Kemudian dimasukkan satu dimensi lagi dalam rancangan bahasa, yaitu *acquisition planning*. Apabila kita sudah menetapkan *status planning* atau *allocation of language use* menjadi taraf bahasa kebangsaan, taraf bahasa resmi, dan taraf bahasa yang digunakan dalam pendidikan, maka kita juga mengerjakan *corpus planning* dan *acquisition planning* seperti yang berlaku di Malaysia dari tahun 50-an. *Acquisition planning* adalah mengajar bahasa Melayu kepada orang Melayu dan penutur bukan Melayu supaya mereka nanti dapat menggunakan bahasa itu dalam semua situasi yang kita ingini. Apabila kita telah mencapai *acquisition planning* bagi bahasa kebangsaan, kita juga mengerjakan *acquisition planning* untuk bahasa kedua. *Acquisition planning* untuk *second language* diperlukan di Malaysia karena

masyarakat dan filsafat pembinaan negara sedemikian rupa. Dalam dasar pendidikan Malaysia dikatakan bahawa bahasa Inggris itu merupakan *second language*. Meskipun dikatakan oleh *applied linguist*, itu bukan *second language*, tetapi *foreign language*, di Malaysia tetap dikatakan *second language*. Dengan adanya perancangan yang teliti dalam *acquisition planning*, *status planning*, dan *corpus planning*, kita masih mendapati rungutan, resahan seperti yang kita dengar dalam dua hari sidang kita ini, yaitu bahasa kebangsaan kita itu belum mencapai taraf keintelektualan, taraf penggunaannya dalam bidang akademik, seperti yang kita kehendaki. Walaupun bahasa Inggris sekarang lebih menggairahkan di Malaysia, namun penghasilan penerbitan ilmiah atau penerbitan dalam bidang apapun dalam bahasa Inggris juga tidak begitu menyenangkan, baik dari segi kuantiti maupun dari segi kualiti. Perdana Menteri Malaysia mengatakan bahawa sekarang di Malaysia universiti boleh—bukan mesti dan bukan hendaklah—menggunakan bahasa Inggris untuk mengajar bidang sains dan teknologi. Pernyataan itu boleh ditafsirkan sebagai kehendak beliau untuk melihat Malaysia hanya dalam bidang sains dan teknologi. Apa yang dikatakan *policy* atau dasar yang baru ini harus ditafsirkan sendiri. Universiti Malaya telah menafsirkan ini dan kami membuat tafsiran yang menguntungkan pihak kita. Senat Universiti Malaya yang dikenal sebagai senat yang kuat karena perdebatan di dalam senat itu selalu dikatakan lebih hebat dari perdebatan di parlemen Malaysia menyatakan bahawa ini bukan sebagai suatu kemestian. Dekan mengatakan bahawa atas kehendak akademik atau sembarang keperluan, kita boleh memberi kursus dalam bahasa Inggris. Negara berkeinginan rakyat Malaysia dapat mencapai ilmu pengetahuan sebanyak-banyaknya. Kalau kita lihat konteks pewujudan ucapan Perdana Menteri itu, maka penyebab keluarnya himbauan itu adalah karena kekecewaan beliau terhadap lambatnya penghasilan ilmu yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia. Dia pernah mengatakan bahawa terjemahan terlalu lambat datangnya dan walaupun terjemahan cepat datangnya—hari ini kita terjemahkan—besok sudah *out of date*. Jadi, apa salahnya kita menguasai bahasa Inggris dengan baik karena tidak akan merugikan rakyat kita. Kalau kita baca betul *The Way Forward*, yaitu ucapan Perdana Menteri dalam tahun 1993 yang menerangkan maksud wawasan 2020-nya itu,

maka ada satu perenggan yang menyangkut penggunaan. Di situ dikatakan bahawa rakyat Malaysia harus dapat memahirkan diri dalam sebanyak-banyak bahasa. Sebagai manusia, kita tidak mungkin menguasai dan mahir dalam banyak bahasa. Paling banyak kita menguasai dua atau tiga bahasa. Pada masa akan datang rakyat Malaysia seharusnya menyumbang ke arah perkembangan dan pembinaan intelektual dunia. Tidak semata "mengambil dari orang". Apabila kita dapat menyumbang kepada dunia, dunia akan melihat apa yang kita sumbangkan itu sehingga dengan sendirinya dunia akan belajar bahasa kita. Itulah manfaat yang dapat diambil Malaysia jika kita menguasai bahasa Inggris. Makalah saya yang akan terbit dalam *International Journal of the Sociology of Language* mengatakan bahawa ada satu lagi dimensi dalam *language planning*, yaitu *image building* (pembinaan imej), bukan hanya setakat *status planning* atau *corpus planning* atau *acquisition planning*. Kalau orang akan membina imejnya tokoh operet, tokoh politik, maka mereka membayar pembina imej untuk memberi nasihat pada mereka. Melalui pembinaan itu, mereka akan mengetahui bagaimana dia harus berbicara, memegang hak pembinaan imej. Kalau tokoh politik sebelum pemilu harus memberi bayaran yang begitu banyak untuk *image building*, maka bahasa juga memerlukan *image building* ini dalam rancangannya. Dalam hal ini, sumbangan yang dapat puan dan tuan berikan ialah menghasilkan karya sebanyak-banyaknya dalam bahasa dan ilmu kita. Karya kita mesti datang dari *primary research* sehingga akan menjadikan kita *scientist* yang ulung. Pak Willie Koen dalam ceramahnya menyatakan bahawa kamus Inggris, baik *Oxford English Dictionary* maupun *Webster* bersifat definitif, yaitu definisinya dari A sampai dengan Z seragam. Kita boleh mengatakan bahawa kamus itu mempunyai *standardization*. Kalau kita lihat kamus kita, maka tampak bahawa kamus kita itu hanya bersifat *explaining* tidak *define*. Untuk dapat memberi definisi, kita harus mempunyai satu taraf pemikiran yang abstrak, kita tidak akan bisa membuat *definition* kalau tidak ada pemikiran yang tinggi dan abstrak. Dalam kuliah saya di Universiti Malaya, saya selalu memberi suatu tugas pada mahasiswa untuk membuat *definition*. Pada tahun 3 (*final year*), mereka suka sekali membuat *definition* karena *definition* itu memerlukan *conceptualization*. Saya tidak tahu apakah ini berlaku di Indonesia.

Jadi, bila kita bercakap tentang pembinaan bahasa kita timbul perkara lain yang harus menjunungi pembinaan bahasa kita.

Panelis 2: Dato Paduka Haji Ahmad bin Kadi (Brunei Darussalam)

Saya akan bercakap dari sudut lain, yaitu perkara-perkara yang kita timbulkan dalam majelis ini dan mungkin akan menambah sedikit banyak pendapat yang telah dituangkan oleh rekan saya dari Brunei Darussalam. Setelah kita mendengar perbincangan yang diadakan selama dua hari, ternyata perkembangan bahasa Melayu di tiga negara, khususnya Malaysia, Brunei Darussalam, dan Indonesia menggambarkan bahawa setiap negara mempunyai suatu gaya dan lenggang-lenggok yang terasing dalam menangani bahasa kebangsaan atau bahasa resminya. Hal ini cukup menarik dan diakui oleh pakar-pakar bahasa yang menyatakan bahawa keunikan itulah yang perlu dihidupkan di masing-masing negara. Dunia Melayu akhir-akhir ini mempunyai ± 225 juta penduduk. Jumlah penduduk itu merupakan angka yang besar. Penduduk Brunei yang berada dalam jumlah 225 juta itu sangat sedikit jumlahnya. Karena itu, Brunei sepatutnya tidak bersuara di Majelis yang mulia ini. Tetapi, karena kepentingan negara, kami diberi bersuara. Suara Brunei terlalu kecil dan tidak berapa lantang dan mungkin tidak bernas, mohon diambil pengertian. Kalau saya bandingkan penduduk Brunei mungkin sama dengan penduduk di kampung Anda di Sabak Berenam atau lebih kurang sedikit dari penduduk di salah satu sudut Padang yang hanya diketuai oleh seorang kepala kampung (lurah). Sedangkan Brunei dengan penduduk sekecil itu dikepalai oleh perdana menteri yang terdiri atas 13 menteri dan mempunyai sekitar 40 jabatan. Setengah orang beranggapan bahawa negeri yang sekecil itu agak mudah diperintah. Baru-baru ini saya bercakap-cakap dengan teman kalau kami mengagung-agungkan sebuah negara yang aman dan makmur karena penduduk kami hanya 260 ribu. Kalau kita punya 50 juta penduduk mungkin kita pusing kepala sedikit. Demikianlah kata-kata orang awam. Selain itu, mengenai bahasa ini ada kesan-kesan yang mempengaruhi perkembangan bahasa itu setelah saya kutip, suara-suara pandangan-pandangan di sini ialah sesuai dengan kedudukan tempat atau negara. Sains negara itu

